

**Bil. 7**

**Selasa  
30 Julai 2013**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop</i>	(Halaman 22)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 38)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
5. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Senator*  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
6. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. “ Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*  
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
8. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
9. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
10. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
11. “ Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiew Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
18. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
19. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
20. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
21. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
22. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
23. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
24. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
25. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
26. “ Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
27. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*  
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
28. “ Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
29. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
30. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
31. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
32. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
33. “ Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
34. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
35. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)

36. Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah Binti Mahat (Dilantik)
37. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
38. “ Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
39. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
40. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
41. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
42. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
43. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
44. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
45. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
46. “ Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
47. ” Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
48. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
49. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
50. “ Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy – *Senator*  
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
51. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
52. “ To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Lamien bin Sawiyo

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Che Seman bin Pa Chik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir



**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Selasa, 30 Julai 2013**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) harga rumah di sekitar bandar-bandar besar melambung tinggi dan menyebabkan golongan pertengahan sering menghadapi kesukaran membeli hartanah. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengawal harga-harga rumah ini dan adakah mekanisme atau badan untuk mengawal dan memantau harga-harga rumah diwujudkan; dan
- (b) penyelenggaraan rumah-rumah pangsa kos rendah terutamanya amat tidak memuaskan hati penghuni-penghuni di rumah pangsa tersebut. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang telah pun dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha kerajaan untuk menstabilkan harga rumah ini, kerajaan masih lagi berpegang kepada prinsip pasaran bebas iaitu *free market* yang menentukan harga rumah melalui permintaan dan juga penawaran bagi menggalakkan lagi pertumbuhan industri perumahan di Malaysia. Tanggungjawab kerajaan bagi memastikan supaya nasib rakyat yang berpendapatan rendah terbelah dan tidak ketinggalan dalam usaha untuk memiliki rumah ini, maka kerajaan hanya mengawal harga rumah kos rendah (RKR) tidak melebihi daripada RM42,000 di kawasan Semenanjung Malaysia dan tidak melebihi daripada RM50,400 bagi kawasan Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kesemua keperluan dan sentiasa mendengar kepada keluhan dan juga rintihan rakyat. Maka kerana itu, kerajaan mengambil usaha untuk dilaksanakan supaya dapat menstabilkan harga rumah seperti langkah-langkah yang dilaksanakan ialah:

- (i) Cukai Keuntungan Harta Tanah;
- (ii) melalui Nisbah Pembiayaan Perumahan; dan
- (iii) melalui Garis Panduan Bank Negara bagi mengenakan syarat yang lebih ketat kepada para peminjam bagi menjamin kemampuan peminjam membayar balik pinjaman-pinjaman mereka.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pada penghujung tahun 2010, penganan nisbah pinjaman kepada nilai *loan to value*, dengan izin, sebanyak 70 peratus ke atas individu yang memiliki lebih daripada dua pinjaman perumahan telah pun melembapkan kenaikan harga rumah. Secara tidak langsung, ia juga dapat mengawal jangkaan jangka pendek serta aktiviti-aktiviti spekulasi.

Pertumbuhan tahunan pemberian pinjaman kepada individu juga memberi dan mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan menurun dengan ketara daripada 14.5 peratus pada bulan November 2010 kepada 1.9 peratus pada bulan Disember 2012.

Pelaksanaan nisbah pinjaman kepada nilai ini oleh Bank Negara Tuan Yang di-Pertua, telah memberikan kesan yang diharapkan oleh kerajaan dan telah memberikan kesan yang diharapkan oleh rakyat dalam menyederhanakan pemberian pinjaman bank bagi kegiatan yang berkaitan dengan pembelian harta kediaman untuk tujuan-tujuan pelaburan dan spekulasi sambil mengekalkan akses kepada pembiayaan bagi pembeli rumah tulen yang mahu memiliki rumah.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil inisiatif mengawal harga rumah dengan menambahkan lagi bekalan-bekalan rumah dalam pasaran di kawasan-kawasan strategik di bandar, pinggir bandar bagi membolehkan rakyat membeli pada harga yang munasabah. Maka kerana itu, kerajaan mengambil beberapa inisiatif, antaranya:

- (i) membina lebih banyak rumah di bawah PPR bagi golongan berpendapatan rendah;
- (ii) Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA); dan
- (iii) Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia oleh SPNB.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawal harga rumah, ia bukan sahaja merupakan tanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan semata-mata. Ia juga menjadi agenda nasional yang melibatkan Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri, penglibatan secara kolektif.

Maka dengan itu, tuntutan keperluan rumah oleh rakyat ini adalah merupakan satu perkara paling asas dalam kehidupan setiap isi rumah. Maka kerana itu, kerajaan negeri juga seharusnya memainkan peranan dalam usaha untuk mengawal harga dengan memastikan bahawa kuota pemajuan perumahan swasta untuk rumah kos rendah dan rumah mampu milik perlu dipatuhi.

Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri tidak sepatutnya mengambil pendekatan yang mudah dengan melakukan kontra kepada kuota perumahan kos rendah dan mampu milik yang mana pemaju diminta membayar jumlah tertentu berdasarkan kepada unit yang tidak dibina kepada kerajaan negeri sebagai bayaran. Kerajaan negeri pula tidak seharusnya memejamkan mata mengambil kontra kewangan yang ada dan tanpa melaksanakan peranan selanjutnya untuk membina rumah-rumah murah dan juga mampu milik yang diperlukan oleh rakyat.

Dalam usaha untuk mengawal harga rumah di pasaran ini Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa agensi yang memainkan peranan dan memantau. Bukan sahaja peranan dan tanggungjawab KPKT semata-mata tetapi beberapa agensi dan jabatan dan kementerian yang bertanggungjawab untuk meletakkan polisi fiskal kepada permasalahan yang dibangkitkan:

- (i) Bank Negara Malaysia menetapkan syarat-syarat pinjaman perumahan;
- (ii) Kementerian Kewangan menetapkan nilai dan juga kadar cukai dan duti setem;
- (iii) KPNDKK memantau kadar perubahan harga bahan binaan; dan
- (iv) KPKT menetapkan Dasar Perumahan Negara sebagai pemacu kepada transformasi industri perumahan.

Menjawab kepada persoalan Yang Berhormat bagi soalan (b) penyelenggaraan rumah-rumah pangsa kos rendah dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam pada setiap projek perumahan PPR dia melibatkan tiga fasa. Bagi peranan kementerian yang pertama ialah pembiayaan. Kedua ialah perancangan. Ketiga ialah pembinaan.



**■1010**

Tanggungjawab kepada kerajaan negeri pula apabila selesai pembinaan kita serah kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri bertanggungjawab untuk menentukan pengisian dan penyelenggaraan. Maka kerana itu, tanggungjawab mengurus dan menyelenggarakan rumah-rumah PPR ini adalah merupakan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan, membantu seterusnya bersama-sama dengan kerajaan negeri dan yang paling penting ia menjadi peranan dan tanggungjawab kepada masyarakat komuniti yang menghuni rumah-rumah PPR itu.

Ini kerana apa Tuan Yang di-Pertua, kita perhatikan kepada sesetengah perumahan PPR yang ada ini, tanggungjawab itu diserahkan bulat-bulat kepada kerajaan semata-mata. Penduduk dan penghuni unit-unit rumah yang ada lepas tangan dan tidak bersama-sama memainkan peranan untuk menentukan premis kedudukan mereka ini berada dalam keadaan yang baik, selain daripada mengharapkan pemantauan yang dijalankan oleh pihak PBT, kerajaan negeri dengan dibantu oleh Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM500 juta sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh antara tahun 2011 hingga tahun 2015, untuk melaksanakan program penyelenggaraan yang kita panggil PPP. Kita memberikan peruntukan kepada PBT untuk membantu menyelenggarakan perumahan-perumahan PPR ini. Itu adalah bagi perumahan-perumahan awam yang dibina oleh kerajaan. Bagi perumahan-perumahan swasta, kos sederhana dan kos rendah swasta, kerajaan tubuhkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) untuk membantu menanggung bersama-sama menyumbang 90 peratus daripada kos keseluruhan untuk penyelenggaraan dan baik pulih, menjadi tanggungan kepada kementerian melalui tabungan ini dan 10 peratus pula ditanggung oleh pihak pengurusan.

Kita harap mudah-mudah Tuan Yang di-Pertua dengan segala usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan ini untuk menterjemahkan pembinaan satu juta rumah mampu milik dalam manifesto yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pilihan raya yang lepas untuk tempoh lima tahun ini, akan dapat diterjemahkan dengan kerjasama pelbagai kementerian dan juga agensi yang ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab tadi.

Soalan tambahan saya ialah yang pertama, adakah disebabkan oleh ramai pembeli dari negara-negara jiran yang menyebabkan harga rumah khususnya di kawasan bandar meningkat dengan pantas sekali?

Keduanya, adakah kementerian memberi pendedahan kepada penghuni-penghuni, kaedah menjaga kawasan kediaman mereka seperti yang berlaku di Singapura? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Soal faktor kenaikan harga rumah ini Yang Berhormat, dia bukan kerana pembelian harta oleh pemegang-pemegang pemilik asing yang ada. Dalam usaha untuk menentukan perumahan-perumahan ini mampu dimiliki oleh rakyat tempatan dan faktor yang menyebabkan kenaikan harga rumah ini, bukan disebabkan oleh perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Antara faktor yang menyebabkan kenaikan harga rumah ini Tuan Yang di-Pertua ialah seperti permintaan dan penawaran yang tidak *balance* dan sebagainya. Aktiviti spekulasi yang meningkatkan lagi kos bahan-bahan binaan dan peningkatan harga tanah, kos buruh dan juga kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pemaju. Untuk menterjemahkan pemilikan rumah mampu milik kepada rakyat yang memerlukan, kerajaan tidak ada kompromi kepada keadaan-keadaan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh isu penyelenggaraan rumah pangsa, banyak insiden yang berlaku. Baru-baru ini berlaku di ibu kota di mana lif yang tidak diselenggarakan telah menyebabkan kematian kanak-kanak akibat tersepit.

Saya melihat soal kewangan. Kerjasama dan sikap penghuni serta peranan kerajaan negeri termasuk PBT adalah antara faktor yang menyumbang kepada sebahagian besar rumah pangsa berada dalam keadaan daif yang menyebabkan berlaku pelbagai perkara. Soalan tambahan saya, bagaimana kementerian melihat kutipan yang tidak memberangsangkan menjadi penyebab utama banyak kematian yang tidak disangka dengan sebenar seperti lif, lampu, bayaran kutipan sampah, bayaran kebersihan dan landskap.

Juga adakah kementerian dan PBT bercadang untuk mewajibkan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan bagi menguruskan bangunan untuk kepentingan bersama? Bagi mana-mana rumah pangsa yang memenuhi spesifikasi yang ditetapkan agar isu-isu ini boleh ditangani dengan baik. Apa pandangan kementerian?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah jelaskan tadi yang berhormat. Dalam urusan untuk menyelenggarakan PPR ini ia menjadi tanggungjawab bersama. Ia bukan menjadi tanggungjawab persendirian kerana seperti mana yang saya jelaskan antara dua fasa tadi iaitu peranan Kerajaan Pusat dan peranan kerajaan negeri.

Apabila kita sudah serahkan pembinaan perumahan PPR ini kepada kerajaan negeri dan PBT bertanggungjawab. Maka kerana itu telah pun dinyatakan bahawa bagi setiap PPR yang ada perlu diwujudkan *management committee*nya atau MC. Untuk mewujudkan *management committee* Yang Berhormat, datang dengan perkhidmatan. Perkhidmatan yang perlu dilaksanakan seperti Yang Berhormat sebut tadi, kutipan sampah, landskap, suasana kemudahan-kemudahan awam yang ada, lif yang rosak dan sebagainya yang perlu kepada pembiayaan. Bila ada MC, dikenakan sedikit bayaran (*fees*) supaya dia menjadi peranan dan tanggungjawab bersama. Ini kerana kita tidak boleh melaksanakan perkhidmatan dengan memberikan percuma semata-mata.

Akhirnya manusia seperti biasa akan dengan izin, *take things for granted*, tanpa memberikan komitmen dan tanggungjawabnya. Maka apabila ditubuhkan MC ini sepatutnya penghuni atau tuan punya unit kena bayar sedikit *fees* dalam tabungan yang ada untuk menggerakkan aktiviti MC, menyelenggarakan kemudahan yang ada di PPR dan juga untuk membantu PBT menguruskan penyelenggaraan di PPR yang tersebut.

Namun begitu Yang Berhormat, pihak kementerian sedar bahawa ini adalah antara masalah yang sedang berlaku. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Kerajaan negeri perlu lebih galak lagi. Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat tadi, sepatutnya kerajaan negeri dan PBT lebih bertanggungjawab, mengadakan pemantauan berkala, untuk turun melihat. Jangan kerana rakyat tidak bayar maka ditinggalkan dan akhirnya berlaku kemalangan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya harap selepas ini...

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Negeri mana itu?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tidak, ini kepada semua kerajaan negeri kerana bila kita sudah bina, kita serah kepada semua kerajaan negeri. Saya menyarankan kepada semua kerajaan negeri dan PBT supaya lebih bertanggungjawab, mengadakan pemantauan berkala supaya rumah-rumah PPR ini tidak terpinggir dan tidak terasing daripada menikmati kualiti hidup yang baik. Kalau tidak mampu kita ada tabungan PPP yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon satu lagi soalan tambahan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup itu Yang Berhormat.

**2. Tuan Chiew Lian Keng** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, berapakah jumlah kuil, tokong dan gereja yang didirikan di atas tanah kerajaan atau tanah persendirian secara tanpa izin, dan sama ada mereka ini diperuntukkan tanah rumah ibadat oleh Pejabat Tanah dan Galian sebelum pihak penguat kuasa ambil tindakan pengosongan tapak.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Senator Chiew. Sebelum saya menjawab soalan, benarkan saya mengucapkan kepada semua saudara saudari Muslim, selamat menunaikan ibadah puasa, salam 1Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng, di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur jumlah kuil di tanah kerajaan adalah sebanyak 121 buah, manakala di tanah milik adalah sebanyak 46 buah. Manakala jumlah tokong di tanah kerajaan adalah sebanyak 53 buah dan di tanah milik sebanyak 73 buah. Untuk gereja yang berada di tanah kerajaan adalah sebanyak dua buah manakala di atas tanah milik pula adalah sebanyak lima buah.

Pejabat Tanah dan Galian tidak memperuntukkan tanah sebagai ganti. Hanya DBKL mempunyai draf pelan Bandar Raya 2020 (*local plan*) untuk menentukan kawasan atau zon untuk rumah ibadat bukan Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah inisiatif Yang Berhormat Menteri sudah berhasrat dan dalam proses menubuhkan suatu badan penasihat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), yang dianggotai oleh wakil-wakil dari pelbagai agama. Sebarang notis pengosongan dan tindakan oleh pihak penguat kuasa akan dikaji secara teliti dengan mengambil kira sensitiviti agama, masyarakat berbilang kaum. Sekian, terima kasih.

#### ■1020

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan yang pertama Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng.

**Tuan Chiew Lian Keng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam kehidupan ada beberapa keperluan yang perlu dipenuhi dan memenuhi kewajipan agama merupakan keperluan utama dalam kehidupan, tidak kira jenis agama. Soalan saya adalah adakah kementerian menyediakan tanah rumah ibadat untuk memenuhi keperluan masyarakat serta berapakah permohonan yang telah diluluskan oleh kementerian kebelakangan ini? Memandangkan kementerian akan menubuhkan penasihat rumah-rumah ibadat, adakah parti-parti politik dijemput untuk menyertai bersama? Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, buat masa sekarang satu draf pelan bandar raya DBKL telah pun dilaksanakan dan *local plan* ini masih dalam keadaan drafnya yang mana peruntukan kepada rumah-rumah ibadat bukan Islam telah pun ditentukan. Ada kawasan-kawasan yang telah disediakan untuk rumah-rumah ibadat tanpa mengambil kira kepentingan agama bagi semua bilangan masyarakat.

Bagi soalan kedua pula untuk Jawatankuasa Penasihat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) ini, pada masa sekarang hanya dianggotai oleh ahli-ahli daripada NGO-NGO yang menunaikan aspek agama, belum lagi dimasukkan ahli-ahli politik lagi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan seterusnya tidak ada kita beralih kepada soalan seterusnya soalan Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu. Dipersilakan Yang Berhormat.

**3. Datuk Haji Saat bin Haji Abu** minta Perdana Menteri menyatakan, cadangan kepada kerajaan supaya dapat menyelaraskan kenaikan pencen-pencen kakitangan Telekom yang diberi persaraan pilihan kepada kakitangannya, mohon selaraskan dengan kakitangan lain yang menerima pencen sekurangnya RM750 pada setiap bulan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Yang Berhormat kadar pencen bulanan bagi pesara ditetapkan di bawah Undang-undang Pencen berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dan gaji akhir. Sekiranya tempoh perkhidmatan seseorang pegawai itu adalah sekurang-kurangnya 25 tahun maka Undang-undang Pencen meletakkan beliau akan dibayar sekurang-kurangnya RM820 sebulan.

Jabatan Perkhidmatan Awam bersedia untuk membantu memberi nasihat dan memberi perkhidmatan yang sewajarnya termasuk untuk menentukan kadar pencen diterima berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat, bahawa semasa Telekom diswastakan, pegawai-pegawai ini kebanyakannya berkhidmat kurang daripada tempoh yang telah disebutkan. Akan tetapi mereka mencarum kepada EPF dan kita tahu bahawa caruman kepada EPF itu dianggap sebagai kaedah pencen. Kalau kita hendak kira EPF yang dia dapat, dia melebihi daripada pencen yang dia akan dapat selepas itu.

Cuma yang masalah besar, orang-orang kita rakyat Malaysia ini menguruskan duit ini yang dapat sekali gus itu sering kali mereka gagal. Sering kali digunakan kepada perkara-perkara yang kadang-kadang mendatangkan mudarat kepada mereka balik. Pencen ini sebenarnya macam pengurusan kewangan yang dibuat secara bulanan. Jadi, untuk Telekom tadi, mereka mencarum kepada EPF dan caruman yang dapat itu agak tinggi. Ada satu kes yang satu orang pegawai mencarum selama tiga tahun kepada EPF dalam tahun 70-an dahulu sekarang ini dia beritahu duit tersebut sudah menjadi dekat RM170,000. Jadi, kalau hendak dapatkan pencen katalah bulanan RM1,000 jadi duit yang dia dapat itu sudah melebihi daripada pencen.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang pertama, silakan Yang Berhormat Datuk Haji Saat.

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Cuma persoalannya sekarang ini yang saya hendak timbulkan ialah pada tahun 1986 kerajaan telah pun melaksanakan Dasar Penswastaaan Negara dan Jabatan Telekom adalah merupakan jabatan yang awal sekali diswastakan.

Jadi, pada ketika itu kakitangan diberi pilihan sama ada berkhidmat dengan jabatan ataupun kekal di dalam jabatan kerajaan. Persoalannya sekarang ini, apabila kita diberi pencen pilihan dan pada ketika ini kita lihat masih lagi kakitangan yang menerima pencen, contohnya sebagai buruh kasar, pencennya kurang daripada RM200 sebulan. Kumpulan teknikal, kumpulan 'C' kebanyakan mereka ini mendapat pencen kurang daripada RM450 sebulan.

Persoalan yang saya hendak bicarakan dalam Dewan ini adalah kerana perkara ini dilaksanakan oleh dasar kerajaan, memberi pilihan kepada kakitangan kerajaan untuk memilih penswastaaan dan kekal di dalam jabatan kerajaan. Jadi, pada ketika ini penyelarasan pencen sekurang-kurangnya tadi Yang Berhormat cakap RM820. Jadi, kalau boleh di dalam Dewan yang mulia ini kita minta supaya kerajaan dapat selaraskan pencen-pencen kerana mereka ini adalah bekas kakitangan kerajaan yang pernah berkhidmat dalam kerajaan pada suatu ketika dahulu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dibawa ke pelbagai peringkat sudah, tentang Telekom ini tetapi perkara yang asas itu ialah dia telah mencarum kepada EPF dan dia telah dapat balik daripada EPF itu. Duitnya begitu banyak dan kalau dalam bahasa yang mudahnya ialah kalau dikira balik RM820 itu, kira dia dapat lebih lagi.

Jadi, kemungkinan besar perkara ini akan ditimbulkan, bila dia timbulkan perkara ini, kita akan persoalkan balik. Ke mana pergi duit EPF itu? Oleh sebab EPF adalah kaedah pencen. Kalau sekiranya mungkin dia telah terbelanja EPF, jadi pencen yang diterima ini jadi sedikitlah tetapi kalau EPF itu disimpan dan dikeluarkan seolah-olahnya macam dikeluarkan duit pencen, dia tidak lari ke mana. Walau bagaimanapun, saya ingat Yang Berhormat, semua pihak ini boleh berbincang dengan JPA, Bahagian Pencen untuk mendapatkan perkiraan yang sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya Tuan Syed Shahir. Silakan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah adakah jabatan-jabatan lain seperti mana Telekom, yang juga sama halnya seperti mana yang dibangkitkan dalam soalan ini? Misalnya sebagai contoh, dahulu sebelum ada TNB ada Lembaga Elektrik Negara, Jabatan Air misalnya, sudah diswastakan. Jadi, adakah staff ataupun pegawai-pegawai yang memilih untuk masuk ke dalam skim ini dan akhirnya mendapat masalah seperti mana yang ditimbulkan tadi?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Semua sekali jabatan kerajaan, agensi kerajaan yang terlibat di dalam penswastaaan diberi buat pilihan.

Kalau dia masuk swasta, dia dapat pendapatan lebih, sudah pasti budaya kerjanya lain tetapi kalau dia masuk kerajaan, dia akan dapat seperti yang telah disebutkan. Cuma satulah yang harus dilihat di sini kalau mereka duduk di kerajaan, makna kata peluang kenaikan pangkat dan sebagainya mungkin tertutup sebab jabatan itu sudah jadi makin kecil.

Contohnya macam BERNAS, sebelum diswastakan dia LPN tetapi selepas diswastakan dia jadi BERNAS dan jabatan yang masih tinggal dengan kerajaan itu dipanggil jabatan kawal selia. Sudah pasti dia lebih kecil daripada BERNAS yang besar itu. Walau bagaimanapun, kerajaan telah ambil beberapa pendekatan dan perkiraan supaya anggota kerajaan yang masuk ke swasta itu tidak rugi malah dia bertambah baik dan kalau tinggal dengan kerajaan pun dia juga akan berada di tahap yang sebaiknya.

#### ■1030

Kalau ada kes-kes yang tertentu yang menunjukkan bahawa setelah diswastakan ia menjadi bertambah buruk, yang itu kita perlu dapatkan maklumat tetapi setakat ini orang yang diswastakan bukan sahaja dapat pendapatan yang lebih tetapi budaya kerja juga jadi lain. Walaupun penswastakan ini dibuat awal dahulu, dalam 80-an dahulu pegawai kerajaan yang didedahkan dengan swasta itu, dia sudah ada satu bentuk budaya kerja yang lain yang lebih mencabar. Jadi dia ada kebaikan dan ada kekurangan. Itu tak dapat kita nafikan. Sekarang kita nak tengok sejauh mana kalau sekiranya boleh dibuktikan bahawa orang yang sama yang pergi ke swasta itu lebih rugi dan lebih teruk. Itu kena dibuktikan supaya sesuatu boleh difikirkan oleh pihak kerajaan.

**4. Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, sejauh manakah sambutan program Satu Azam (1AZAM) di seluruh negara dan bagaimana sambutan program tersebut di kalangan kaum India.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Nallakaruppan pada hari ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim pada 1 Ogos kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait. Pihak kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat khususnya golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah.

Dalam hal ini program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara ataupun *National Key Result Areas* (NKRA) meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah (LIH) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terus dipergiat untuk membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan keluarga melalui bidang perniagaan AZAM Niaga, bidang perkhidmatan AZAM Khidmat, bidang pertanian AZAM Tani dan bidang pekerjaan AZAM Kerja.

Bagi tempoh Januari 2010 sehingga 31 Disember 2012, program 1AZAM telah menampakkan keberkesannya dengan penyertaan sejumlah 106,967 orang daripada seluruh negara. Daripada jumlah ini seramai 4,523 orang peserta atau 4.2 peratus adalah golongan India dan seramai 70,224 orang peserta pula atau 65.65 peratus adalah golongan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, program 1AZAM telah memberi kesan yang positif terhadap para peserta yang mengikuti program ini khususnya penjana pendapatan tambahan kepada keluarga daripada aktiviti ekonomi yang dijalankan. Berdasarkan pemantauan yang telah dibuat daripada Januari hingga Disember 2012, kita dapati seramai 11,694 orang peserta program telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarga mereka hingga melepasi paras garis kemiskinan (PGK). Terima kasih.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, bagaimanakah pihak kementerian dapat memastikan program ini akan memberi faedah yang sama rata kepada semua kaum? Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memanglah menjadi agenda kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional bahawa apa juga yang kita laksanakan dalam negara kita ini terutama sekali yang ada kaitan dengan kebajikan masyarakat kita adalah merentasi kaum dan juga merentasi seluruh negara kita Malaysia, satu Malaysialah, Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan melibatkan semua kaum yang ada di dalam negara kita.

Kita memang ada membuat pendaftaran rakyat kita yang miskin dan rakyat kita yang miskin tegar, ini meliputi semua kaum dan mengikut statistik yang ada pada kita pada hari ini mengikut kumpulan etnik di seluruh negara kita, sehingga 25 Julai 2013 ini kita ada orang Bajau daripada Sabah, Bidayuh daripada Sarawak, orang Cina pun tidak ketinggalan, Dusun, Iban, India, Kadazan dan lain-lain, Melayu, Orang Asli, orang Penan, semuanya kita *capture*, dengan izin di dalam e-Kasih. Mereka inilah yang menjadi kumpulan sasar kita apabila kita melakukan program pembasmian kemiskinan, termasuklah program 1AZAM ini.

Oleh kerana itulah di seluruh Malaysia ini yang tadi saya sebutkan 106,000 itu adalah meliputi seluruh negara kita dan meliputi semua kaum dan keturunan yang ada dalam negara kita. Untuk memastikan program ini berjaya, kita ada mekanismenya. Kita ada kerjasama dengan pelbagai jabatan dan kementerian yang ada di dalam negara kita yang AZAM ini tadi kita ada Kementerian Pertanian, kita ada bersama dengan AIM, dengan Kementerian Sumber. Semua ini bekerjasama dan seterusnya dipantau secara berkala bagi memastikan program yang dilaksanakan itu, bantuan yang diberikan itu benar-benar memberikan manfaat dan dapat memastikan mereka yang terlibat ini keluar daripada kepompong kemiskinan ataupun paras garis kemiskinan tadi. Jadi Yang Berhormat untuk makluman semua dan Yang Berhormat yang bertanya tadi memang program Kerajaan Barisan Nasional ini adalah untuk semua rakyat dan kita pastikan ia juga akan dapat membantu semua rakyat tidak kira suku kaum mereka. Terima kasih.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dapat melaksanakan program 1AZAM dalam usaha strategik kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan wanita pelbagai kaum. Soalan tambahan saya, apakah lagi langkah kerajaan bagi memperkasakan program 1AZAM bagi menambah pendapatan keluarga khususnya suri rumah dan ibu tunggal dan sejauh manakah program ini telah membantu dan memberi faedah kepada golongan yang memerlukan di peringkat akar umbi? Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tadi. Seperti saya sebutkan tadi bahawa program 1AZAM ini telah pun dapat sambutan daripada lebih 100,000 peserta seluruh negara kita iaitu 106,967 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 70,202 ataupun 65.65 peratus adalah daripada golongan kaum wanita. Ini termasuklah juga kaum ibu tunggal di seluruh negara kita. Program ini *alhamdulillah* setakat ini kita lihat adalah amat berjaya sekali dan untuk memastikan ia betul-betul berjaya di peringkat akar umbi di kalangan kaum wanita itu, maka kita ada kerjasama dengan AIM.

Dengan AIM ini di mana mereka ini bukan sahaja mengenal pasti para peserta yang akan kita majukan ini tetapi mereka juga mengenal pasti semua para wanita yang diberikan bantuan 1AZAM ini bukan sahaja diberikan bantuan dari segi kewangan, barangan alat-alat yang mereka perlukan untuk berniaga ataupun majukan lagi perniagaan mereka tetapi mereka juga diberikan latihan. Latihan bagaimana mereka menggunakan alat-alat yang diberikan itu. Juga mereka ini diberikan kursus bagaimana meningkatkan kemampuan mereka, kualiti mereka di dalam bidang perniagaan khususnya kalau mereka kurang pandai daripada segi penyimpanan akaun atau *book keeping* dengan izin, maka kementerian kita bersama dengan AIM akan bekerjasama lagi dengan agensi-agensi yang lain bagi memastikan ilmu seperti yang demikian yang diperlukan untuk maju dalam perniagaan ini diberikan kepada semua wanita ini termasuklah ibu tunggal dari semasa ke semasa.

Pemantauan akan diadakan juga kalau dengan AIM seperti mana Yang Berhormat juga maklum, mereka mengadakan perjumpaan setiap minggu. Dalam masa setiap minggu ini mereka akan tengok sama ada mereka telah berjaya, ada masalahkah tidak, mungkinkah mereka memerlukan lagi bantuan tambahan dari segi pinjaman dan lain-lain.

## ■1040

Daripada situlah kita akan dapat melihat keberkesanan program yang kita laksanakan ini. Sekiranya masih kurang lagi berkesan, maka kita akan cari jalan lagi, kita akan bincang lagi dengan semua *stakeholders* kita, supaya kita dapat menambah baik lagi apa juga kerja-kerja yang kita laksanakan, bantuan yang kita berikan ini supaya ia benar-benar memberikan manfaat kepada kumpulan sasar kita di akar umbi sana. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon satu lagi soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup itu Yang Berhormat.

5. **Dato' Dr. Johari bin Mat** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kesan ekonomi, sosiobudaya dan keselamatan yang kini dialami oleh masyarakat Lahad Datu ekoran daripada pencerobohan oleh kaum Sulu baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Pihak kerajaan tidak menafikan bahawa semasa berlakunya insiden pencerobohan oleh pengganas-pengganas dari selatan Filipina, bukan sahaja kedudukan ekonomi di Lahad Datu agak terjejas, malah isu sosiobudaya, khususnya melibatkan tanggapan negatif masyarakat terhadap etnik Sulu di Sabah juga sedikit sebanyak menjejaskan perhubungan kaum di Sabah.

Walaupun bagaimanapun, sejak masalah ini dapat ditangani oleh pihak berkuasa, kedudukan ekonomi dan keselamatan di kawasan tersebut telah meningkat. Pihak kerajaan telah menerangkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara di antara masyarakat Sulu yang telah menetap di negara ini dengan penceroboh Sulu. Rakyat Malaysia dari etnik Sulu tidak sama sekali menyokong pencerobohan dan mereka mempunyai kesetiaan yang tidak berbelah bahagi terhadap negara.

Berikutan penempatan ESSCOM dan beberapa pasukan keselamatan di daerah tersebut yang secara tidak langsung telah menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi di daerah tersebut. Walaupun pada masa pencerobohan berlaku, tanggapan awal itu berbagai-bagai sehingga ada pihak yang sanggup berkata bahawa ini drama sebuah parti politik walaupun ia melibatkan pembunuhan dan sebagainya. Akan tetapi selepas itu, barulah semua pihak sedar bahawa kita sebenarnya diancam oleh satu pencerobohan yang agak besar. Walaupun orang yang datang sedikit tetapi orang yang datang itu melihat nyawa ialah satu permainan hidup yang boleh diperkotak-katikkan begitu sahaja, barulah kita tahu bahawa kita sebenarnya mendapat ancaman. Selepas itu tidak terdengar lagi cerita-cerita drama dan orang mengetahui bahawa ini sebenarnya ialah satu kehidupan yang sebenar telah berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang pertama, dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri yang telah memberi jawapan. Memang kita semua agak terkejut dan juga bersimpati apa yang telah berlaku. Apa yang ingin saya tanyakan ialah apa program yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memulihkan trauma mereka dan juga membangunkan semula sistem ekonomi kepada penduduk yang terlibat. Begitu juga setakat ini setelah kembali pulih, bagaimana hubungan antara penduduk yang berasal daripada Sulu yang telah menetap di sana dengan penduduk yang asal di Sabah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Timbalan Yang di-Pertua, yang pertama sekali ialah apabila kita tubuh ESSCOM, keadaan keselamatannya memang terkawal dan kita lihat tidak ada insiden-insiden baru yang melibatkan pencerobohan itu berlaku.

Saya sudah pergi ke sana dan berada di FELDA Sahabat, kita melihat bahawa apabila ancaman keselamatan itu berlaku, ia bukan sahaja kepada orang Sulu yang berada di situ yang terancam tetapi orang tempatan juga terancam. Jadi, kehadiran tentera dan juga polis amat dialu-alukan dan orang boleh tidur lena.

Akan tetapi semasa perkara ini berlaku, tidak timbul keadaan di mana ini orang Sulu atau pun orang tempatan sebab mereka berada di kawasan yang berdekatan dan mereka sangat memerlukan perlindungan keselamatan. Akan tetapi setelah seminggu lebih kurang begitu, kita melihat media sosial dan pelbagai lagi mula membangkitkan soal-soal bahawa orang Sulu ini musuh kepada orang Sabah. Benda itu membangkit merata-rata, bukan sahaja di Lahad Datu tetapi Pulau Gaya di Kota Kinabalu juga ada pemikiran-pemikiran sedemikian rupa timbul.

Akan tetapi selepas itu apabila kerajaan nampak makin serius dalam soal keselamatan dan tidak bertolak ansur, barulah rakyat tahu bahawa sebenarnya Sulu yang datang itu berlainan dengan Sulu yang berada di sini. Kita tidak boleh kaitkan etnik yang berada di Malaysia ini ada hubung kait dengan orang yang datang. Orang yang berada di sini ialah dia rakyat Malaysia kecuali dia menunjukkan sikap yang berlainan atau pun kita tahu bahawa mungkin orang bukan daripada etnik Sulu yang mungkin juga terlibat dalam kes pencerobohan tersebut.

Jadi, apakah usaha kerajaan yang utama yang harus dibuat untuk menyelesaikan soal trauma tadi. Kita lihat yang pertama sekali keselamatan. Ini apabila ESSCOM ditubuhkan, orang rasa selamat. Jadi, yang keduanya ialah apabila kita membuat penempatan-penempatan baru dan juga memperincikan penduduk yang berada di sana. Terutamanya sama ada mereka berada di tempat yang boleh terdedah kepada keselamatan, dipindahkan ke tempat yang lebih selamat. Saya rasa perlahan-lahan benda ini dapat diteruskan kehidupan. Terutamanya kita lihat anak-anak yang membesar itu berada di sekolah yang sama, sudah pasti perkara ini perlahan-perlahan dapat kita selesaikan.

Akan tetapi kita perlu ingat bahawa dalam dunia sekarang ini, benda yang besar yang berada di hadapan mata ialah ancaman daripada *internet*, media sosial dan sebagainya yang kadang-kadang boleh mencetuskan pelbagai tanggapan dan sebagainya. Bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh Malaysia sekarang ini ada sedikit kekangan yang berlaku dari segi agama, dari segi kaum kerana fitnah yang dilemparkan dalam media sosial dan juga fitnah yang dilemparkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang sengaja mahu melihat bahawa kekangan atau pun ketegangan yang berlaku di antara kaum, di antara agama itu ialah sesuatu yang menguntungkan diri mereka. Kerajaan Barisan Nasional tidak bertolak ansur.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan tambahan saya ialah di mana kerajaan melalui *Special Branch*, dengan izin, atau Cawangan Khas telah mendapat maklumat awal sebelumnya berlaku peristiwa Lahad Datu. Akan tetapi proses maklumat ini tidak dilaksanakan dengan serius, sehingga sekarang pegawai yang berkenaan dalam kes perbicaraan mahkamah. Mungkin benar yang disebut oleh mantan Ketua Polis Negara bahawa *Special Branch* ini perlu kurangkan buat kerja politik, lebihkan kerja keselamatan. Jadi, bagaimana kerajaan hendak menjamin supaya risikan dan maklumat-maklumat ini dapat diproses dengan baik agar peristiwa seumpama ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

Keduanya, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan tentang kemusnahan yang berlaku di Lahad Datu, di FELDA Sahabat dan sebagainya, adakah kerajaan telah selesai untuk memberi ganti rugi kepada penduduk-penduduk yang rumah kediaman mereka musnah, ladang dan sebagainya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali soal ganti rugi itu telah pun saya sebutkan di Dewan Rakyat dan saya tidak dapat membaca angkanya dengan tepat. Akan tetapi kita telah pun membuat penempatan semula, memulakan pembinaan rumah bagi mereka yang terlibat dan sudah pasti rumah yang kita beri ini adalah kepada warganegara Malaysia. Ini kita telah selesaikan dan juga kita beri bantuan kepada keluarga yang terlibat.



Ini telah pun dilaksanakan dan kita juga telah memberi peruntukan kepada agensi-agensinya yang terlibat dalam ESSCOM dan kita juga telah beri peruntukan kepada ESSCOM.

■1050

Dari segi Kerajaan Pusat, peruntukan yang diturunkan kepada agensi yang terlibat untuk menjaga keselamatan dan juga kepada penduduk yang terlibat yang menjadi mangsa dalam pencerobohan ini telah diambil tindakan yang sewajarnya. Kita tidak boleh bagi sepenuhnya tapi kita bagi berdasarkan kepada sumbangan kerajaan. Contohnya seperti banjir kita bagi token tetapi bagi yang rumah-rumah yang telah rosak kerajaan telah gantikan dan saya bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Berhubung dengan kes-kes yang melibatkan perbicaraan, saya ingat itu kita serahkan kepada mahkamah. Akan tetapi perkataan bahawa *special branch* harus kurangkan politik tapi bagi perhatian kepada keselamatan, saya ingat ini yang lebih tepat Kementerian Dalam Negeri menjawab. Namun secara keseluruhannya *special branch* dia bukan terlibat dengan politik, dia terlibat dengan pelbagai perkara kehidupan terutamanya keselamatan. Malah kita tahu kalau politik pun dia bukan bertujuan untuk hendak ambil habuan politik tetapi hendak tengok sejauh mana politik tersebut boleh mengancam keselamatan.

Saya pun, saya tahu keselamatan *special branch* dulu selalu ikut saya, saya pun rasa tidak seronok, saya kata kenapa saya diikuti? Dia kata untuk menjaga keselamatan. Jadi keselamatan, saya tanya untuk keselamatan siapa, keselamatan saya kah, keselamatan rakyat kah? Dia kata keselamatan untuk semua. Betul juga, kadang-kadang kita pergi ke tempat-tempat yang kita rasa selamat tetapi *special branch* tahu tempat itu sebelum kita pergi dia tidak berapa selamat sebab mulut manis manusia ini depan kita dia bercakap baik, kita tidak tahu di belakangnya dia pegang sesuatu yang boleh mengancam keselamatan kepada kita. Kita orang politik ini sedia maklum bahawa manisnya mulut manusia ini luar biasa tapi kalau kita langkah sedikit ke belakang ada beberapa mulut yang tidak manis yang itu kita tidak tahu, *special branch* tahu sebab dia berada dalam kalangan mereka.

Jadi sebenarnya kita kena berterima kasih kepada *special branch* dan dia tidak boleh bagi laporan kepada kita, dia cuma hendak pastikan supaya benda itu tidak mengancam keselamatan. Jadi saya percaya *special branch* sudah ada *special branch* politik, keselamatan dan sebagainya. Saya rasa tidak perlu mana-mana pihak mempertikaikan lagi, yang perlu mana-mana pihak mempertikaikan ialah bagaimana kita hendak mempertingkatkan. Bukan mengatakan *special branch* hanya terlibat dengan politik itu tidak tepat sama sekali. Saya tahu sebab saya pengerusi keselamatan Perlis selama 12 tahun dahulu, saya tahu bahawa tugas yang sebenar *special branch* adalah untuk menjaga keselamatan.

**6. Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, Malaysia akan menjadi tuan rumah Sukan SEA pada 2017 selepas 16 tahun tidak menjadi tuan rumah di mana kali terakhir negara menjadi tuan rumah pada 2001, daripada segi peruntukan, berapakah jumlah yang dijangka digunakan untuk penganjuran tersebut dan apakah persediaan yang akan dilakukan oleh kerajaan di bawah kementerian untuk memastikan persiapan bukan sahaja daripada infrastruktur dan persiapan atlet bagi memastikan Malaysia muncul sebagai penganjur terbaik dan juara keseluruhan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Hasrat negara untuk menjadi tuan rumah temasya Sukan Asia Tenggara pada tahun 2017 telah dinyatakan oleh Majlis Olimpik Malaysia semasa Mesyuarat Jawatankuasa Persekutuan Sukan Asia Tenggara pada tahun 2012 yang lalu. Mengikut giliran penganjuran sukan SEA oleh negara-negara ASEAN, negara Brunei Darul Salam sepatutnya menjadi tuan rumah pada 2011 diikuti oleh Malaysia pada tahun 2019.

Walau bagaimanapun, negara Brunei Darul Salam telah menyatakan kesediaan untuk menjadi tuan rumah hanya pada tahun 2019. Oleh yang demikian Persekutuan Sukan SEA telah menawarkan kepada Malaysia untuk menjadi tuan rumah semasa sukan SEA pada tahun 2017.

Kementerian kini sedang meneliti kertas cadangan penganjuran temasya sukan SEA 2017 yang telah dikemukakan oleh Majlis Olimpik Malaysia dengan jangkaan kos RM116 juta. Kertas cadangan mengenai perkara ini juga akan disediakan oleh kementerian untuk dibentangkan di Kabinet pada bulan Ogos untuk dipertimbangkan dan diluluskan.

Sudah tentu perkara utama dalam memperhalus cadangan ini adalah mengenai faktor kewangan kerajaan, infrastruktur dan persediaan atlet negara, agar negara kita bukan sahaja muncul sebagai penganjur terbaik malah menjadi juara keseluruhan seperti mana yang kita capai ketika menjadi tuan rumah sukan SEA pada tahun 2001 dengan pungutan 111 emas, 75 perak dan 85 gangsa. Terima kasih.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab soalan. Kita pun tahu seperti mana yang kita ketahui negara tuan rumah pastinya akan mempertandingkan sukan-sukan yang membolehkan mereka mendapatkan kelebihan atau dapat menyumbang pingat emas kepada negara tuan rumah itu sendiri. Sebagai contoh sukan SEA Manila tahun 2005 iaitu sukan renang sirip dipertandingkan oleh tuan rumah, begitu juga dengan sukan SEA Korat 2007 iaitu sukan Muay Thai, sukan SEA Korat dan juga sukan SEA Indonesia itu sukan beroda dan juga *wall climbing*.

Soalan tambahan saya, apakah negara kita juga akan mengikut langkah-langkah negara berkenaan dengan mempertandingkan sukan-sukan tradisi agar kita dapat menjadi juara keseluruhan sekali lagi. Jika tidak apakah perancangan kementerian bersama dengan persatuan-persatuan sukan untuk membolehkan kita sebagai tuan rumah iaitu *team Malaysia* menjadi johan di atas kapasiti kita melalui sukan-sukan yang bertaraf antarabangsa. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat memanglah benar. Ada juga di sukan SEA Laos 2009, sepak bulu ayam dan renang sirip menjadi pilihan. Namun bagi penganjuran sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur negara kita akan memastikan tujuan sebenar penganjuran sukan SEA di kalangan anggota negara-negara ASEAN benar-benar di anjurkan untuk memastikan bahawa sukan SEA merupakan platform terbaik bagi negara-negara ASEAN dalam mempersiapkan atlet-atlet mereka sebelum menghadapi temasya sukan Asia, sukan Komanwel dan sukan Olimpik.

Justeru pemilihan sukan untuk dipertandingkan di temasya sukan SEA 2017 adalah penting dan tidak lari dari aspek kesukanan dan *fair play* seperti berikut, 28 jenis sukan yang tersenarai dalam sukan Olimpik kecuali empat jenis sukan iaitu *modern pentathlon*, gusti, bola baling dan kenu. Ditambah dengan beberapa jenis sukan dari 28 jenis sukan yang tidak dipertandingkan di Sukan Olimpik tetapi dipertandingkan di sukan SEA sejak tahun 1999 sehingga 2011 seperti *tenpin bowling*, *lawn ball*, *squash*, *billiards* dan snuker, karate dan pencak silat bagi mencukupkan cadangan sukan jenis yang dipertandingkan antara 32 hingga 35 jenis sukan sahaja. Kita juga pasti akan menganjurkan sukan-sukan dan acara-acara yang kita sememangnya mempunyai atlet-atlet terbaik di peringkat Asia dan dunia. Ia memberi kelebihan kepada kita seperti sukan berbasikal, skuasy, hoki, *lawn ball*, *tenpin bowling*, karate, pencak silat dan sebagainya.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SUKMA 2013 telah dicemari dengan suatu insiden di mana tiga orang atlet lelaki bola baling telah merogol pengiring wanita pasukan di perkampungan tersebut. Jadi dilaporkan juga kejadian tersebut berlaku selepas tiga atlet berkenaan telah pun meminum arak di sebuah gelanggang sukan.

Soalan saya, apakah langkah kerajaan bagi memastikan keadaan ini tidak berulang dan memastikan sukan yang diadakan di negara ini adalah satu sukan yang sihat dan berdisiplin. Ini kerana saya yakin matlamat sukan adalah untuk mewujudkan masyarakat yang sihat, berdisiplin dan juga patriotik. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat insiden. Itu telah menjadi sebagai satu titik hitam di dalam arena sukan. Akan tetapi pihak Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil langkah-langkah di mana langkah-langkah positif supaya perkara ini tidak berlaku lagi. Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan tindakan yang serius terhadap semua yang terlibat dan siasatan yang mendalam. Buat masa ini kes ini dalam siasatan polis dan saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat tindakan akan diambil terhadap mereka yang terlibat. Terima kasih.

7. **Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) bercadang mengambil tindakan undang-undang ke atas parti politik atau individu yang membuat tuduhan palsu dan fitnah ke atasnya sebelum dan selepas PRU Ke-13, termasuk kemasukan 40,000 pengundi hantu daripada Bangladesh.

■1100

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR meneliti setiap dakwaan yang dibuat yang dibuat bagi tujuan untuk memperbaiki apa juga kekurangan yang mungkin berlaku semasa Pilihan Raya Umum yang lalu. Walau bagaimanapun, SPR perlulah dikemukakan dengan maklumat terperinci mengenai dakwaan tersebut. Mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga Belas sepatutnya telah mengemukakan petisyen pilihan raya di Mahkamah Tinggi dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan pilihan raya itu diwartakan. Tanpa maklumat yang terperinci dan kukuh, SPR menganggap dakwaan tersebut adalah bertujuan politik semata-mata.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pengerusi SPR telah mencabar Yang Berhormat Pandan supaya mengulangi dakwaan bahawa Pengerusi SPR mempunyai hubungan dengan pembekal dakwat kekal di luar Dewan bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil ke atasnya kerana telah menyentuh kredibiliti SPR. Namun demikian, sehingga kini Yang Berhormat berkenaan masih belum menyahut cabaran tersebut. Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat juga telah membuat dan meminta supaya Yang Berhormat Pandan keluar dan membuat cabaran di luar bahawa Pengerusi SPR dan Timbalan Pengerusi mempunyai hubungan intim dengan pembekal dakwat kekal. Dia tidak berbuat demikian. Dia timbulkan kenyataan...

**Dr. Syed Husin Ali:** Maklumat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tunggu Yang Berhormat, tunggu sekejap.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tidak, sebenarnya ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini jawab lisan dan bukan masa mencelah, Yang Berhormat. Nanti.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi bila keluar Dewan, dia hanya mencabar kepimpinan kanan SPR yang ada hubungan intim dengan pembekal dakwat kekal. Jadi, kalau sekiranya kita ada apa-apa ketidakpuasan hati, kita ikut peraturan yang ada. Kecuali baru-baru ini ada satu kenyataan di pihak pembangkang yang mengatakan bahawa walaupun petisyen telah dibuat dan mahkamah telah buat keputusan, seorang daripada mereka berkata bahawa keputusan tersebut seolah-olahnya macam diarahkan. Jadi, kalau hari itu kita agak susah hidup dalam negara ini, tetapi kalau sekiranya kita ikut peraturan yang sedia ada dengan membuat petisyen sekiranya kita tidak berpuas hati, sudah pasti segala-galanya berada dalam keadaan yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan yang pertama, Dato' Dr. Mashitah.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** [Bangun]

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan tadi dan saya difahamkan atas jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan dan mengiakan bahawa dakwaan ini memang berunsurkan kepada politik. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, sekiranya tidak ada sebarang tindakan tegas yang diambil, keadaan ini akan menjadi berlarutan.

Jadi saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, sehingga kini berapa banyak tindakan dan apakah bentuk tindakan yang telah diambil oleh SPR terhadap pihak tertentu yang dengan sengaja dan berniat untuk memburukkan SPR di khalayak ramai? Juga memandangkan bahawa penggunaan dakwat kekal ini sudah dianggap sebagai ketinggalan, adakah SPR bercadang akan menggunakan sistem biometrik pada PRU yang akan datang sebagaimana negara-negara maju lain telah pun menggunakannya? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali tindakan undang-undang ini akan diambil. Saya percaya sebab ini melibatkan individu dalam SPR. Akan tetapi sudah Pengerusi SPR mencabar, kalau sekiranya dia menyentuh individu, sudah pasti individu boleh mengambil tindakan undang-undang. Kalau dia menyentuh SPR secara keseluruhan, maka SPR harus mengkaji sejauh mana perkara tersebut kita boleh ambil tindakan. Akan tetapi kebanyakannya, SPR ini akan mengambil tindakan untuk menyasat sama ada dakwaan itu benar ataupun tidak.

Sebagai contoh, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah dan juga Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin, sebagai contoh ya, tuduhan bahawa 40,000 orang Bangladesh telah dibawa masuk untuk mengundi semasa pilihan raya. Orang Bangladesh itu tidak ada dan SPR menyasat bahawa tidak ada orang Bangladesh yang masuk. Jadi kita tidak mengambil tindakan undang-undang tetapi kita menyasat bahawa orang Bangladesh tidak ada. Kemudian dituduh ada 60,000 *dubious voters* iaitu pengundi yang diragukan di mana kad pengenalnya sama ada berdasarkan 12 angka ataupun tidak. Didapati kad pengenalnya berdasarkan 12 angka dan setelah dibuat hubungan dengan MIMOS dan juga JPN, mereka dapati bahawa nama mereka berada dalam pangkalan data JPN.

Jadi, secara keseluruhannya, SPR kalau sekiranya ada orang kompelin, dia akan mengambil tindakan untuk menyasat dan didapati semua tuduhan yang dibuat itu adalah tidak benar dan terpulanglah kepada SPR untuk memikirkan bahawa ia memerlukan tindakan undang-undang ataupun tidak. Akan tetapi tugas SPR yang besar ialah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai satu badan bebas dan dalam masa yang sama kalau ada kompelin, mereka siasat. Macam dakwat kekal, mereka menyasat sejauh mana dakwat itu kekal ataupun tidak. Jadi, sekarang ini didapati bahawa daripada 11 juta lebih orang pengundi, 1,400 lebih yang membuat protes tentang dakwat kekal.

Baru-baru ini saya baru balik dari *Cambodia*, pilihan raya umum yang diadakan pada hari Ahad dan dakwat kekal itu sama saya rasa macam dakwat kekal yang digunakan di Kuala Besut. Saya menghadapi masalah sebab dakwat kekal yang saya buat percubaan itu kemungkinan boleh kekal dan boleh bertahan sampai dekat tiga minggu ataupun sebulan. Ia cukup menyusahkan sebab terlampau kekal. Akan tetapi di situ pun, di *Cambodia* itu dalam banyak pemerhati antarabangsa, berjumpa juga dengan satu orang, dia kata dakwat itu tidak kekal. Padahal dakwat itu memang kekal dan dia tunjuk sebahagian daripada dakwat itu sudah tidak berada di jarinya. Akan tetapi, titisan dakwat di tangan di tempat lain, dia tidak boleh buang. Semua di tempat yang dimaksudkan tidak kekal tadi digunakan sesuatu benda yang boleh menyebabkan dia tanggalkan dakwat.

Demikianlah kalau kita hendak buat kompelin. Kita letak kekal setahun pun orang boleh keluaran. Akan tetapi kalau tujuan bahawa dakwat ini ialah sebagai tanda yang dia telah mengundi dengan niat baik, sudah pasti ia jadi baik. Hubungan cadangan daripada Yang Berhormat Senator tadi memang cadangan awal daripada SPR ialah menggunakan biometrik. Akan tetapi ia akan menelan belanja yang cukup besar di pihak kerajaan yang mungkin menelan belanja di antara RM150 juta atau lebih. Itulah yang difikirkan dan bila diperkenalkan sistem ini, banyak perkara yang harus diberi perhatian dan sebagainya. Walau bagaimanapun, SPR tidak pernah menutup pintu bagi apa-apa cadangan baik yang dibuat oleh Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya, Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi telah menjawab penggunaan biometrik kerana penggunaan yang menelan belanja yang agak tinggi. Cuma saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan bercadang memansuhkan penggunaan dakwat kekal ini dalam pilihan raya-pilihan raya yang akan datang memandangkan penggunaan dakwat kekal ini dieksploitasi dan sering dipertikaikan oleh pihak pembangkang? Lagipun negara-negara luar tidak menggunakan dakwat kekal ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok dimansuhkan supaya pembangkang ini tidak ada bising-bising lagi. Dahulu dia cerita lain. Selepas itu kita buat dakwat kekal pun salah juga. Jadi, kita hentam betul-betullah Tuan Yang di-Pertua. Ini pepatah ada mengatakan, "*Orang berak tepi jalan, dia tidak akan mengaku*".

Oleh itu saya mencadangkan sudah lepas kita buat dakwat kekal, dia kata kita bawa orang Bangladesh pula. Jadi, orang yang selalu buat kerja yang tidak betul ini yang dia menuduh orang. Saya rasa kita di pihak kerajaan jangan takut. Apa yang pentingnya Yang Berhormat Menteri, kita kena ambil tindakan tegas di atas apa yang disarankan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa soalnya Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Saya cadangkan kalau boleh dimansuhkan terus dakwat kekal ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Supaya tidak ada pertikaian lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, dakwat kekal ini dicadangkan oleh Jawatankuasa Penambahbaikan Pilihan Raya yang dibentuk di Dewan Rakyat. Jawatankuasa ini terdiri daripada Barisan Nasional dan juga pembangkang. Orang yang mencadangkan dakwat kekal ialah jawatankuasa ini. Cuma jawatankuasa ini bermesyuarat dan saya tidak dapat urusan mesyuarat itu tetapi sudah pasti cadangan ini ialah daripada pihak pembangkang. Kita ikut dan kita ikut kerana kita dituduh bahawa ada macam-macam penipuan berlaku kerana menggunakan kad pengenalan walaupun tidak dapat dibuktikan.

#### ■1110

Sekarang ini apabila kita memperkenalkan dakwat kekal, ada orang menyebut ada dakwat yang tidak kekal. Akan tetapi kompelinnya ialah 1,400 lebih seperti yang saya sebutkan tadi, daripada 11.2 juta lebih rakyat Malaysia yang mengundi. Akan tetapi apabila kita terangkan bahawa dakwat kekal ini bukan segala-galanya kerana apa yang penting ialah kad pengenalan. Kalau dia ada dakwat kekal, dia pun tunjuk tangan dia dakwat kekal, tetapi tidak ada kad pengenalan, dia tidak akan boleh mengundi. Segala-galanya dalam pilihan raya ialah kad pengenalan, itu yang penting dan dakwat kekal ini ialah tambahan kepada penambahbaikan pilihan raya.

Ini dicadangkan oleh Ahli Parlimen sendiri. Jadi selepas itu timbul masalah dan sebagainya, kita terpulang kepada Jawatankuasa Penambahbaikan ini akan dibentuk. Saya percaya mungkin akan dibentuk terus untuk memberikan cadangan-cadangan bagi penambahbaikan pilihan raya.

SPR ini adalah badan bebas, kita boleh mencadangkannya di sini, saya serahkan kepada SPR untuk menentukannya. Ia sebuah badan yang bebas dan pihak kerajaan tidak boleh memberitahu pihak SPR, sila gunakan dakwat kekal. Mereka akan mencadangkan dakwat kekal dan kerajaan akan memberikan peruntukan. Jadi cadangan Yang Berhormat ini, saya percaya pihak SPR akan mengambil maklum mengenainya.

Berhubung dengan pelbagai tohmahan yang dibuat itu, ia tidak berasas kerana apa-apa pun kita mesti berdasarkan kepada petisyen pilihan raya, yang sekarang ini sedang berjalan dan banyak kes yang telah ditolak. Manakala tentang dakwaan bahawa apabila ada orang yang membuat petisyen ini akan menunjukkan bahawa orang tidak berpuas hati dengan pilihan raya tersebut. Sebenarnya petisyen tersebut dibuat apabila terdapat peruntukan undang-undang, ia bukan sahaja melibatkan pilihan raya tetapi juga melibatkan calon dan sebagainya. Kita tidak boleh mengatakan 67 petisyen yang dibuat oleh pihak pembangkang, Parti Keadilan, Barisan Nasional, PAS dan juga DAP tidak banyak, mereka *sound* tiga sahaja, dan Bebas ada satu, ini kita serahkan kepada mahkamah.

Akan tetapi kalau sekiranya keputusan mahkamah itu dianggap kononnya adalah arahan daripada pihak kerajaan, ini adalah satu pernyataan yang hanya ingin mencari pasal, supaya berlaku *chaos*, dengan izin, ataupun pecah belah. Kalau rakyat respons kepada pemikiran, pertama dia membuat petisyen dan selepas itu dia menuduh petisyen ini mungkin hakim mendapat arahan, kita berada di dalam kehidupan mana? Siapakah yang harus kita terima pakai, apabila kita hendak menentukan bahawa inilah sistem yang terbaik yang harus kita terima pakai bersama. Jadi cadangan Yang Berhormat, *insya-Allah* akan diambil tindakan. Pada masa sekarang, pilihan raya kita seperti juga yang berlaku di *Cambodia* adalah pilihan raya yang bersih, berintegriti dan juga telus.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya minta soalan tambahan satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri jawab boleh satu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Oleh sebab Yang Berhormat Menteri jawab boleh tambah satu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua soalan.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Sebab ini Yang Berhormat Menteri yang menjawab, kalau boleh saya minta satu tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkaskan Yang Berhormat soalan itu.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Berkenaan dengan SPR juga tetapi saya tidak mahu bercakap berkenaan dengan dakwat kekal dan sebagainya. Sebabnya kalau kita melihat daripada segi persoalan yang pertama tadi, ia yang melibatkan 40,000 penduduk Bangla.

Jadi apakah kerajaan melihat ini sebagai satu kesan yang mana melibatkan hubungan dua hala juga, antara Malaysia dengan Kerajaan Bangladesh. Kita bercakap tentang SPR, akan tetapi kita lupa apabila kita menimbulkan isu ini ia melibatkan juga antara negara dengan negara. Apakah kerajaan melihat ini sebagai kesan yang negatif dari segi perhubungan dua hala antara Malaysia dengan Bangladesh akan terjejas pada masa akan datang kerana disebabkan penghinaan terhadap rakyat mereka, apabila dikatakan mereka terlibat di dalam pilihan raya kita di Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, memang perkara ini telah menimbulkan kesan yang negatif di mana Pesuruhjaya dan Kerajaan Bangladesh tidak berpuas hati dengan tuduhan yang dibuat. Kerajaan terbuka dan kerajaan menyiasat terus tetapi kita meminta pembangkang memberitahu di manakah orang tersebut berada? Kapal terbang yang manakah yang mereka gunakan? Ini kerana apabila mereka hendak datang pada tersebut, kita kira mesti terdapat 100 buah 747, mesti ada 1,000 buah bas yang menunggu di *airport* dan mesti terdapat petugas-petugas yang memegang kad Mat Bangla ini, tunjuk, "*Hah, ini kad kamu, nah ambil pergi mengundi*". Akan tetapi hendak pergi mengundi, hendak mengundi di mana, di mana tempat di Malaysia? Ini kerana kalau hendak kira tempat yang paling dekat tentulah di Kuala Lumpur. Jadi kita tidak mahu menuduh sesiapa, kerana benda ini tidak berlaku dan tidak berlaku, tidak ada satu pun Bangla yang berlaku.

Hanya terdapat satu kes di mana kita akan meminta mereka supaya meminta maaf ataupun tindakan undang-undang akan diambil kepada seorang budak India, muka macam orang India dan dianggap sebagai Bangla. Akan tetapi mempunyai nama Cina kerana dia anak angkat kepada keluarga berbangsa Cina. Jadi dia tidak tahu bercakap bahasa Tamil, dia budak Cina tetapi badan dan mukanya macam orang India. Dia dipukul, padahal dia tidak bersalah dan dia bukannya budak Bangla. Dari segi kad pengenalan, dia orang Cina, cuma kulitnya ialah seperti orang India, sebagai contoh ya.

Jadi bermacam-macam telahan sudah dibuat, kononnya kehadiran Bangla merupakan satu pembohongan mutlak yang dibuat kepada rakyat Malaysia... [*Tepuk*] Kalau sekiranya rakyat Malaysia percaya kepada pembohongan mutlak, maka rakyat Malaysialah orang yang rugi.

**8. Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah-langkah Kementerian bagi membendung peningkatan sebanyak 15 peratus setahun penghidap kencing manis atau diabetes membabitkan individu berumur 30 tahun ke atas di negara ini sehingga bakal menjadikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai penghidap kencing manis paling tinggi di Asia Tenggara iaitu seramai 3.6 juta orang dalam tempoh empat tahun lagi.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Puan Hajah Rohani. Soalan ini berkenaan dengan langkah-langkah untuk mengurangkan jumlah penyakit kencing manis di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit atau NCD, *non-communicable diseases* termasuk diabetes yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan adalah merangkumi lima peringkat. Pertama promosi kesihatan, kedua pengesanan awal penyakit, ketiga rawatan yang optimum, keempat mencegah komplikasi dan yang kelima rehabilitasi ataupun *rehabilitation*.

Tuan Yang di-Pertua, pada Disember 2010, Jemaah Menteri telah pun meluluskan Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit ataupun *National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases*. Ia adalah untuk melaksanakan beberapa polisi bagi mewujudkan persekitaran hidup yang sihat dan hidup secara aktif serta mencegah penyakit-penyakit NCD termasuk diabetes. Pada tahun ini, kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat ataupun KEMAS dan juga dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk mempromosikan cara hidup yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita melihat aktiviti gaya hidup sihat, setakat ini berjalan lancar dan sebenarnya telah pun dimulakan sejak tahun 90-an lagi sehingga sekarang. Tuan Yang di-Pertua, kempen promosi telah pun diperluaskan mulai 2011 kepada sekolah-sekolah, di mana di sekolah rendah kita ada Program Doktor Muda dan di sekolah menengah pula adalah Program Sihat Tanpa AIDS untuk Remaja (PROSTAR). Untuk peringkat komuniti pula kita mempunyai program yang disebut *NCD Prevention 1Malaysia* dan lain-lain komuniti objektifnya ialah untuk menasihatkan ahli-ahli masyarakat komuniti untuk menjalankan saringan dan intervensi mengenai faktor-faktor yang boleh menyebabkan penyakit diabetes dan penyakit-penyakit tidak berjangkit yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat rekod pada November 2010 sehingga Disember 2012, seramai 33,000 orang telah berdaftar di sebanyak 500 buah lokasi di seluruh negara dan selepas enam bulan seramai 12 peratus berjaya menurunkan berat badan mereka serta dapat mengurangkan purata 3.4 kilogram.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga telah mengadakan program untuk menasihati mereka yang berumur 30 tahun dan ke atas untuk menjalani ujian saringan di mana-mana klinik kerajaan, Klinik 1Malaysia ataupun klinik bergerak di seluruh Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, program saringan adalah pelbagai bentuk dan saya sebutkannya di sini, antaranya adalah Kesihatan Bersama Pemimpin, Kem Kesihatan, Karnival Jelajah Sihat Bersama Komuniti dan Perkhidmatan Pusat Promosi Kesihatan Komuniti. Terima kasih.

#### ■1120

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawabnya. Saya rasa jawapan itu pendek tetapi sudah menyeluruh. Walau bagaimanapun, saya cuba kemukakan satu atau dua lagi, kalau boleh Yang Berhormat Menteri beri penjelasan.

Seperti kita ketahui, penyakit kencing manis ini adalah satu penyakit yang amat bahaya, yang mana kita katakan pihak pesakit itu kadang-kadang mereka tidak sedar yang mereka itu ada penyakit kencing manis. Ada sesetengahnya pula sampai ke peringkat apabila didiagnosis, didapati sudah berlaku kerosakan organ. Kira diabetes yang sudah peringkat teruk.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa soalan Yang Berhormat? Soalan ya.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Soalan saya, apakah langkah intervensi dari segi polisi dan mungkin juga dari segi peraturan yang diambil bagi mewujudkan persekitaran hidup sihat supaya masyarakat boleh mengelakkan diabetes ini seperti tidak meminum minuman bergula, berkarbonat. Apakah langkah kerajaan bagi menggalakkan supaya orang awam menjalankan pemeriksaan di peringkat awal lagi? Apakah langkah kerajaan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup itu Yang Berhormat.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Bagi mendidik sedikit...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lebih daripada dua soalan.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Sedikit lagi, saya bimbang yang saya tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Akan tetapi, soalan Yang Berhormat ini yang ketiga.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Ya? Sudah ketiga? Saya ingat baru dua...  
[Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup yang itu Yang Berhormat. Biar kementerian menjawab.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih. Sebenarnya saya sudah menjawab sebahagian daripada soalan tambahan tadi. Sudah menjawab. Saya sudah terangkan di sini tadi. Cuma saya hendak terangkan bahawa di Malaysia, setiap pesakit kita ada lebih daripada dua juta sekarang ini dan makin meningkat. Tiap-tiap seorang yang dikesan kena kencing manis, *estimatenya* ada seorang lagi yang tidak dikesan. Oleh sebab itu, kita menggalakkan mereka semua sekali, masyarakat kita pergi buat *check-up*, buat pemeriksaan di mana-mana klinik di seluruh Malaysia. Kita ada lebih kurang 3,000 klinik di seluruh Malaysia, mereka boleh pergi *check* percuma. Biasanya *check random blood sugar* (RBS). Kemudian, kalau didapati agak *suspicious*, dia boleh buat *fasting blood sugar*. Sesudah itu, kita dapat kesan.

Oleh sebab itu saya kata tadi masa jawapan tadi saya sebut bahawa pihak kementerian menggalakkan supaya mereka yang berumur 30 tahun ke atas, mereka seharusnya pergi periksa, buat saringan tiap-tiap tahun sekali. Hendak tengok, bukan hanya untuk kencing manis dan juga darah tinggi dan lain-lain parameter yang bila kita tahu kita akan sendiri akan cuba mencegah. Kencing manis memanglah, gemuk atau obesiti adalah satu faktor yang memang menjadi masalah di Malaysia ini. Memang gaya hidup kita, rakyat Malaysia dia makan satu hari enam kali Tuan Yang di-Pertua.

Pagi, *breakfast*, pukul 10, pukul 12 tengah hari, petang, *high tea*, malam *dinner*, tengah malam *supper*. Makan nasi kandar pukul 3 pagi. Kemudian dia tidur. Nasi yang dia makan itu di *convert* menjadi lemak dan terdedah kepada kencing manis Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan yang seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Norliza.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada sebagaimana yang dikatakan tadi dengan izin, *prevention is always better than cure*. Jadi, saya rasa pendedahan harus diberi dari peringkat awal. Adakah kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memberi satu slot di sekolah? Maknanya dari peringkat sekolah rendah lagi mereka diberi pendedahan pemakanan yang sihat bagi mengelakkan obesiti dan juga *diabetes*? Jadi, setiap minggu mungkin ada slot hanya untuk pemakanan *nutrition* yang sihat. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang sudah ada program kerjasama antara Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Pendidikan. Seperti yang saya sebut tadi, sudah ada program di peringkat sekolah rendah dan program di peringkat sekolah menengah. Sekolah rendah, tadi yang saya sebut ada Program Doktor Muda dan di peringkat sekolah menengah ada lain program pula. Jadi, ini semua ke arah untuk memberi kesedaran, *awareness campaign* di peringkat yang paling muda iaitu di peringkat sekolah lagi. Program ini akan diteruskan Tuan Yang di-Pertua.

**9. Datuk Chin Su Phin** minta Perdana Menteri menyatakan, bilakah kali terakhir kerajaan mengkaji semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di bandar dan di luar bandar supaya ia lebih realistik dengan keadaan semasa dan apakah program-program terbaru kerajaan dalam membantu golongan ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Chin.

Tuan Yang di-Pertua, modal pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah dikaji semula pada tahun 2005 dengan input dan pandangan oleh pakar-pakar dalam dan luar negara.



PGK ini kemudiannya telah dikemas kini bagi setiap dua setengah tahun sekali, seiringan dengan pelaksanaan penyiasatan pendapatan isi rumah ataupun *household income survey*, dengan izin.

PGK yang terkini telah pun dilaksanakan pada tahun 2012 iaitu untuk kawasan Semenanjung Malaysia, di bandar pada paras RM840 dan luar bandar RM790 sebulan. Di Sabah dan Labuan, di bandar RM1,080 dan luar bandar RM1,120 manakala di negeri Sarawak RM960 di bandar dan RM870 di luar bandar. Jadi, kerajaan telah memperkenalkan banyak program-program untuk membantu golongan ini, antara lain termasuklah di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Mungkin saya boleh beri tiga contoh.

Pertamanya ialah program peningkatan kapasiti dan *capability* bagi ahli isi rumah yang berpendapatan 40 peratus terendah. Jadi, program ini telah berjaya memanfaatkan seramai 2,451 orang untuk tahun 2012. Keduanya ialah program peningkatan pendapatan secara bersepadu khususnya luar bandar seperti *agropolitan* dan perladangan kontrak. Ini telah memanfaatkan seramai 4,814 peserta. Ketiga ialah program khas bagi kumpulan sasar khusus seperti masyarakat Orang Asli dan bumiputera di Sabah dan Sarawak dan juga penduduk di Kampung Baru Cina serta pekerja-pekerja estet.

Ini dilaksanakan melalui pelbagai program pendidikan, pembangunan tanah, bantuan modal untuk memulakan perniagaan dan sebagainya. Jadi, untuk program ini kita telah memberi manfaat kepada lebih 65,000 orang dalam program pembangunan masyarakat Orang Asli, 27,665 orang golongan bumiputera minoriti di Sabah dan juga 40,168 orang untuk golongan bumiputera di Sarawak dan 2,908 orang bagi penduduk Kampung Baru Cina.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* dengan pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan dan juga pelbagai langkah-langkah membasmi kemiskinan, kita telah pun berjaya mengurangkan kadar kemiskinan kita daripada kadar 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 8.5 peratus pada tahun 1999 dan yang terkini jatuh pada kadar 1.7 peratus untuk tahun 2012. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan yang pertama, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kerajaan ingin memastikan setiap program yang dijalankan dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan tidak sekadar menumpukan kepada aspek peningkatan pendapatan di kalangan penerima bantuan akan tetapi ianya mencakupi peluang pendidikan kanak-kanak, kedudukan dan hak wanita dan taraf kesihatan yang lebih baik? Ketiga-tiga aspek ini adalah aset yang penting bagi sesebuah isi rumah untuk bebas kemiskinan atau keluar daripada perangkap kemiskinan dalam jangka masa panjang. Terima kasih.

**Datuk Seri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Kita memang memastikan bahawa kita tidak fokus hanya kepada pendapatan tetapi kita memang bersetuju bahawa untuk mengeluarkan sesuatu keluarga daripada kancan kemiskinan, yang paling penting ialah untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak golongan yang miskin ini.

■1130

Jadi apabila mereka mendapat pendidikan yang baik dan mereka dapat melanjutkan pelajaran dan mereka mendapat kerja ataupun peluang perniagaan yang baik. Ini akan membantu mereka mengeluarkan keluarga mereka daripada kancan kemiskinan. Jadi memang pendekatan kita adalah secara holistik dan dilaksanakan melalui pelbagai agensi-agensi kerajaan dan juga pelbagai kementerian-kementerian yang ada di dalam kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua apakah kerajaan mempunyai plan atau rancangan khusus untuk menghapus kemiskinan secara total dengan mengadakan sifar kemiskinan seperti yang pernah dibuat oleh Kerajaan Perak satu masa dahulu. Kalau ada sila huraikan dan tahun berapa *target* sifar itu akan menjadi kenyataan? Terima kasih.

**Datuk Seri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua kalau kita ikutkan rekod kerajaan yang saya sebutkan tadi daripada 49.3 peratus kadar kemiskinan pada tahun 1970 telah menurun kepada kadar 1.7 peratus pada tahun 2012. Ini merupakan satu peningkatan yang sangat baik. Sememangnya kalau kita ingin mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 di mana kita mahukan negara berpendapatan tinggi yang *inclusive* dan mampan. Kita memang selagi boleh menghapuskan kadar kemiskinan sama sekali. Jadi yang kita hendak pastikan bahawa apabila kita katakan *inclusive* ialah kadar kemiskinan yang di kawasan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak yang akan lebih diberi tumpuan khusus untuk masa hadapan.

**10. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, atas dasar apakah pengecualian diberikan kepada sejumlah 400 buah syarikat dari melaksanakan Perintah Gaji Minimum yang sepatutnya dilaksanakan pada kadar segera.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin memohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud bersama-sama dengan pertanyaan yang sama oleh beliau juga iaitu pada esok hari dan pada 1 hari bulan. Juga bersama-sama dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah pada esok hari serta daripada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali pada bulan Ogos kerana ini berkaitan isu gaji minimum sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini pelaksanaan gaji minimum adalah bertujuan untuk memperbaiki taraf kehidupan sosial pekerja dan ahli keluarga mereka. Dalam menjayakan matlamat ini faktor-faktor dan impak berhubung pelaksanaannya telah pun diambil kira dalam kajian yang dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara sebelum ianya digubal dasarnya. Dengan adanya Dasar Gaji Minimum faedah yang diperoleh oleh pekerja seharusnya lebih baik daripada yang sedia ada. Sekiranya majikan mengubah sebarang terma dan syarat pekerjaan seperti mengurangkan tempoh waktu bekerja atau kerja lebih masa serta menghapuskan elaun ia perlulah mendapat persetujuan pihak pekerja terlebih dahulu. Mana-mana pekerja yang mempunyai sebarang kemusykilan dalam perkara ini boleh membuat aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia yang berdekatan supaya aduan tersebut dapat disiasat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mewartakan dua perintah pindaan terhadap Perintah Gaji Minimum 2012. Ini yang mana perintah-perintah ini adalah bertujuan bagi memberikan penundaan kepada majikan-majikan yang berkeelayakan berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penilaian Permohonan Penundaan (JPPP). Perintah-perintah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Perintah Gaji Minimum Pindaan 2012 P.U.(A)214-2012 yang diwartakan pada 28 Disember 2012 bagi memberi penundaan kepada 632 majikan individu dan tiga persatuan majikan dari melaksanakan gaji minimum;
- (ii) Perintah Gaji Minimum Pindaan 2013 P.U.(A)165-2013 yang diwartakan pada 28 Mei yang memberi penundaan kepada majikan perusahaan kecil dan sederhana untuk pekerja asing sahaja dan 40 majikan individu yang kritikal.

Dasar penundaan pelaksanaan gaji minimum diberikan setelah pertimbangan diteliti dan mendalam dibuat di peringkat JPPP yang dianggotai secara *tripartite*, di mana keanggotaan JPPP terdiri daripada wakil pekerja, wakil majikan dan juga kerajaan iaitu melalui Kementerian Sumber Manusia. Asas pertimbangan adalah termasuk keupayaan sesebuah syarikat untuk membayar gaji minimum berdasarkan profil kewangan iaitu kerugian atau keuntungan syarikat selama tiga tahun ke belakang dan pertimbangan terhadap peningkatan kos buruh susulan gaji minimum ini serta impak peningkatan gaji pokok kepada syarikat. Penundaan pelaksanaan gaji minimum yang diberikan kepada majikan adalah bersifat sementara, di mana pendekatan ini adalah untuk memberi ruang kepada majikan memperoleh masa untuk menstrukturkan operasi dan kewangan.

Penundaan pelaksanaan ini bukanlah pengecualian kepada mana-mana majikan yang memohon tetapi sekadar memberi sedikit ruang atau dalam bahasa Inggeris *breathing space* kepada majikan untuk menstrukturkan model perniagaan dan struktur kos buruh serta operasi sedia ada, bagi memastikan pembayaran gaji pekerja selaras dengan Dasar Gaji Minimum tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang pihak Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sedang melaksanakan penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum 2012. Walau bagaimanapun, buat masa ini memandangkan pelaksanaan gaji minimum masih di peringkat awal penekanan akan diberikan kepada aspek menasihati, teguran dan amaran kepada majikan supaya gaji minimum itu dilaksanakan. Kementerian berharap melalui inisiatif yang diambil Dasar Gaji Minimum ini dapat dilaksanakan secara sepenuhnya mulai tahun 2014. Selaras dengan hasrat negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Berdasarkan kepada seksyen 25(1), Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] Majlis hendaklah mengkaji semula Perintah Gaji Minimum sekurang-kurangnya sekali bagi setiap dua tahun.

■1140

Kajian semula ini meliputi semakan terhadap kadar dan liputan gaji minimum sama ada mengikut sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah. Penentuan bagi penetapan gaji minimum di negara ini telah mengambil kira keperluan asas atau *basic needs* untuk pekerja. Manakala di pihak majikan, penentuan utama dalam melaksanakan gaji minimum adalah kemampuan majikan untuk membayar kadar RM900 di Semenanjung Malaysia dan RM800 di Sabah dan Sarawak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Kadar ini adalah berbeza disebabkan kemampuan majikan berdasarkan kepada gaji penengah atau *medium wage*. Pada tahun 2011 iaitu RM577 di Sabah, RM738 di Sarawak dan RM1,134 di Semenanjung Malaysia. Harus diperhatikan bahawa penetapan kadar gaji minimum hanyalah satu gaji lantai atau *floor wage* sahaja dan bukannya gaji keseluruhan pekerja. Ini bermaksud Tuan Yang di-Pertua, pembayaran gaji pokok yang melebihi RM900 di Semenanjung Malaysia dan RM800 di Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah amat digalakkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kerana masa tidak mengizinkan, setakat itu sahaja soalan-soalan lisan kita hari ini dan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu pun nampaknya sudah panjang lebar. Sekarang kita terpaksa memaklumkan pada semua Ahli Yang Berhormat, kita ada beberapa kementerian masih belum habis. Sekarang saya mulakan dengan menyambung semula. Saya minta Setiausaha bentangkan dahulu.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]**

## USUL

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas”. **[29 Julai 2013]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyambung jawapan yang dibuat semalam. Silakan.

**11.42 pg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung jawapan pada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan semasa Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader mengenai dakwaan pembukaan pasar-pasar mini oleh pasar raya besar seperti Giant Mart. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak pernah mengeluarkan kelulusan kepada syarikat Giant untuk membuka pasar mini di negara ini. Oleh itu, dakwaan mengenai pembukaan Giant Mart itu adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu bekalan minyak diesel. Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung pula membangkit isu berkenaan bekalan diesel yang dikatakan berkurangan di Bintulu, Sarawak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa memantau bekalan diesel bersubsidi di negara ini sepanjang masa bagi memastikan tiada berlakunya kekurangan bekalan bahan tersebut di stesen-stesen minyak. Oleh yang demikian, dalam kebanyakan kes krisis kekurangan minyak diesel sebenarnya tidak berlaku dan kekurangan tersebut hanyalah bersifat sementara di stesen-stesen minyak yang berpunca daripada masalah penghantaran bekalan dan juga logistik kepada stesen-stesen minyak yang terlibat.

Bagi menangani isu tersebut, Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menetapkan langkah-langkah yang perlu diambil jika berlaku kekurangan diesel seperti berikut:

- (i) kementerian boleh mempertimbangkan permohonan tambahan kuota diesel bersubsidi sekiranya terdapat keperluan sebenar dan perlu disokong dengan bukti-bukti dan justifikasi yang kukuh;
- (ii) kementerian juga menjalinkan kerjasama dengan agensi-agens penguatkuasaan yang lain dan syarikat-syarikat minyak dalam memantau dan memastikan bekalan diesel bersubsidi adalah mencukupi dan berterusan; dan

- (iii) pemantauan yang ketat juga dibuat di stesen-stesen minyak, juga dilaksanakan bagi memastikan bekalan diesel bersubsidi hanya boleh dibeli oleh golongan yang layak sahaja.

Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai bukti yang jelas termasuk lokasi stesen-stesen yang menghadapi kekurangan diesel, ianya bolehlah dilaporkan kepada pejabat KPDNKK berhampiran untuk kita mengambil tindakan bagi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu harga barangan. Seterusnya, saya mengambil peluang ini untuk menjelaskan mengenai dengan kenaikan harga barangan terutamanya menjelang musim perayaan seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman. Berdasarkan pemantauan harga yang dilaksanakan di sepanjang bulan Jun 2013 sehingga kini, terdapat kenaikan harga bagi sesetengah jenis barangan. Namun, kenaikan ini adalah merupakan fenomena bermusim dan bersifat sementara bagi barangan mudah rosak. Peningkatan dan penurunan harga tidak dapat dielakkan bergantung kepada keadaan cuaca serta faktor penawaran dan juga permintaan, *demand*, dengan izin. Harga akan kembali stabil apabila pasaran membuat pembetulan secara sendiri ataupun, dengan izin, *market self correction*.

Namun begitu, bagi mengawal harga barangan keperluan terutama semasa bulan Ramadhan dan menjelang Hari Raya Puasa, kerajaan telah melaksanakan skim kawalan harga musim perayaan Hari Raya Puasa 2013 bermula pada 26 Julai sehingga 11 Ogos 2013 iaitu selama 17 hari. Sebanyak 20 jenis barangan keperluan telah diisytiharkan sebagai barangan harga terkawal dan ditentukan harga maksimumnya. Dalam tempoh penguatkuasaan skim ini peniaga-peniaga tidak dibenarkan menjual barangan yang telah ditetapkan tersebut melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Tindakan tegas akan diambil ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh cadangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar mengenai dengan pemantauan harga barang kawalan yang dijalankan semasa musim perayaan diteruskan sepanjang masa dan bukan sekadar musim perayaan sahaja.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sememangnya Kementerian menjalankan pemantauan harga barang kawalan secara berterusan dan bukan hanya pada musim-musim perayaan sahaja. Ini kerana tugas ini dilaksanakan oleh seramai 1,845 anggota penguat kuasa dan seramai 1,073 pegawai pemantau harga yang sentiasa berada di lokasi perniagaan untuk melakukan pemeriksaan dan juga pemantauan pada setiap hari. Cuma yang membezakan antara pemantauan harga musim perayaan adalah ia tidak hanya tertumpu kepada barangan kawalan sahaja tetapi pemantauan terhadap senarai barangan yang telah digazet harga maksimumnya oleh kerajaan dalam tempoh musim perayaan tersebut.

Tujuan pemantauan ini adalah bagi memastikan tiada peniaga yang menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan oleh kerajaan dan pemantauan secara berterusan di luar musim perayaan dilaksanakan ke atas 486 jenis barangan keperluan utama. Ini bagi mengenal pasti trend pergerakan harga barangan tersebut dan tindakan susulan akan diambil jika ada tanda-tanda trend harga sesuatu barang itu meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan isu-isu di bawah Kementerian ini dapat membantu Kementerian memperkukuhkan lagi polisi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada Kementerian ini untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini juga untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1150

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat daripada Kementerian Luar Negeri.

11.50 pg.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri. Beliau satu-satunya Yang Berhormat Senator yang menyentuh Kementerian Luar Negeri, Tuan Yang di-Pertua. Untuk itu sukacita saya memberikan penjelasan terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim Kader mengenai Visa Umrah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia menghormati undang-undang atau peraturan-peraturan negara luar seperti mana kerajaan luar menghormati undang-undang dan peraturan-peraturan negara ini. Sebagai negara yang merupakan penjaga dua masjid suci bagi seluruh umat Islam, Kerajaan Arab Saudi adalah bertanggungjawab berhak untuk memastikan bahawa ibadah umrah dan haji para jemaah dapat ditunaikan dengan sempurna selaras dengan ketetapan-ketetapan hukum syariah serta untuk mengelakkan penyalahgunaan visa untuk tujuan selain dari menunaikan ibadah umrah dan haji.

Sehubungan dengan itu baru-baru ini negara berkenaan telah memperketatkan prosedur permohonan Visa Umrah ini berikutan daripada kekerapan kes pemalsuan sijil-sijil dan dokumen-dokumen yang diperlukan bagi pengeluaran Visa Umrah. Kerajaan Arab Saudi juga telah memaklumkan bahawa terdapat peningkatan masalah penyalahgunaan Visa Umrah untuk tujuan selain dari menunaikan ibadah umrah. Ini termasuk menetap di Arab Saudi melebihi tempoh yang ditetapkan atau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *overstay* untuk urusan menunaikan umrah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Arab Saudi sebenarnya telah menguatkuasakan prosedur ini bagi permohonan visa ini kepada setiap pemohon Visa Umrah dari semua negara bukan hanya negara kita Malaysia tapi di seluruh dunia. Bukan hanya khusus kepada permohonan Visa Umrah Malaysia sahaja semata-mata. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ada hendak tanyakah?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Satu soalan Menteri Luar Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Selamat pagi. Selamat pagi Timbalan Menteri. Saya ingin mendapatkan maklumat mengenai perhimpunan Bersih di Makkah dan Singapura, baru-baru ini di Singapura, 21 orang. Apa sudah jadi Bersih di Makkah, tempat yang suci. Boleh kasi terang sikit Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua boleh saya jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini orang yang bukan Islam ini mementingkan bagus juga Yang Berhormat kalau difikirkan soalan itu relevan, saya silakan Yang Berhormat. Kalau difikirkan, terpulang pada Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya kesian oleh kerana beliau merupakan seorang yang bukan Islam yang membangkitkan isu ini di Makkah, orang lain tidak bangkitkan. Walau bagaimanapun, saya mula-mula ingatkan dia hendak tanya Visa Umrah dia hendak buat di India, macam itu. Rupa-rupanya tanya fasal Makkah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya isu mereka yang melakukan demonstrasi di Makkah, mereka melanggar undang-undang di negara tersebut. Maka tindakan negara tersebutlah yang sepatutnya mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan perkara-perkara yang melanggar undang-undang negara hos itu sendiri. Begitu juga dengan 21 warganegara Malaysia yang melakukan demonstrasi di Singapura dan 21 orang ini telah pun di ambil tindakan mengikut undang-undang Singapura. Ada beberapa daripada kalangan mereka itu permit pekerjaan mereka telah pun ditarik balik dan mereka tidak boleh lagi bekerja di Singapura. Ini semua adalah mengikut undang-undang yang ada di negara tersebut.

Sebenarnya isu ini telah pun saya jelaskan minggu lepas, mungkin Yang Berhormat Senator tidak hadir masa itu. Jadi tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak pada semua yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan melalui Kementerian Luar Negeri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Dipersilakan Yang Berhormat.

**11.56 pg.**

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan titah ucapan diraja tahun 2013 ini.

Terdapat lapan orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan Kementerian Komunikasi dan Multimedia iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah, Yang Berhormat Senator Dato' Dr Mashitah binti Ibrahim, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin PA Mohd Sultan dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

Secara keseluruhannya terdapat tiga isu utama yang saya cuba jawab secara menyeluruh yang telah disentuh. Pertama mengenai penyalahgunaan *internet* dan media sosial. Kedua, cadangan pindaan terhadap undang-undang *cyber* dan yang ketiga pemantauan pengaruh LGBT dalam program TV.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya maklumkan bahawa apabila negara kita menganggap bahawa perkembangan multimedia adalah sebahagian daripada asas kepada pembangunan negara. Kita telah mengadakan *Bill of Guarantees* ketika penubuhan *Multimedia Super Corridor* (MSC) dalam tahun 90-an dahulu. Dalam *Bill of Guarantees* itu ialah memberikan jaminan kepada kebebasan di dalam kita menggunakan sosial media kita.

Namun begitu, ada undang-undang dan undang-undang itu terdapat di dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 terutama sekali di dalam mengendalikan perkara-perkara yang dianggap bertentangan dengan undang-undang yang ada dalam negara kita. Di dalam akta tersebut sudah banyak tindakan-tindakan yang dibuat termasuk kandungan-kandungan yang dikaitkan dengan kandungan yang jelik, kandungan-kandungan yang tidak sepatutnya di siarkan ataupun disebar untuk khalayak ramai.

Sepanjang tahun 2008 hingga 2013 SKMM telah menyekat 6,640 laman web yang melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta undang-undang bertulis yang lain. Sehingga Jun tahun 2013 sebanyak 29 kes sedang dalam siasatan SKMM bagi kesalahan di bawah seksyen 233 AKM 1998. Termasuklah kes-kes di mana media sosial dan *blog* digunakan untuk menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan institusi Sultan dan Raja. Banyak lagi aduan-aduan yang diterima dan perkara ini akan diambil tindakan sekiranya dianggap bertentangan dengan undang-undang.

Cumanya satu perkara yang perlu dimaklumkan, peranan yang dimainkan oleh kementerian ini di bawah akta ini ialah menjalankan kerja-kerja penyiasatan tetapi pendakwaan semuanya di bawah kuasa Jabatan Peguam Negara, di bawah *Attorney General*, dengan izin.

Saya perlu maklumkan di sini juga bahawa undang-undang yang ada dalam negara kita bukanlah hanya terpakai bila dikaitkan dengan soal penggunaan ataupun penyalahgunaan sosial media ini ialah undang-undang di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia sahaja.

Sebenarnya terdapat banyak undang-undang yang sudah sedia ada yang boleh dipakai misalnya Akta Hasutan, Akta Fitnah, Akta Penapisan Filem misalnya dan akta *Penal Code* ataupun Akta Kanun Keseksaan itu sendiri boleh digunakan di atas apa yang tercatat di dalam sosial media itu sendiri.

## ■1200

Cadangan mengenai pindaan undang-undang siber, sekarang setakat ini kita tidak lagi bercadang untuk membuat sebarang pindaan kepada undang-undang yang ada walaupun terdapat banyak sekali isu yang dikaitkan dengan penggunaan media sosial dalam negara kita. Akan tetapi kita masih menganggap undang-undang yang ada sekarang dan undang-undang lain bukan sahaja undang-undang Akta Komunikasi Multimedia sebagaimana yang disebutkan, boleh digunakan.

Cumanya dalam dunia siber sekarang ini, terdapat beberapa perkara yang dikaitkan dengan misalnya kalau orang tanya, seseorang itu dia mempunyai akaun, kemudian dia meninggal dunia, bagaimana hendak menutup akaun itu. Itu adalah isu yang besar yang diperbincangkan dalam dunia antarabangsa. Seseorang yang mempunyai simpanan lagu-lagu mereka di dalam iTunes misalnya, apabila dia mati misalnya, siapa yang hendak mewarisinya. Ini adalah isu yang besar.

Apakah orang boleh dapat akses akaun-akaun dalam *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya untuk menilai seseorang itu bagi tujuan pekerjaan dan sebagainya. Ini adalah isu-isu yang besar yang pihak Kementerian akan meneliti perkara-perkara ini sekiranya ia diperlukan di satu masa nanti. Jadi, sepatutnya kita tidak bimbang dalam perkara ini tetapi walau bagaimanapun, kita sentiasa memerhatikan sekiranya ada perkara-perkara yang dikaitkan dengan penyalahgunaan sehingga boleh menyebabkan berlaku perkara-perkara yang menggugat ketenteraman awam dalam negara kita.

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani mengenai pengaruh LGBT dalam program televisyen. Perkara ini juga kita sedar. Sehingga sekarang, kita masih lagi berpegang kepada setiap pemegang lesen sama ada pemegang lesen yang dibenarkan untuk membuat penyiaran melalui televisyen dan sebagainya mesti mematuhi beberapa kod kandungan yang telah pun mereka perersetujui ataupun yang menjadi sebahagian daripada undang-undang kita sekarang ini untuk membuat kawalan sendiri mereka supaya menyekat perkara-perkara yang dianggap bertentangan dengan garis panduan-garis panduan yang telah ditentukan. Misalnya garis panduan JAKIM apa dia, garis panduan yang bertentangan dengan norma-norma sosial kita. Misalnya soal LGBT, masih kita menganggap bahawa pemaparan ataupun promosikan tentang apa disebutkan kecenderungan seksualiti seseorang itu kalau bertentangan dengan amalan-amalan ataupun dikatakan norma sosial, maka dikehendaki stesen-stesen televisyen berkenaan mesti berusaha untuk menyekatnya.

Sekarang ini kita dapati perkara ini dilaksanakan dan sekiranya ia tidak dilaksanakan, pihak Kementerian di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia tidak ragu-ragu selain daripada menegurnya, boleh mengambil tindakan-tindakan seperti mendenda dan sebagainya. Jadi perkara ini ada dalam undang-undang kita dan sudah pun dilaksanakan. Kita faham bahawa perkara yang disebutkan norma sosial itu semakin hari semakin berubah tetapi sehingga sekarang, isu-isu yang berkaitan dengan LGBT kita menganggap adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dalam konteks norma sosial yang ada pada masa sekarang.

Itu sahaja saya kira perkara yang perlu saya jawab di atas apa yang disampaikan dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** *[Bangun]*

**Dato' Lim Nget Yoon:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua orang bangun, Yang Berhormat. Boleh? Ya, silakan.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi jawapan tadi. Kalau tidak silap saya, di akhir ucapan itu ada Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa, "*Telah dalam tindakan kita*", kalau tidak silap saya. Jadi saya teringat kepada ucapan saya yang mana saya mohon adakah Kementerian akan mengambil tindakan terhadap pelakon-pelakon komedi lelaki yang berpakaian seperti perempuan dan sebagainya? Sekiranya tindakan telah diambil, saya nampak masih lagi ada di kaca TV ruangan hiburan yang berbentuk begini.



Terdahulu kepada itu saya juga hendak ambil kesempatan hendak mengucapkan tahniah kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia kerana buat pertama kalinya telah berjaya mengadakan siaran langsung Parlimen selama satu setengah jam di samping mengadakan siaran langsung yang dapat diikuti melalui TV Parlimen.

Keduanya, perkembangan pesat teknologi maklumat Yang Berhormat Menteri, menjadikan penyebaran maklumat bergerak begitu pantas. Namun begitu, jurang di antara luar bandar dan dalam bandar itu nampak sangat ketara sedangkan kita tahu penduduk luar bandar ini dahagakan maklumat sebegini. Maksud saya, daripada segi akses dan teknologinya amat kurang sekali. Jadi saya kira perlu dirapatkan supaya penduduk luar bandar juga tidak ketinggalan dalam menikmati maklumat yang mampu membawa mereka meningkatkan kehidupan daripada segi pendidikan dan juga perniagaan melalui *internet*, mungkin. Itu sahaja. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh saya tanya dulu?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ataupun saya jawab? Boleh saya jawab dahulu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jawab dahulu kah hendak dengar soalan?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Okey, kalau boleh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Buat soalan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Yang Berhormat, berbanding dengan orang ramai yang tunggu di luar hospital di UK untuk menanti kedatangan putera baru Cambridge itu dengan perbuatan dan pernyataan menghina sultan dan Agong kita, dua-dua perkara ini memang berbeza banyak. Jadi apa pandangan Menteri tentang manakah pihak atau saluran yang sudah *run away from the track*, dengan izin, lari daripada konsep perlakuan yang betul, normal dan kelakuan terbalik ini..., kenapa? Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya rasa saya jawab yang akhir sekali dulu. Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan. Saya kira ini perkara yang dikongsi bersama apabila melihat bagaimana rakyat di *Great Britain* berada di luar hospital untuk sama-sama menyambut kelahiran cicit kepada *Queen*, kepada Ratu *Great Britain* kerana majoriti rakyat mereka menganggap bahawa sistem yang ada adalah satu sistem yang murni, sesuatu sistem yang dibanggakan dan adalah merupakan tradisi yang perlu dipertahankan.

Itu adalah merupakan suatu penerimaan rakyat mereka bahawa sistem monarki yang mempunyai sejarah yang tertentu adalah suatu kebanggaan yang mesti dipertahankan dan majoriti setiap rakyat mereka menunggu-nunggu tentang kelahiran anak kepada cucu ratu dan ia adalah sesuatu yang bukan sahaja mendebarkan, ia menjadi suatu asas berita yang begitu besar sekali. Sebenarnya bukan sahaja negara Britain itu sendiri. Saya teringat di Australia. Australia bagi mereka, *queen* kepada Australia masih lagi *Queen Elizabeth*.

#### ■1210

Satu ketika dahulu pernah diadakan satu referendum ataupun kutipan suara, sama ada Australia masih lagi patut berpegang pada sistem monarki, sistem Raja Berperlembagaan, di mana dalam konteks di mana Ratu mereka, Raja mereka ialah Ratu daripada *Great Britain*. Satu perkara yang dianggap di kalangan orang-orang muda di sana, sepatutnya Australia sudah patut dibebaskan daripada cengkaman atau ikatan sejarah lama. Akan tetapi dalam referendum yang dibuat, majoriti rakyat mereka kata perkara ini tidak menjadi masalah, kami ingin kekal bahawa Ratu kami, raja kami masih lagi Ratu bagi Great Britain, *Queen of Elizabeth is still their Queen* dalam soal ini.

Dalam negara kita mungkin berbeza sedikit. Saya percaya bahawa majoriti rakyat kita masih menerima Sistem Raja Berperlembagaan dalam negara kita, kerana ianya adalah sebahagian daripada kontrak sosial. Di mana mereka tahu, balik dari segi sejarah dahulu sama ada orang tidak setuju atau bersetuju bahawa ada sejarahnya negeri ini ada Raja-Rajanya. Raja-Rajanya menjadi Raja kerana ada faktor-faktor yang tersendiri dan setelah dia mempunyai kuasa yang tersendiri. Selepas itu Raja-Raja ini sanggup memberikan sebahagian daripada kuasa-kuasanya kepada rakyat.

Akan tetapi beberapa kedudukannya dan kuasanya dipelihara dalam konteks yang tertentu. Ini adalah perjanjian dan ini perjanjian yang ternyata Perjanjian Tahun 1948, Perjanjian Persekutuan kerana disebutkan kontrak sosial itu antara Raja dengan rakyat, apa yang rakyat diberikan kuasa dan apa yang Raja dapat. Kontrak sosial ialah antara Melayu dan bukan Melayu, apa yang bukan Melayu dapat kalau menjadi warganegara dalam negara ini dan apa yang Melayu dapat dipertahankan. Antara negeri dengan Persekutuan, dulu negeri kita negeri Terengganu, negeri Kelantan, negeri Pahang dan sebagainya ialah sebuah negeri yang tersendiri. Akan tetapi mereka serahkan kuasanya kepada Persekutuan, tetapi negeri itu ada hak-haknya tersendiri.

Jadi ini semua kontrak sosial telah dipersetujui. Kalau semua orang menghargainya, negara kita aman, negara kita dapat bergerak maju. Akan tetapi sudah tentu pada hari ini ada orang mempertikaikan. Apakah kontrak sosial ini perlu diteruskan? Apakah Raja-Raja perlu diberikan kedudukan yang ada sekarang? Sudah ada orang mempertikaikan dan pertikaian itu sudah tentu sampai ke peringkat yang boleh mencetuskan rasa kurang senang, apabila orang mengatakan dengan senang mempertikaikan Raja-Raja kita yang kita anggap sebagai payung untuk semua dan mereka dengan senang untuk mempertikaikan.

Ada negara yang tidak boleh terima. Apa yang berlaku di Thailand mereka dikenakan hukuman yang sangat berat misalnya mencerca rajanya kerana bagi mereka menganggap bahawa Raja mereka adalah pilihan yang terakhir sekiranya berlaku pertelingkahan, Raja boleh memainkan peranan untuk memberikan perlindungan dan memastikan bahawa negara ini terus aman dan sebagainya. Jadi saya ucap terima kasih di atas perhatian yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator, bahawa kita mahu kalau kita percaya bahawa negara kita sekarang ini aman dan terus kita ingin amankan lagi, makmurkan. Ada kata perlu diubah segalanya. Berlaku di negara Arab, maka mereka ghairah hendak buat di sini juga.

Akan tetapi apa yang berlaku di Mesir misalnya kalau boleh diubah dengan pergi ke jalan raya, orang lain boleh mengubah mereka pula melalui jalan raya juga. Ertinya apa yang diputuskan melalui peti undi, akhirnya dicampak ke tepi. Akan tetapi ada orang yang ingin buat demikian dalam negara kita. Keputusan pilihan raya dipertikaikan dengan cara pergi ke jalan raya dan sebagainya dan mempertikaikan seluruh sistem termasuk sistem Raja-Raja yang ada di negara kita.

Jadi ini saya percaya bahawa rakyat akan menilai mana yang baik, mana yang buruk. Mereka mendakwa misalnya kenapa dipertikaikan kerana ada penipuan kosongnya. Orang tanya hendak dakwa mana 40,000 orang Bangla yang disebutkan? Satu kes pun tidak dapat dibuktikan. Jadi akhirnya orang menilai siapa yang sebenarnya pembohong dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab seperti apa yang disebut Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah sebentar tadi. Isu-isu yang berkaitan dengan soal pakaian misalnya ianya akan diperhatikan dan dalam konteks mana. Lelaki memakai pakaian perempuan, perempuan memakai pakaian lelaki. Dalam rancangan komedi misalnya, konteks itu bagaimana? Ianya sebahagian daripada komedi, macam yang apakah ianya dianggap mendewakan LGBT misalnya. Jadi ini perlu dilihat dan walau bagaimanapun, pihak kementerian di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mengambil beberapa tindakan termasuk menegur stesen-stesen berkenaan.

Ada stesen yang dalam lawak, sebab setengah itu disiarkan secara langsung bukannya pra rakaman, disiarkan secara langsung, ada lawak-lawak yang tertentu akhirnya stesen yang berkenaan dikenakan denda yang besar. Ini kerana dalam lawaknya membuat kata-kata yang boleh menyinggung perasaan dan boleh mempermainkan perkara-perkara yang menjadi institusi yang begitu dipertahankan di negara kita. Tindakan telah diambil pada mereka.

Perkara yang kedua disebutkan, terima kasih kerana pertama kali saya dengar dalam Dewan yang mulia ini sekurang-kurangnya memberi pujian ataupun pengiktirafan atas usaha kita untuk menjadi lebih telus. Segala apa yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini, termasuk di Dewan Rakyat tidak lagi diterbitkan berdasarkan kepada sedutan-sedutan tertentu. Sehingga sekarang daripada jam 10 pagi hingga 11.30 pagi disiarkan secara langsung oleh RTM1 sepenuhnya, tidak ada edit, tidak ada apa.

Ada orang tanya, kenapa tidak disiarkan sepenuhnya terus sampai habis? Memerlukan satu *channel* ataupun satu saluran.

Saya perlu fahamkan dari segi *constrain*, hendak buat satu saluran dipanggil saluran analog TV1, TV2, satu saluran analog yang ada sekarang ini, satunya kita ada *constrain* ataupun ada kekangan dari segi spektrum, dia punya frekuensi yang ada sudah tidak ada. Kalau ada pun kos adalah sangat tinggi untuk membuat satu stesen baru analog berdasarkan analog sekarang ini kosnya lebih kurang RM200 juta hingga RM300 juta.

Akan tetapi dunia sekarang sudah menutup stesen-stesen analog supaya frekuensi itu boleh digunakan untuk tujuan lain. Ini dipanggil proses pendigitalan dan proses pendigitalan akan bermula, tender telah dibuat dan sebagainya. *Insyah-Allah* dalam masa dua tahun lagi stesen TV kita semuanya akan didigitalkan dan ia bermula dengan Lembah Klang dan dalam tahun 2017, *insyah-Allah* untuk seluruh negara.

Jadi kita akan lihat RTM ada banyak saluran selepas ini dan kita akan fikirkan apakah perlu ada satu saluran Parlimen atau tidak. Tuan Yang di-Pertua, tetapi buat masa sekarang, kita sudah memulakan apa yang disebutkan tadi bagi siaran langsung ini ialah antara jam 10 pagi hingga 11.30 pagi, tetapi selepas itu, selebihnya semuanya boleh ditonton melalui komputer, melalui *smart phone*, melalui *Ipad*, *Android* dan sebagainya. Boleh ditonton di mana sahaja kita berada. Sekarang ini sedang disiarkan *live*, yang boleh ditonton satu dunia boleh menontonnya, daripada Amerika, Jepun dan sebagainya. Kalau diperhatikan di sini ada empat kamera, ada atas sana, satu. Ada empat kamera yang bekerja siang dan malam.

Kalau kita bermesyuarat sehingga 10.30 malam, mereka sedang membuat kerja untuk menyiarkan secara *live*. Satu dunia boleh menontonnya melalui sistem dipanggil IPTV. Jadi ertinya tidak ada kata satu perkara pun yang diedit. Kalau Yang Berhormat saya memerhatikan Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir misalnya, daripada rumah saya bercakap tentang soal kesatuan sekerja, saya tahu apa yang berlaku dan semua orang tahu apa yang sedang berlaku. Tidak ada dikatakan kalau yang pro pembangkang tidak ada dan sebagainya. Ini adalah merupakan bagi saya era baru di dalam sistem penyiaran kita. Segala laporan yang berkaitan dengan kerja yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen, termasuk Yang Berhormat Senator semua adalah dibuat secara langsung dan pemberitaannya dibuat secara *real time*.

#### ■1220

Ini adalah merupakan kaedah yang kita percaya akan dapat dikongsi dan dihargai bersama. Cumanya, terima kasih kerana penghargaan itu saya dapat hari ini. Sebelum ini saya pun tidak tahu apakah suka atau tidak. Di Dewan Rakyat, pembangkang satu pun tidak pernah kata ini satu perkara yang baru, yang bagus. Dia cuma marah sahaja tetapi bila kita buat macam ini pun, tidak ada satu pun hendak kata "*Bagus, ini satu perubahan, patut digalakkan, patut begini dan sebagainya.*" Tidak pernah! Cuma daripada Barisan Nasional sahaja yang menghargai dan terus menyokong program yang kita buat ini... [*Tepuk*] Yang lain tidak buat. Yang mencebik banyak. Dia kata, "*Apalah benda-benda macam ini.*" Jadi, saya ucapkan terima kasih. Akhir sekali tentang soal...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah sedikit tidak? Yang terakhir ini saya terpanggil untuk bercakap. Itu menandakan betapa bahawa Dewan Negara ini jauh lebih beradab daripada kehendak orang yang hendak menghapuskannya. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih soal ini. Ini adalah merupakan, kalau ada yang menganggap bahawa kerajaan takut, tidak berani hendak siarkan itu tidak benar. Sekarang, semuanya boleh dan boleh ditonton.

Saya perhatikan yang ianya disiarkan. Dalam TV di depan kita pun boleh kita dapat akses. Bukan TV, tetapi monitor di depan kita. Soalan yang seterusnya yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani tadi tentang penggunaan *internet* bagi tujuan perniagaan dan sebagainya. Program itu sudah ada di bawah bantuan SKMM dan sebagainya. Ada Program GMBO namanya yang memberi bantuan RM1,000 kepada wanita-wanita terutama sekali, yang paling banyak, bagaimana dia orang hendak buka *Facebook*, hendak pasarkan barang mereka.

Sebanyak RM1,000 terus disalurkan pada mereka untuk membuka *Facebook* dan untuk memasarkan barang-barang kampung mereka. Dia jual kripap, buat *homestay* dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang telah dibuat. Program Kampung Tanpa Wayar, Program Pusat Jalur Lebar Komuniti dan sebagainya, ini adalah sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan jurang digital antara bandar dan kampung dalam soal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Begitulah bunyinya bila sorang Menteri datang menjawab. Agaknya dia begitu tahu tanggungjawabnya, begitu bagus menjawab dan untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, dalam Dewan ketika ini secara kebetulan seramai 80 orang mahasiswa-mahasiswi daripada Universiti Malaysia Terengganu.

So, bermakna Ahli Parlimen Terengganu tadi bercakap itu, saya rasa memang sampailah. Kebetulan juga dapat ditonton oleh mahasiswa-mahasiswi daripada universiti tersebut. Sekarang, tanpa membuang masa saya mempersilakan Kementerian Wilayah Persekutuan. Silakan Yang Berhormat.

### 12.23 tgh.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/ Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan perkara-perkara yang terletak di bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan sepanjang Perbahasan Titah Ucapan Diraja tahun 2013 Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas, Dewan Negara 2013 kali ini.

Keprihatinan, ketelitian dan kepekaan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang membabitkan kesejahteraan hidup dan kebajikan para warga Wilayah Persekutuan khususnya dan rakyat amnya sangatlah kami hargai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed telah membangkitkan isu mengenai pemeriksaan dan penguatkuasaan undang-undang kecil perlu dilaksanakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terhadap majikan yang mempunyai pekerja beragama Islam. Disediakan tempat untuk bersolat dengan sempurna dan tempoh masa yang mencukupi bagi mengerjakan solat secara bergilir-gilir terutama sekali pada bulan Ramadhan di sekitar Kuala Lumpur.

Selain itu, beliau turut menyarankan agar pihak berkenaan juga perlu meneliti semula cadangan untuk membuat peringatan solat di papan tanda, radio, skrin digital, surau-surau, masjid-masjid yang berdekatan bagi membolehkan para pemandu berhenti berehat untuk bersolat pada waktu Maghrib walaupun sentiasa berada dalam keadaan sesak di pusat bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah, berdasarkan garis panduan kemudahan penduduk dalam bangunan bukan kediaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mensyaratkan pemaju untuk menyediakan ruang semasa permohonan untuk mendapatkan kelulusan perancangan di buat. Walau bagaimanapun, bagi premis yang sedia ada dan hanya melibatkan pengubahsuaian daripada bangunan asal, perkara ini tidak disyaratkan, keperluan yang menyediakan ruang surau atau ruang solat pula adalah bergantung pada skim sesuatu pembangunan berkenaan.

Bagi premis-premis makanan yang beroperasi di lot-lot komersial, tidak terdapat peruntukan undang-undang yang mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur boleh mengarahkan mereka menyediakan ruang solat. Walaupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai garis panduan perancangan dan pembangunan komersial baru dengan keluasan lebih 50,000 kaki persegi, perlu menyediakan bilik solat berkeluasan 500 kaki persegi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat lebih kurang 5,000 premis makanan yang berlesen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan berdasarkan perhatian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedar bahawa kebanyakan pekerja di premis makanan segera adalah mereka yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk memastikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memastikan setiap pekerja yang beragama Islam dapat menunaikan solat Maghrib khususnya di bulan Ramadhan.

Pada masa yang sama, mereka perlu memenuhi kehendak pelanggan. Minta maaf. Saya berasa soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah ini saya telah jawab dan saya akan terus ke soalan yang keduanya.

Okey, di sini ada sedikit sambungan. Mereka perlu menunaikan kehendak pelanggan yang berpuasa serta pelanggan-pelanggan lain yang datang ke premis mereka. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam perkara ini akan menasihati pemegang lesen agar mereka sentiasa menyediakan pekerja yang mencukupi bukan sahaja pada bulan Ramadhan malahan sepanjang tempoh beroperasi dan memberi ruang dan masa mencukupi bagi membolehkan pekerja yang beragama Islam dapat menyempurnakan ibadat mereka.

Seterusnya kepada persoalan yang berikutnya daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus yang mencadangkan agar peruntukan kepada Majlis Sukan Labuan perlu ditambah daripada RM300,000 kepada RM500,000 setahun. Ini bertujuan untuk menampung sebahagian daripada aktiviti Temasya Sukan Borneo 2013 yang dijangka akan diadakan pada bulan September tahun ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, adalah diakui bagi peruntukan mengurus bagi Majlis Sukan Labuan untuk tahun 2013 dan sebelumnya adalah tetap iaitu RM300,000. Peruntukan mengurus Majlis Sukan Labuan ini juga diperoleh daripada sumber dalaman Perbadanan Labuan. Walau bagaimanapun, peruntukan ini telah disemak semula dan telah dipersetujui untuk dinaikkan kepada RM600,000 setahun, yang mana peruntukan ini akan dibiayai melalui geran Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2014.

Bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Ucapan Diraja pada tahun 2013 yang melibatkan bidang kuasa dan tanggungjawab kementerian ini.

#### ■1230

Segala teguran, pandangan dan cadangan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua amatlah kami hargai dalam usaha untuk menambah baik mutu perkhidmatan awam khususnya kepada rakyat dan negara secara menyeluruh. Saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan saya sendiri ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam, selamat menunaikan ibadah puasa serta Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya mohon menambah sedikit sahaja. Mohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masih ada lagi Yang Berhormat yang hendak bertanya lagi. Silakan.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Sila, sila.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Berkenaan jawapan kepada persoalan yang saya timbulkan. Apa yang dijawab adalah DBKL akan mengambil tindakan menasihati pelesen tetapi bagi saya DBKL mempunyai kuasa yg lebih besar iaitu bukan sekadar menasihati malah mensyaratkan di dalam lesen bagi memastikan mereka mematuhi dan penguatkuasaan diambil seterusnya menjaga kebajikan pekerja-pekerja bawahan yang beragama Islam. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, memang saya telah nyatakan tadi bahawa kuasa undang-undang bagi DBKL, kita tidak ada peruntukan undang-undang. Akan tetapi kita boleh gunakan jasa baik DBKL dengan orang-orang yang mengendalikan perniagaan ini untuk memastikan mereka menyediakan ruang-ruang yang perlu untuk solat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ada satu projek besar di Pudu iaitu Plaza Rakyat sudah dibuat tetapi tidak siap-siap. Sudah hampir 15 tahun tidak siap. Jadi gajah putih tinggal rangka tidak siap-siap. Mohon penjelasan. Bagaimana, di mana dan bila hendak siap? Itu sahaja.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Abdul Rahman. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Plaza Rakyat ini memanglah merupakan satu projek sakit di mana pada masa sekarang ini kita mengendalikan urusan-urusan untuk memulihkan kembali Plaza Rakyat ini. Berkenaan dengan semua detil spesifik seperti yang diminta oleh Yang Berhormat ini, saya akan beri secara bertulis...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya ingin bertanya kerana satu perkara yang saya timbulkan dalam ucapan saya tidak mendapat jawapan iaitu mengenai sepucuk surat yang menurut Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam sesi Dewan Negara yang lalu, dikatakan telah dihantar oleh perunding pembinaan Masjid Brickfields ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Akan tetapi pada 24 April 2012, saya tidak ingat tarikhnya. Kemudian perkara itu saya timbulkan dalam Dewan ini juga dan mendapat jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Menteri pada masa itu yang mengatakan bahawa pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak menerima surat berkenaan. Sudahkah benda itu disemak kembali dan apa terjadi kepada surat itu sekarang? Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya pada masa sekarang tidak mempunyai sebarang maklumat tentang surat ini ataupun berkenaan dengan soalan ini. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa surat ini telah dijawab. Saya baru dapat maklumat. Masjid Brickfields ini telah dijawab oleh JAKIM oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jawapannya telah diberikan oleh JAKIM di Jabatan Perdana Menteri ini.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Isunya lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat. Saya sudah faham agaknya. Duduk sekejap. Saya pun saya rasa dalam sesi yang dahulu, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus ada membangkitkan perkara ini. Beliau telah menyatakan secara terperinci tempoh hari tetapi jawapan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru sahaja memegang jawatan itu saya fikir mungkin agaknya susah dia hendak menjawab. Walau bagaimanapun, wajar di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di DBKL sila bantu pihak Menteri untuk memberi jawapan yang betul-betul terperinci dan bertanggungjawab sebagaimana yang diminta oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Jadi, saya rasa Yang Berhormat agaknya tidak payah lagi. Cukuplah setakat itu.

Saya faham Yang Berhormat sendiri pun kurang arif dalam perkara ini. Yang Berhormat baru. Ini kali pertama Yang Berhormat bercakap ini. Sudah baguslah itu. Akan tetapi lain kali *be sensitive*, dengan maaf. Di Dewan Negara ini, *we are very concern* dan keputusan-keputusan itu mestilah betul-betul bertanggungjawab. Tidak payah jawab. Saya harap Kementerian Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat rujuk semula dengan semua pihak yang berkenaan. Koordinasi mesti ada. Jangan tolak menolakah. Bila tolak menolak, agaknya tidak ada keputusan. Jadi, keputusan itu wajar diadakan satu koordinasi dan berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya terima nasihat Tuan Yang di-Pertua saya akan pastikan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus diberi jawapan secara bertulis dan terperinci. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya percaya Yang Berhormat akan datang dan lebih arif lagi serta lebih hebat. Ini kali pertama, *passlah* itu. Sekarang...

**Dato' Lim Nget Yoon:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukuplah itu.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Bukan, soalan saya tidak dijawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, kalau tidak jawab, sila kemukakan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Soalan saya ialah apakah langkah-langkah Kementerian untuk mencegah masalah pengemis di pusat pelancongan? Lagipun, saya percaya yang pengemis-pengemis itu bukanlah warganegara kita. Ia adalah sindiket dari negara asing untuk mendapatkan duit. Mencari duit daripada negara kita.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Lim. Berkenaan dengan pengemis-pengemis yang berada di kota raya ini, memang Yang Berhormat Menteri telah membuat satu keputusan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan dengan agensi-agensinya di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan akan mengendalikan usaha-usaha untuk membersihkan ibu kota dan memberikan sebuah ibu kota yang bersih dan selamat. Dalam konteks ini, beliau telah pun mengarahkan supaya semua pengemis-pengemis diambil tindakan dan mereka dirujuk kepada pihak-pihak berkuasa yang tertentu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana Menterinya sendiri hadir. Kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dewan ucapkan terima kasih kerana Menteri sendiri datang menjawab. Sekian, dipersilakan, Yang Berhormat.

12.38 tgh.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, saya mewakili Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dua isu sahaja berkaitan dengan MITI. Pertama, berkaitan *Trans Pacific Partnership Agreement* (TPPA) Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik dan yang kedua berkaitan harga kereta.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa ini mungkin 20 minit, saya ingin mengesyorkan di sini bahawa jika tidak sempat saya jawab semua ini. Saya mohon dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua untuk memanggil satu pertemuan khas dengan semua Ahli Dewan Negara bagi membolehkan saya memberi taklimat penuh tentang TPPA ini. Malam tadi sebenarnya kita ada anjurkan satu taklimat tetapi oleh kerana Dewan disambung sehingga jam 10 malam, maka cuma Yang Berhormat Dato' Boon Som sahaja dapat hadir. Macam mana dia 'tuang' saya pun kurang pasti.

Jadi *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, isu ini isu yang besar. Amat besar dan penting. Saya bersetuju dengan enam orang Ahli Yang Berhormat yang bercakap tentang perkara ini. Saya bersetuju isu ini isu yang amat penting. Maka jika dipersetujui, saya akan panggil satu taklimat khas jika perlu.

■1240

Jadi, saya juga ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud dan Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin kerana telah mencadangkan supaya saya sendiri datang, menteri datang ke Dewan Negara untuk menjawab soalan-soalan berkaitan TPPA dan saya amat menghargai cadangan mereka. Itu sebabnya saya datang, bukan itu sebab dia.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, saya cukup faham betapa pentingnya peranan Dewan Negara. Saya pun bekas Ahli Dewan Negara daripada bulan Mac tahun 1991 hingga bulan Mei tahun 1995, empat tahun setengah. Tidak sempat dua penggal. Bulan Mac 1991 hingga bulan Mei 1995, saya juga Ahli Dewan Negara. Jadi, saya cukup faham betapa besarnya peranan Dewan ini. Maka, kalau tidak suruh saya datang pun, *insya-Allah* saya akan datanglah kecuali saya ada hal-hal penting luar negara dan lain-lain lagi... [*Tepuk*] Jadi, saya gembira dapat datang hari ini.

Jadi, kembali kepada cadangan tadi kalau sekiranya tidak sempat saya hendak jawab semua kerana isu penting, *insya-Allah* saya akan panggil satu lagi taklimat. Sebenarnya kita telah mengadakan beberapa taklimat permulaan sesi Parlimen ini, Parlimen Ketiga Belas, kita ada taklimat. Pada malam tersebut mungkin lima, enam Ahli Yang Berhormat datang yang mewakili Dewan Negara. Malam tadi satu orang sahaja. Jadi, bukan kami tidak beri penjelasan, beri makluman tetapi oleh hal-hal tidak dielakkan mungkin Yang Berhormat tidak dapat hadir.

Sebelum saya pergi kepada perkara ini, saya hendak cerita sedikitlah. Semalam Perdana Menteri Perancis, nama dia Avo. Tidak tahulah betul kah tak, *pronunciation* dia "Avo". Beliau melawat Malaysia. Kali terakhir seorang Perdana Menteri Perancis melawat Malaysia 30 tahun dahulu. Dia datang, semalam ada satu forum ekonomi. Saya bercakap, selepas itu dia bercakap. Masa dia bercakap Tuan Yang di-Pertua, dia memaklumkan majlis tersebut dua perkara. Yang pertama, di Malaysia ada 260 buah syarikat Perancis dan dalam tempoh lima tahun ini terdapat peningkatan 50 peratus dalam bilangan syarikat Perancis di negara kita Malaysia. Itu yang pertama dimaklumkan.

Maknanya, minat syarikat Perancis untuk melabur di negara kita begitu tinggi sekali, 50 peratus pertambahan dalam tempoh lima tahun. Yang kedua, Perdana Menteri Perancis menyatakan bahawa minat ini akan meningkat jika sekiranya Malaysia tandatangan perjanjian perdagangan dengan EU, Malaysia EUFTA. Ini juga dibangkitkan dalam Dewan Negara. Untuk makluman, kita sudah ada tujuh pusingan rundingan dengan EU. Akan tetapi kita ada beberapa masalah, maka setakat ini kita perlahan sedikitlah rundingan ini. Jadi, ini disebut oleh Perdana Menteri Perancis bahawa dengan adanya FTA dengan EU, maka ini akan menggalakkan lebih banyak lagi pelaburan. Apa yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri tersebut ialah dengan ada FTA ini akan menambahbaikkan iklim pelaburan.

Ini akan memberi ketentuan ataupun *certainty* dalam pelabur. Dengan adanya perjanjian, mereka merasakan bahawa lebih *secure*, lebih terjamin pelaburan mereka. Sekarang tidak ada perjanjian EUFTA pun mereka sudah datang. Akan tetapi kalau sekiranya satu hari nanti sekiranya ada, maka beliau menyatakan bahawa ini akan menggalakkan lebih banyak lagi syarikat Perancis ke Malaysia. Syarikat Perancis ke Malaysia in banyak Tuan Yang di-Pertua. Ada kecil, ada besar, sebuah syarikat yang bernama Monaire di Seremban. Ada lebih 100 pekerja saya difahamkan. Syarikat ini syarikat IKS sahaja. Akan tetapi ia merupakan pembekal utama sirap kepada semua pembuat minuman dalam negara kita. Bukan sahaja di Malaysia tetapi juga jual di seluruh Asia dan Asean. Itu kecil, syarikat besar umpamanya LaFarge syarikat simen yang terbesar di dunia. Malaysia juga merupakan syarikat simen terbesar di Malaysia, syarikat asinglah ini. Ia menguasai kira-kira 40 hingga 45 peratus pasaran Malaysia.

Jadi, syarikat ini syarikat terbesar di dunia dalam industri simen. Di Malaysia juga ia mempunyai pasaran yang terbesar. Jadi, syarikat Perancis ini ada kecil ada besar. Ada Astron, ada Technics dalam bidang *oil and gas* umpamanya. Semalam di Sendayan, Perdana Menteri bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan melawat tapak projek untuk membuat *carbon brakes* namanya, dengan izin, bagi kapal terbang *Airbus* khususnya, menggunakan *carbon brakes*. Maka, *brake* ini satu hari nanti akan dibuat di Malaysia, di Sendayan.

Jadi, ini pelaburan daripada negara Perancis melibatkan kira-kira USD150 juta di Sendayan, Negeri Sembilan. Jadi, ini merupakan pelaburan-pelaburan yang sudah masuk ke Malaysia daripada Perancis. Apa yang disebut oleh Perdana Menteri Perancis tersebut ialah dengan adanya FTA antara Malaysia dan Perancis, dia kata akan berlaku peningkatan lebih ketara dalam pelaburan antara Perancis ke Malaysia. Inilah antara manfaat-manfaat, faedah-faedah yang boleh diperoleh daripada FTA. Saya tidak menyatakan bahawa semuanya baik. Memang apa pun kita buat ada yang terjejas, ada yang mendapat faedah. Akan tetapi apabila kerajaan sebelum membuat keputusan untuk memasuki TTPA ini. Kita telah membuat kajian. Yang Berhormat ada membangkitkan sama ada kajian teliti dibuat. Kita telah meminta UNDP membuat kajian. Jadi, secara umumnya atau pun secara keseluruhannya, kerajaan berpendapat ia akan memberi kesan yang baik kepada negara.

Kita mengakui bahawa ada juga kesan tidak baik. Seperti yang pernah saya katakan, kita bina *highway* umpamanya, baik untuk kita. Jalan dapat cepat hendak pergi ke Kuala Lumpur-Seremban Tuan Yang di-Pertua, ataupun balik ke Kuala Pilah cepat tetapi ada juga yang laju lari 200 kilometer satu jam, *accident*, mati.



Jadi, kalau kita kata, kita buat lebu ray boleh ada kematian ini tidak baik untuk negara, tidak betul. Jadi, sesuatu projek atau program itu ada baik, ada buruknya. Yang baiknya ada lebu ray, meningkatkan perjalanan. Masa yang diambil lebih singkat. Yang tidak baiknya, lari laju. Lari laju, maka mungkin ada kematian.

Jadi, apa jua yang kita buat, kita hendak bina satu bangunan, kita kena potong pokok-pokok. Yang tidak baiknya, monyet-monyet tidak adalah. Yang baiknya kita ada bangunan, ada rumah. Jadi, setiap yang kita lakukan itu sudah pasti ada kesannya. Jadi, kalau kita takut membuat pembangunan kerana kita hendak menjaga *environment* semata-mata, maka sudah pasti kita tidak akan membangun. Akan tetapi apa kita lakukan, *environment* itu adalah penting bagi kita dan ialah yang juga kita lakukan dalam TPPA untuk memastikan bahawa pada keseluruhannya ia membawa kebaikan kepada negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada yang membangkitkan hal TPP ini, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukur, seterusnya Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin, Senator Datuk Subramaniam, ini antara Yang Berhormat yang bercakap tentang TPP. Yang pertamanya berkaitan dengan menggantung perundangan yang dicadangkan oleh Dato' Chin. Referendum sama ada hendak buat referendum dan sama ada kita buat analisis kos faedah. Analisis kos faedah saya sudah jawab tadi.

Akan tetapi memandangkan banyak lagi pandangan-pandangan yang saya terima secara terbuka. Saya sudah banyak buat *engagement* dalam TV, dalam media, berjumpa dengan *bloggers*, berjumpa dengan Ahli Parlimen Barisan Nasional, berjumpa Ahli Parlimen mewakili PKR, berjumpa dengan Ahli Parlimen mewakili DAP. Jadi, kita telah bertemu dengan pelbagai pihak. Dengan *bloggers*, dengan media, *mainstream media*, arus perdana dan *social media*, semua dah buat dah. Akan tetapi saya mengakui bahawa banyak lagi yang perlu kita lakukan.

Saya ucap terima kasih Ahli Yang Berhormat. Banyak pandangan yang saya terima dalam tempoh dua bulan ini. Maka, malam tadi umpamanya, kita ada taklimat khusus untuk Ahli Parlimen. Ramai Ahli Dewan Rakyat yang hadir. Dewan Negara cuma Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong yang hadir. Seperti yang saya sebutkan tadi, *insya-Allah* saya bersedia untuk berjumpa dengan Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman juga, hari Khamis ini, mengambil kira pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga daripada NGO dan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu, daripada CAP, daripada Tuan Haji S.M. Idris daripada CAP, daripada Majlis Tindakan Ekonomi Melayu, daripada Majlis Perundangan Melayu. Banyak lagi NGO yang membangkitkan perkara ini. Mengambil kira segala pandangan, maka saya telah buat keputusan untuk mengadakan hari terbuka bermula pukul 9 sampai pukul 1.15 hari Khamis, 1 hari bulan.

Saya pada hari ini hendak jemput semua Ahli Yang Berhormat untuk hadir. Hadir ramai-ramai tetapi kita akan aturkan satu lagi taklimat khusus untuk Ahli-ahli Dewan Negara. Saya yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat akan terima baik cadangan ini. Jadi, hari Khamis ini bermula jam 9, saya akan rasmiannya. Selepas itu pegawai akan memberi taklimat di mana kita sekarang dalam perundangan ini. Pukul 10 hingga pukul 11.30 kita akan ada satu forum terbuka di mana kita ada ahli panel, ada pengerusi mewakili semua kepentingan yang menentang dan menyokong. Yang tentang, yang tak suka, yang hendak berhenti, yang hendak *withdraw* pun ada.

#### ■1250

Jadi kita berlaku adil. Kira-kira jam 11.45 kita akan adakan bengkel-bengkel untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui lebih lanjut lagi. Ada yang ada kebimbangan berkaitan ubat, kesatuan sekerja, ada kebimbangan mengenai hak pekerja, ada kebimbangan berkaitan dengan hal-hal kontrak kerajaan dan lain-lain. Maka kita ada kalau tidak silap saya enam bengkel.

Jadi saya sekali lagi hendak mempersilakan semua Ahli Yang Berhormat untuk hadir dalam Hari Terbuka TPPA ini. Ini adalah respons kepada semua pandangan yang kita terima, tidak pernah kita buat begini. Sebelum ini kita dah banyak, kita jumpa persatuan perniagaan. Sebenarnya kita buat keputusan TPPA ini pada bulan Mac 2010, sudah lama, tiga tahun sudah. Kali pertama kita memasuki perundangan adalah pada bulan Oktober 2010. Di Kota Kinabalu, minggu lepas pusingan ke-18. Jadi keputusan kita, kita buat bulan Mac 2010, tiga tahun lalu setelah kita buat kajian.

Jadi kita buat sesuatu memanglah kita buat kajian. Jadi apabila kita merasakan ia adalah baik untuk Malaysia, kita buat keputusan dan kita sertai perundingan.

Jadi TPP ini adalah satu perjanjian perdagangan. Benarlah kata Yang Berhormat Tuan Syed Shahir, ia meliputi banyak perkara. Biasanya perdagangan ini, perdagangan dan pelaburan sahaja tetapi yang ini betul meliputi banyak perkara. Ada berkaitan dengan buruh, ada berkaitan dengan alam sekitar, ada berkaitan dengan persaingan, ada berkaitan dengan *state-owned enterprises* ataupun syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Jadi liputan cukup luas. Maka itu sebabnya dalam masa tiga tahun ini, pada pandangan kerajaan sudah banyak *engagement* tetapi saya insaf dan sedar bahawa pada pandangan banyak pihak termasuk Ahli Yang Berhormat, tidak cukup lagi *engagement*. Maka itu sebabnya kita akan teruskan, banyak lagi kita akan lakukan *engagement* termasuklah hari terbuka yang kita akan adakan pada hari Khamis akan datang.

Jadi untuk menggantung rundingan pada pandangan kerajaan tidak berbangkit kerana kita buat keputusan. Apa pun kita akan terima pandangan rakyat. Jika sekiranya ia benar-benar menjejaskan negara kita, maka sudah pasti kita sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab yang kita bergantung pada rakyat, kalau rakyat tidak sokong dan marah, maka sudah pasti kita akan kaji semula pendirian kita. Akan tetapi setakat ini berdasarkan apa yang telah berlaku, kita rasa kita harus cuba kerana kita sebagai sebuah negara perdagangan.

Saya hendak bagi contoh, sebuah syarikat di Johor, saya tidak perlu sebut syarikat ini, syarikat yang merupakan nombor satu dalam dunia dalam barangan tersebut. Ia mahu supaya kita tandatangan FTA ini kerana sekarang ada cukai. Jadi kalau tidak ada FTA, maka *insya-Allah* cukai akan kosong. Jadi kalau sekarang ada cukai, kalau ada FTA cukai kosong, sudah pasti ia menguntungkan syarikat. Jadi kalau Malaysia tidak masuk TPP, kalau Vietnam umpamanya masuk TPP, maka syarikat yang berada di Malaysia ini mungkin, tidak semestinya berlaku, mungkin berpindah ke Vietnam. Maka ia akan mengakibatkan pengangguran.

Syarikat ini ada seribu pekerja yang bekerja langsung atau *direct employment*, ia ada kira-kira 15,000 yang membekalkan komponen untuk membuat barangan berkenaan. Jadi maknanya 15,000 dan 1,000 berjumlah 16,000 pekerja-pekerja tersebut mungkin akan menganggur sekiranya syarikat tersebut buat keputusan untuk memindahkan operasi daripada Malaysia ke Vietnam. Vietnam katakanlah andaiannya menjadi ahli TPP, Malaysia tidak, maka sudah pasti lebih baik bagi syarikat tersebut untuk melabur di negara lain. Ini antara kesan. Jadi ada Ahli Yang Berhormat mendapat bahawa ini akan menyebabkan pengangguran yang berlaku di Mexico dan lain-lain, mungkin ada tetapi juga kita harus sedar bahawa syarikat yang ada di Malaysia juga mungkin akan menutup operasinya sekiranya kita tidak menjadi ahli TPP dan ia merugikan syarikat tersebut, jadi ini menyebabkan pengangguran.

Apa pun Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak beri jaminan di sini bahawa kita belum muktamad lagi. Gambaran yang diberikan dalam media massa adalah di Kota Kinabalu hendak *sign* dah, hendak tandatangan, itu tidak betul ya. Jadi ini masih lagi dalam perbincangan. Benar ada *target*, ada matlamat untuk muktamadkan rundingan akhir tahun ini, itu benar, ada kenyataan bertulis, itu *target*. Dalam hendak buat apa-apa memang kena ada *target*. Kita dalam Dewan Negara ada *target*, hendak habis sekian-sekian pukul 6, hendak berhenti pukul 7, hendak buka puasa, *target* ya. Ini pun, TPP ada *target*. Kalau kita buat kerja kalau tidak ada *target*, maka ini bermakna kita bukan pengurus yang baik. Jadi kita banyak kerja, takkan kita hendak runding 20 tahun umpamanya, jadi *target* ini kita telah tetapkan.

*Target* yang telah dibuat oleh ketua-ketua negara ialah hujung tahun tetapi tidak semestinya ia akan siap hujung tahun ini, mungkin siap atau tidak. Apa pun saya beri jaminan di sini bahawa yang pertama kita akan lakukan lebih banyak lagi *engagement*. Kedua, *insya-Allah* kita akan ambil kira pandangan-pandangan dan kita akan membuat penilaian, sekiranya ia benar-benar merugikan negara sudah pasti kita akan kaji semula pendirian kita berkaitan dengan perkara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada juga kebimbangan berkaitan Amerika Syarikat. Kebetulan Amerika Syarikat ini negara besar, ada kebimbangan Amerika ini besar maka ia akan telan kita, maka masuklah dalam perut negara-negara besar ini.

Itu kebimbangan yang saya rasa mungkin ada asasnya tetapi saya hendak maklumkan di sini bahawa perunding-perunding mempunyai taraf yang sama. Benar dia kuat, negara yang terbesar di dunia dari segi kuasa ekonominya tetapi kita juga sebuah negara berdaulat, sudah pasti kita tidak akan mengkompromikan kedaulatan negara kita. Jadi ada satu provinsi ataupun peruntukan berkaitan dengan *investor state dispute mechanism* di mana kalau mengikut beberapa pihak mungkin menjejaskan kepentingan negara. Sudah pasti kita akan mempertahankan, kita negara merdeka hendak mempertahankan kedaulatan negara kita dan kita akan pastikan ia dapat dipertahankan.

Begitu juga kebimbangan berkaitan dengan ubat-ubat umpamanya. Memang ada cadangan dari beberapa pihak yang mungkin menjejaskan ataupun membawa kepada kenaikan harga ubat tetapi Malaysia dan juga negara-negara lain menentang keras pandangan tersebut. Jadi di dalam mana-mana rundingan, kalau tidak setuju maka tidak jalanlah. Jadi apa juga yang kita rundingkan, harus ada konsensus, ada persetujuan bersama. Jadi kalau ada yang tidak setuju, sudah pasti Malaysia pun tidak setuju berkaitan dengan ubat-ubat ini, mengenai paten ini sudah pasti kita akan menjaga kepentingan pengguna-pengguna.

Ada juga kebimbangan umpamanya daripada Tuan Haji Shukor berkaitan beras, *insya-Allah* ini adalah satu perkara yang penting bagi Malaysia, di Kedah, di Kelantan, Perak dan Selangor, ramai yang mengeluarkan padi dan beras. Maka ini satu perkara yang sudah pasti diambil kira oleh kerajaan dalam rundingan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita menjaga kepentingan negara, menjaga kedaulatan negara, apa pun benda ini belum selesai lagi, belum muktamad. Jadi semua input daripada Yang Berhormat termasuklah perbahasan dalam Dewan ini, kita akan ambil kira. *Insyallah* kita akan terus adakan perundingan dengan pihak-pihak berkepentingan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Seingat saya banyak kali nama saya disebut, saya terpanggil untuk bercakap sedikit. Saya hendak tahu bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa perjanjian ini tidak akan ditandatangani pada bulan Oktober kerana katanya pada bulan Oktober, Barack Obama akan datang ke Malaysia. Sempena kedatangan beliau itu, maka dipersembahkan dengan perjanjian ini. Saya minta jaminan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Yang saya berani jamin di sini, kita akan jaga kepentingan rakyat Malaysia. Sekiranya ia akan menjejaskan dengan teruk rundingan kita, maka kita tidak akan bersetuju dengan TPPA, itu yang pertama. Keduanya, ada tiga proses. Pertama berunding, sesiapa boleh cakap, Amerika hendak, Singapura hendak, biasalah kita berunding. Kita hendak kahwin, kita *lawyer*, kita berbincang, biasalah. Sekarang ini peringkat berbincang, selepas itu peringkat bersetuju, selepas itu kena *sign*, satu lagi akhir *ratify, ratification*. Itu maknanya empat peringkat, yang pertama bincang. Sekarang bincang baru, selepas itu bersetuju, selepas itu tandatangan dan selepas itu kena *ratify*. Jadi empat peringkat, jadi lama lagilah dan ada masa lagi.

Jadi oleh kerana masa suntuk, hari Khamis sila datang ke MATRADE, semua dijemput, forum terbuka. Saya tertakluk kepada persetujuan Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Dewan, saya akan adakan taklimat khusus kerana ini penting. Saya bersetuju dengan semua Ahli Yang Berhormat bahawa ini adalah isu yang penting, yang besar melibatkan rakyat Malaysia. Maka rakyat berhak untuk menyatakan pandangan dan saya Menteri bertanggungjawab bersedia untuk menerima apa juga pandangan demi kebaikan rakyat Malaysia.

Ada soalan-soalan berkaitan dengan kereta, AP, saya hendak maklumkan di sini bahawa dasar kita ialah AP terbuka tiada perubahan. Hujung 2015 selesai, tidak ada dah dan AP francais pada 2020. Ini soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani. Mengenai harga kereta, saya akan membuat beberapa pengumuman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Sudah selesai Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis dah?

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih banyak, saya akan jawab secara bertulis yang berkaitan dengan kereta. Mengenai TPP, sila hari Khamis 1 hari bulan dan saya akan panggil satu taklimat khas untuk semua Ahli-ahli Dewan Negara supaya kita mendapat maklumat terperinci berkaitan perkara ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Selamat berpuasa, selamat Hari Raya Aidilfitri.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakaatuh.* Pertama sekali saya ingin ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri MITI dan jempunan Yang Berhormat itu amat kita hargai.

Oleh kerana satu sebab malam tadi terpaksa kita hendak menentukan kita dapat selesaikan masalah yang perlu kita selesaikan kerana hari ini hari terakhir, maka kita pun mengucapkan terima kasih kalau sekiranya Yang Berhormat ada membuat satu tarikh iaitu hari Khamis. Ini pun satu caranya kita ada *target* dan kita akan sesuaikan masa itu untuk memberi ruang kepada semua Ahli Yang Berhormat yang saya percaya berminat untuk mengetahui tajuk Yang Berhormat aturkan itu dan *insya-Allah* kita akan bagi respons. Saya harap semua Ahli Yang Berhormat memikirkan sedalam-dalamnya betapa pentingnya usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Kementerian ini amat baik sekali.

Dengan itu kita tangguhkan Majlis kita buat seketika dan sambung semula pada jam 2.30 petang ini. Sekian, terima kasih.

*[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 petang.]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah sebelum kita meneruskan- sebelum saya menjemput seorang Menteri untuk menjawab, ini ada satu usul Menteri. Silakan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**2.32 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 31 Julai 2013.”

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sudah lepas, masih *continue*? Sudah. Okey, sekarang saya ingin mempersilakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Silakan Yang Berhormat.

**2.33 ptg.**

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi taala wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja yang menyentuh bidang tugas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat amat berguna kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kementerian sedar bahawa isu berkenaan harga rumah hangat di wacana dan diperdebatkan serata saluran media. Jelas sekali rakyat meluahkan suara hati dan pelbagai pandangan mereka mengenai perkara ini.

Di Dewan yang mulia ini juga Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok dan Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan turut membawa berita rakyat mengenai kebimbangan dan pandangan mengenai masalah kenaikan harga rumah di Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat berhujah mengenai perkara ini kerana kebimbangan yang rakyat tidak mampu untuk memiliki rumah impian mereka kerana kekangan kewangan dan sebagainya.

Ini adalah kerana setiap kali sesebuah keluarga bersusah payah menyediakan wang yang mencukupi untuk membeli rumah malangnya pada masa yang sama harga rumah pula melonjak begitu tinggi sekali. Ini yang diibaratkan kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua mengharapkan bulan jatuh ke riba, hajat yang tidak kesampaian.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Barisan Nasional sememangnya mendengar keluhan dan rencana rakyat. Justeru pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam menstabilkan harga rumah. Di dalam dasar-dasar yang telah kita rangka, kementerian ini mempunyai beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk menstabilkan harga rumah. Antara lainnya Tuan Yang di-Pertua ialah Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ataupun *real property gain tax*, dengan izin.

Keduanya ialah nisbah pembiayaan perumahan ataupun *margin of finance* ataupun *loan to value*. Ketiganya ialah garis panduan Bank Negara Malaysia bagi mengenakan syarat yang lebih ketat kepada para peminjam bagi menjamin kemampuan peminjam membayar balik pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua pada penghujung tahun 2010 contohnya pengenaan nisbah pinjaman kepada nilai ataupun *margin financing* sebanyak 70 peratus ke atas individu yang telah memiliki lebih daripada dua pinjaman perumahan telah melembapkan kenaikan harga rumah dan mengawal jangkaan jangka pendek serta aktiviti spekulasi. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua ialah kita telah menghadkan *margin to finance* ataupun *financing* ini kepada 70 peratus sahaja untuk rumah yang ketiga. Sekurang-kurangnya 30 peratus mesti di *down payment*, dengan izin itu mesti dikeluarkan oleh pembeli rumah yang ketiga.

Dengan pengalaman pada tahun 2010 ini dengan mengurangkan atau menaikkan deposit itu 30 peratus, kita dapati pertumbuhan tahunan pemberian pinjaman kepada individu yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan menurun dengan begitu ketara sekali daripada 14.5 peratus pada bulan November 2010 hanyalah kepada 1.9 peratus pada bulan Disember 2012. Dengan cara ini kita dapat mengekang aktiviti spekulasi di dalam pasaran.

Saya memahami kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat sebab contoh yang selalu diberikan kepada saya ialah kalau kita hendak membeli unit-unit apartmen contohnya belum pun habis pembinaannya apartmen itu telah pun habis dijual, kalau kita bertanya kepada pemaju. Setelah diserahkan kepada pembeli apa yang kita lihat tidak ada orang pun, tidak ramai memasuki apartmen tersebut, bangunan tersebut. Yang kita nampak ialah iklan-iklan yang mengatakan apartmen itu untuk dijual. Ini bermakna memang banyak kegiatan spekulasi yang berlaku terutamanya di Kuala Lumpur.

Cara kita antara lainnya ialah memastikan mereka yang membeli rumah untuk spekulasi rumah yang ketiga dan keempat akan dipastikan tidak mendapat pinjaman kewangan yang begitu tinggi. Kita hadkan kepada 70 peratus.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi *real property gain tax* ataupun Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), pada mereka yang ingin melupuskan ataupun menjual semula pembelian rumah mereka dalam masa dua tahun kita akan dikenakan buat masa ini 15 peratus cukai terhadap keuntungan tersebut. Sebelum tahun 2008 cukai tersebut adalah lebih kurang 30 peratus tetapi oleh kerana mungkin ada kelembapan ekonomi pada tahun 2008 kita mansuhkan cukai tersebut.

Tahun lepas melihat kepada trend harga rumah yang naik begitu mendadak di Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebutnya di dalam ucapan bajet beliau bahawa pada tahun 2013 cukai yang akan dikenakan adalah 15 peratus untuk kurang dari dua tahun. Maknanya dijual semula dalam masa dua tahun. Kalau dijual rumah itu dalam dua hingga lima tahun, kadar cukainya ialah 10 peratus. Selepas lima tahun kita tidak dikenakan apa-apa kadar cukai. Ini untuk mengurangkan kegiatan spekulasi di pasaran.

Saya berpendapat kalau 15 peratus itu kita dapati masih lagi terlalu rendah, tidak dapat mengekang kegiatan spekulasi, saya tidak teragak-agak untuk mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menaikkan lagi kadar ini kepada tahap yang lebih tinggi.

#### ■1440

Kita pernah dikenakan kenaikan 30 peratus supaya kegiatan spekulasi ini tidak berleluasa dan menyebabkan harga rumah di negara kita terutamanya di kawasan Lembah Klang dan bandar-bandar besar ini melambung dengan begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam usaha kerajaan menstabilkan harga rumah, kerajaan masih berpegang kepada prinsip pasaran bebas yang menentukan harga rumah melalui permintaan dan penawaran bagi menggalakkan pertumbuhan industri perumahan di Malaysia. Walau bagaimanapun, bagi memastikan nasib rakyat berpendapatan rendah terbela dan tidak ketinggalan di dalam pemilikan rumah, maka kerajaan hanya mengawal harga rumah kos rendah (RKR) iaitu tidak melebihi RM42,000 di Semenanjung Malaysia dan tidak melebihi RM50,400 di Sabah dan Sarawak. Ini adalah *capping* ataupun harga yang telah kita dikenakan tidak boleh melebihi daripada harga-harga yang saya sebutkan tadi untuk rumah-rumah kos rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, masalah menangani harga rumah ini bukan sahaja merupakan masalah di Malaysia tetapi merupakan masalah global. Ini dapat dilihat daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan yang mana pencapaian negara kita adalah pada kadar 6.79 bagi *indicator property price to income ratio*, dengan izin, berdasarkan *quality of life index for country 2013*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh Numbeo.

Untuk makluman, pencapaian yang tertinggi untuk seluruh dunia adalah Georgia yang mencapai 33.80 dan negara jiran kita Singapura yang memperoleh 25.12 bagi penanda yang sama. Yang terendah di dunia adalah *United States of America* (USA) yang hanya memperoleh 2.2 mata bagi penanda *property price to income ratio*.

Kerajaan sentiasa mencari penyelesaian secara holistik untuk mengekang isu harga rumah ini daripada berpanjangan. Saya sendiri telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan satu *lab* yang mengenal pasti mekanisme yang terbaik dan bersesuaian untuk menangani isu kenaikan harga rumah yang mendadak dalam jangka masa yang pendek. *Lab* ini yang dijadualkan pada bulan Ogos 2013 akan mengumpulkan agensi-agensi kerajaan, penggiat industri dan akademik, tokoh-tokoh akademik, badan-badan bukan kerajaan, kumpulan media sosial serta beberapa Ahli Yang Berhormat dari Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Kita harapkan makmal atau *lab* ini dapat mencernakan idea dan mekanisme yang sesuai untuk menangani isu kenaikan harga rumah. Kita dapati banyak faktor Tuan Yang di-Pertua yang telah diuar-uarkan - harga tanah, harga barang binaan, kos buruh yang begitu meningkat yang dijadikan alasan oleh pihak pemaju untuk menaikkan harga rumah.

Jadi, pertamanya kita hendak pastikan sama ada andaian ini betul atau tidak. Keduanya ialah untuk mencari jalan bagaimana untuk kita menyelesaikan permasalahan yang ada terutamanya tentang isu masalah tanah dan juga kos-kos yang berkaitan.

Saya berpendapat kalau kita betul-betul beria-ia hendak menyelesaikan masalah ini, semua pihak mesti bekerjasama. Yang bermasalahnya sekarang ini ialah apabila pihak pemaju contohnya hanya memikirkan diri mereka sahaja dan memikirkan keuntungan semata-mata ataupun pihak *House Buyers Association* contohnya, hanya memikirkan tentang kepentingan pembeli sahaja. Jadi saya tengok dalam perbincangan tentang industri perumahan di negara kita ini, *everybody in their own silos*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita hendak kumpulkan mereka ini dalam satu makmal dan kita cuba cari jalan yang terbaik untuk merealisasikan ataupun merasionalkan segala kekangan dan juga permasalahan yang timbul akibat kenaikan harga bahan binaan, harga tanah dan bermacam-macam lagi. Ada beberapa isu yang kita boleh buat terutamanya tentang bagaimana untuk memastikan insentif mungkin boleh diberi kepada syarikat-syarikat pemaju perumahan yang membuat ataupun membina rumah-rumah mampu milik.

Oleh kerana *tendencynya* sekarang ialah untuk membina rumah-rumah yang berharga tinggi, ramai pemaju ini yang tidak begitu berminat untuk mendirikan atau membina rumah-rumah kos mampu milik ini. Oleh sebab itu kita mungkin adakan insentif baru bagaimana untuk memberikan mereka sedikit kelonggaran. Mungkin *facilitation grant* dan bermacam-macam idea kita boleh kumpulkan, dalam makmal itu nanti akan kita cernakan bagi membantu untuk mewujudkan ekosistem yang baru untuk industri perumahan ini.

Saya juga ingin maklumkan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa PR1MA contohnya. PR1MA adalah satu agensi yang telah ditubuhkan melalui Kementerian Kewangan. PR1MA akan cuba sedaya upaya untuk membuat dan membina rumah-rumah mampu milik ini dalam skala yang lebih besar. Untuk tahun ini sahaja, PR1MA mempunyai perancangan untuk memulakan pembinaan sebanyak 80,000 rumah mampu milik dengan harga di antara RM250,000 hingga RM400,000 tertakluk kepada kawasan masing-masing. Jadi PR1MA ini adalah satu agensi yang telah kita pertanggungjawabkan untuk membina banyak lagi rumah mampu milik yang tidak dibuat oleh pihak swasta ataupun pihak kerajaan negeri. PR1MA ini akan menjadi agensi yang terutama untuk membina rumah-rumah kos mampu milik ini.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh tanya?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk mengawal rumah-rumah yang mampu dibeli itu supaya tidak dibeli oleh orang yang sudah mempunyai rumah? Misalnya, suami sudah ada rumah tetapi isteri beli rumah yang mampu dibeli itu. *Something fishy*lah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, kalau saya faham lah isu itu Yang Berhormat ingin bertanya sama ada dibenarkan atau tidak atau perlukah kita kekang isteri tuan punya rumah itu untuk memberi rumah baru? Itu rumah baru ataupun rumah yang mereka tinggal Yang Berhormat, *the existing house*?

**Dato' Lim Nget Yoon:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *The second house*. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai perundangan yang menahan sesiapa pun asalkan rakyat Malaysia untuk membeli rumah. Kalau keluarga itu mampu untuk membeli rumah, saya kira tidak ada sebab untuk kita mengekang mereka daripada membeli rumah. Kita mesti ingat industri perumahan ini adalah satu industri yang begitu penting untuk perkembangan ekonomi negara kita. Industri perumahan ini mempunyai hubungan kait yang begitu rapat dengan 140 industri yang lain. Kalau industri perumahan dalam negara kita ini merudum, saya yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, ekonomi kita juga akan merudum. Oleh sebab itulah kita kena berhati-hati dalam membuat keputusan. Ada keputusan yang kita buat kalau terburu-buru akan menyebabkan industri perumahan ini terbantut dan mungkin pemaju perumahan tidak mahu membina perumahan baru. Maka ini akan menguncupkan lagi ekonomi negara kita dan ini yang kita mahu selesaikan.

Satu perkara yang ingin saya sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Mohon mencelah sedikit.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Selepas ayat ini ya. Satu perkara yang saya ingin tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah hampir 70 peratus sebenarnya rakyat Malaysia mempunyai rumah. *We are already house owners*, kita sudah ada rumah sendiri, dengan izin. Ironinya ialah apabila harga naik, tuan punya rumah yang sudah ada rumah sekarang ini yang sebenarnya senang hati. Majoriti orang-orang Malaysia kalau harga rumah mereka naik, aset mereka naik, mereka senang hati. Apa yang menjadi masalah kita ini ialah *first time buyers*, yang baru berkahwin, yang baru keluar daripada universiti, baru bekerja. *This is the group*. Inilah kumpulan yang harus kita jaga. Ini kalau kita mengambil dasar-dasar yang terlalu drastik untuk memastikan harga tanah, harga rumah tidak naik pun juga tidak adil kepada majoriti rakyat Malaysia.

Jadi bayangkan kalau kita ada rumah dan harga itu sudah naik dan dia ambil *mortgage against the house*, dengan izin. Sudah tentu dia mahukan supaya harga rumah itu tetap akan naik dari tahun ke tahun.

■1450

Akan tetapi saya faham apa yang Yang Berhormat maksudkan kita akan cari jalan bagaimana caranya untuk *target* kepada golongan yang memerlukan iaitu golongan yang baru keluar dari universiti, yang baru berkahwin. Saya difahamkan perkahwinan di Malaysia ini lebih kurang 150,000 setahun. Jadi di situlah agaknya sekurang-kurangnya kita mesti ada rumah untuk 150,000 pasangan baru yang baru berkahwin. Yang Berhormat.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang dapat hadir pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tunggu Yang Berhormat saya minta mana-mana Ahli Yang Berhormat atau sesiapa yang berada di dalam Dewan tolong senyapkan telefon itu. Terima kasih, teruskan Yang Berhormat.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Saya cuma ingin memberi sedikit cadangan kepada Yang Berhormat Menteri sebab saya merasakan apa yang penting sekarang kita cuba mengelak spekulasi untuk perumahan PR1MA. Hanya untuk perumahan PR1MA sebab saya rasa ini adalah sesuatu istimewa yang harus kita beri keutamaan kepada *first time owner*, dengan izin. Sebab kita ingin membantu rakyat kita macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi baru keluar universiti, yang baru bekerja untuk dapat merasa memiliki rumah sendiri.

Jadi cadangan saya kepada kementerian sekiranya boleh, saya rasa kita harus ada sedikit sekatan di mana untuk perumahan PR1MA sahaja, di mana pembelinya harus memiliki satu rumah PR1MA sahaja. Sekiranya untuk satu projek perumahan itu katalah ada 300 unit rumah, jadi setelah selesai penjualan kata dia hanya mampu menjual 200 unit rumah, 100 lagi tidak dapat dijual setelah enam bulan masih belum dapat dijual, jadi ianya pula akan jadi bebanan kepada pemaju. Jadi selepas enam bulan maka bolehlah kita buka kepada yang ingin menjual kepada rumah yang kedua. Jadi pertamanya mesti kita ingat keutamaannya ialah membantu orang yang ingin memiliki rumah buat pertama kalinya. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Mohon menambah sedikit Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, Yang Berhormat Menteri? Silakan.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Yang Berhormat saya ingin bertanya kerana sekiranya rumah itu dibina oleh kerajaan, di situ kita dapat banyak unsur subsidi dan lain-lainnya dan tujuannya adalah sejajar dengan Dasar Perumahan Negara untuk memberi rakyat sekurang-kurangnya satu keluarga, satu rumah. Jadi sekiranya ada yang dibenarkan membeli rumah yang dibina oleh kerajaan atau yang berkaitan dengan kerajaan, lebih daripada satu mungkin dia akan mengambil peluang orang lain. Jadi saya rasa satu rumah, satu keluarga ini patutnya dikekalkan dahulu dan sekiranya mereka mampu mereka boleh membeli rumah yang dibina oleh swasta. Itu pandangan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Yang Berhormat Menteri tambah sedikit lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.



Saya tadi tertarik dengan keterangan Yang Berhormat Menteri bahawa 70 peratus daripada rakyat Malaysia mempunyai rumah dan hanya 30 peratus yang belum mempunyai rumah. Katakan *on the average* kita ada lima penduduk satu rumah, itu ertinya kita perlukan lebih kurang satu juta lagi rumah supaya semua rakyat ada rumah.

Di sini ada terdapat dua golongan. Satu mereka yang hendak keluar universiti itu dan satu lagi mereka yang belum lagi mampu membeli rumah. Mungkin mereka ini daripada golongan petani, nelayan, orang-orang estet yang tidak mampu sebab tidak boleh dapat pinjaman. Dia memang ada soal *blacklist* kah, senarai hitam, tidak bayar kredit kad kah, ataupun penjaminkah, macam-macam. Walaupun rumah itu dibina dia tidak boleh dapat pinjaman sebab PR1MA atau rumah apa pun dia perlukan pinjaman. Tidak dapat pinjaman ini.

Jadi adakah kementerian bercadang hendak menyelesaikan masalah mereka yang umur 50 tahun ini sampai sekarang tidak ada rumah ini dengan satu dana khas daripada kementeriankah yang mereka boleh pinjam untuk memiliki rumah. Kalau hendak bergantung kepada bank dengan *basic* tiga ini bank pun sudah mengumumkan mesti sudah mendapatkan pinjaman baru-baru ini. Jadi minta keterangan di sana.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan bahawa untuk mengekang permasalahan orang membeli rumah lebih daripada satu rumah PR1MA, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa mesti kita utamakan bahawa satu pembeli, satu keluarga, satu rumah. Saya dimaklumkan bahawa PR1MA akan menggunakan sistem *balloting*, sistem di mana mesti memohon dan kemudiannya permohonan itu akan ditapis oleh pihak berkenaan. Di situ kita boleh mengurangkan risiko menjual rumah ini kepada *speculators*.

Namun untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya kira insiden ini agak kurang sedikit sebab dari segi *demand* yang telah diterima oleh PR1MA sekarang ini mungkin empat lima kali atau lebih banyak daripada apa yang PR1MA mampu untuk jual, bina dan saya setuju dengan cadangan itu.

Yang Berhormat Senator Dato' Maznah tadi mengatakan tentang benda yang sama tetapi saya bersetuju agensi-agensinya yang ada membuat perumahan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua ini bukan semuanya di bawah kementerian saya. Ini masalah sedikit. Hanya Jabatan Perumahan Negara sahaja yang berada di dalam kawalan kementerian saya sendiri. PR1MA, SPNB dan juga UKAS di bawah Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri dan juga kerajaan-kerajaan negeri mempunyai agensi-agensinya perumahan masing-masing.

Apa yang berlaku pada awalnya saya membuat keputusan oleh kerana saya ini Menteri Perumahan, saya dapat katakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita kena adakan satu jawatankuasa koordinator, koordinasi yang mana saya menjadi pengerusinya supaya kita tahu PR1MA hendak buat di mana, berapa banyak, SPNB hendak buat di mana, UKAS hendak buat macam mana dengan Program Perumahan Penjawat Awam mereka. Jadi sekarang ini semuanya berjalan secara bersendirian. Saya kira sudah tiba masanya dibuat satu jawatankuasa dan kita telah bermesyuarat dua kali dan *alhamdulillah* kementerian kita akan menjadi urus setia dan dengan ini semua perancangan kita akan teratur supaya tidak bertindih sama ada kalau PR1MA sudah masuk, SPNB tidak payah masuklah di pergi ke tempat lain.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal tadi memberi cadangan tentang tabung, betul saya setuju. Di bawah kementerian saya Yang Berhormat, kita ada satu skim yang dipanggil skim bantuan pinjaman (SBP). *We have the money* untuk golongan-golongan yang betul-betul memerlukan, yang miskin, miskin tegar dan sebagainya untuk mendapatkan pinjaman secara mudah daripada pihak kementerian saya sendiri. Kementerian-kementerian lain juga saya difahamkan mempunyai tabung yang dibiayai oleh kerajaan untuk memberikan pinjaman perumahan dengan dana yang cukup besar dan dengan kriteria yang agak longgar pada mereka yang memerlukan.

Jadi *yes, I agree* dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa dalam keadaan di mana bank sekarang ini lebih mengetatkan lagi *requirementnya*, dengan izin kerajaan mesti ke depan untuk memberikan peluang kepada mereka yang tidak mempunyai kemampuan untuk mendapatkan rumah.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat Menteri, mencelah sedikit, boleh?

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat Menteri yang mana dahulu?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Oh, yang di hadapan dahulu kot.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya hendak minta jelaskan di bawah Dasar Perumahan Negara ada rencana untuk bina rumah untuk penjawat awam lebih kurang 100,000 tetapi saya hendak syorkan supaya mereka yang pendapatannya RM8,000 dinaikkan. Dalam Dasar Perumahan Negara penjawat awam yang RM8,000 ke bawah sahaja dibolehkan untuk mendapatkan rumah tetapi ada penjawat awam ada anak banyak, yang anak banyak itu macam saya. Kalau empat ke atas contoh empat, lima ke atas boleh dinaikkan pendapatannya katakan RM10,000 atau RM11,000. Tidaklah sama, kalau sama sahaja tidak adil. Orang yang anak sedikit satu atau dua atau tidak ada anak bolehlah RM8,000. Anak banyak macam Datuk Shukor itu kena naik, satu.

Kedua dikhabarkan bahawa bina rumah untuk penjawat awam hanya dibolehkan di bandar-bandar besar sahaja, contoh di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru. Apa jadi dengan bandar lain seperti Terengganu, Kota Bharu, Sabah, Kota Kinabalu, Kuching, Ipoh dan sebagainya? Jadi, saya syorkan supaya Dasar Perumahan Negara dikaji balik, *detail* balik, sama ada pendapatan penjawat awam atau di bandar-bandar besar. Minta dan mohon penjelasan...

#### ■1500

**Datuk Hajah Noriah Binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Maznah binti Mazlan:** ...Terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tunggu Yang Berhormat.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Saya ingin yang pertama, nak pengesahan tentang harga rumah kos rendah yang dikatakan dimaterikan atau dicapkan pada 42,000 Semenanjung dan 50,000 di Sabah dan Sarawak. Sama ada ini dapat disahkan kerana yang saya tahu sekarang ini rumah kos rendah silingnya adalah RM65,000. Itu satu.

Kedua, saya juga bersetuju dengan rakan-rakan Dewan bahawa spekulasi pada hartanah khususnya rumah adalah satu hakikat yang mana kita dapati setengah itu seperti di Putrajaya sendiri apabila satu-satu projek perumahan itu dilancarkan, ia semua telah habis ditempah ataupun dibeli. Sehingga sekarang saya tidak dapat membeli rumah kerana selalu terlambat dan terpaksa membeli di tangan yang kedua, yang harganya sudah meningkat dan sampai sekarang tak mampu untuk membeli rumah di sana.

Seterusnya, saya juga ingin menyentuh tentang rumah kos rendah. Saya tahu bahawa Rumah Mesra Rakyat di bawah Kementerian Kewangan tetapi saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat yang berhasrat untuk menyelaraskan semua rumah-rumah kos rendah ini. Dapat kiranya dibincangkan tentang rumah kos rendah terutama sekali Rumah Mesra Rakyat yang mana 1,000 kaki persegi dan tiga bilik dan dua bilik air yang kosnya RM65,000 dan subsidi kerajaan RM20,000. Tuan punya terpaksa membayar RM45,000 dengan kadar lebih kurang RM200 atau hampir RM200 sebulan. Ini tujuannya adalah untuk membela mereka yang miskin dan susah.

Saya tahu bahawa kaedah ini telah banyak digunakan dan banyak telah membantu rakyat berpendapatan rendah tetapi kebelakangan ini saya semalam tak sempat bertanya dengan Menteri Kewangan, saya difahamkan Rumah Mesra Rakyat sekarang tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat mengikut bank-bank yang ditetapkan. Sekiranya ini berlaku sudah tentu ramai yang tidak ada penyata gaji, tidak ada pekerjaan tetap, mereka yang bekerja di sektor informal akan menghadapi banyak masalah. Oleh itu, dapat kiranya perkara ini dikekalkan berdasarkan kepada kemampuan seseorang itu untuk membayar balik, sama ada dijamin oleh anak, keluarga dan lain-lain jika mereka sendiri tidak mampu.

Seterusnya, saya mengalu-alukan apa Yang Berhormat tadi berhasrat, selain daripada menyelaraskan semua pelaksanaan rumah-rumah kos rendah ini, dapat juga berhasrat untuk mengadakan satu makmal. Kalau boleh Senator-senator pun diajak, yang mana berminat untuk turut di dalam makmal tersebut kerana kita paling hampir dengan rakyat dan ada pengalaman yang mungkin boleh kita suarakan. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang mana memberi fokus dan pernah membuat kenyataan bahawa tapak-tapak untuk rumah kos rendah ini hendaklah yang *reasonable*, dengan izin, yang munasabah. Bukan tapak-tapak yang terpencil, jauh, sukar dan seterusnya. Tahniah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Saya...

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, mana satu? Yang Berhormat Senator Datuk Noriah.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Saya nak tanya dengan Yang Berhormat Menteri mengenai dengan taman perumahan biasa, bukan PR1MA. Selalunya Tuan Yang di-Pertua, taman perumahan ini dia ada lot untuk bumiputera dan kadang-kadang kerap berlaku kalau kita tanya, dia kata, "*Tak ada kosong.*" Akan tetapi alih-alih dia kata "*Habis tempoh.*" Dengan tujuan dan hasrat kalau habis tempoh ini dia akan buka kepada umum. Apabila buka kepada umum, dia akan dapat keuntungan yang lebih. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, kalau boleh lot bumiputera ini, dia tidak ada had tempohnya. Kalau boleh yang belinya juga adalah bumiputera dan *non-bumiputera* tak boleh beli apa yang sudah diplotkan untuk bumiputera. Itu soalan saya. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat Menteri, tunggu sebentar ya. Saya ingat kepada Yang Berhormat, saya fikir cukuplah mencelah itu sebab biarkan Menteri menjawab. Kita masih ada tujuh orang Menteri lagi yang menjawab ya. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin ada yang ingin ditanya oleh Yang Berhormat itu mungkin terjawab dalam ucapan saya kemudian nanti. Saya cuma ingin menyatakan di sini Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, tentang *many tiers*. Minimum pendapatan sekarang ini tidak lebih daripada RM8,000 itu layak untuk mendapat perumahan penjawat awam 1Malaysia.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita kena ada *tiers* tetapi *we have to start from somewhere* dahulu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita tengok dulu RM8,000 ini adalah tahap yang kita letakkan buat masa ini dan saya percaya angka ini boleh diubah dari semasa ke semasa mengikut keadaan. Kalau dekat RM8,000 ini pun rumah itu habis contohnya, kita letakkan tinggi pun selepas ini tidak ada gunanya. Akhirnya saya rasa dinamik ya Tuan Yang di-Pertua, *figures* semua ini, kita boleh ubah dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian. Saya menghargai cadangan yang diberikan oleh Senator Dato' Haji Abdul Rahman tadi.

Tentang kenyataan bahawa PR1MA ini hanya dibuat di bandar-bandar besa, buat masa ini di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan sebagainya, itu juga adalah satu perkara yang dinamik. Kita dimaklumkan bahawa projek perumahan penjawat awam ini kita boleh kembangkan ke tempat-tempat yang lain. Akan tetapi ia mesti bermula dengan satu kedudukan permulaan, *starting pointnya*. *Starting pointnya* ialah Kuala Lumpur, Johor Bahru dan bandar-bandar yang telah disebutkan tadi. Akhirnya, ia akan sampai juga ke bandar-bandar yang lain dan mungkin juga di kawasan-kawasan separa bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Maznah tadi mengatakan tentang harga rumah. Apa yang saya dapat makluman di sini ialah mungkin harga rumah yang dikawal oleh kementerian saya, yang dibina oleh kementerian saya. Di negeri-negeri masing-masing, saya dapat makluman bahawa mereka juga mempunyai kriteria masing-masing dari segi maksimum harga rumah kos rendah. Akan tetapi apa yang saya dimaklumkan di sini oleh pegawai-pegawai saya ialah jumlah yang kita kekang ialah maksimumnya untuk Sabah dan Sarawak ialah... [*Disampuk*]

Kejap lagi saya akan berbalik Yang Berhormat. Ada dalam ucapan saya tadi ya. Oh! Ya, mungkin apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Maznah tadi, ialah itu bukannya kos rendah mungkin. Itu mungkin sederhana rendah yang tidak termaktub dalam kategori KRK ataupun rumah kos rendah tersebut. Jadi, yang saya faham di bawah Kementerian kita, kita memang *target* kan 42,000 dan 50,000 seperti mana yang saya sebutkan awal tadi.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya nak bagi sedikit makluman tentang projek PR1MA ini. Sebenarnya betul, pendapatan isi rumah untuk PR1MA ini adalah di antara RM2,500 hingga RM7,500 sebulan pendapatan isi rumah. Akan tetapi kita juga berpendapat, saya dimaklumkan pengurusan PR1MA mencadangkan kepada kerajaan untuk menaikkannya kepada RM10,000 sekurang-kurangnya supaya keluarga-keluarga yang berpendapatan isi rumah di antara RM2,500 hingga RM10,000 yang layak untuk memohon rumah-rumah PR1MA ini. Bukannya RM2,500 hingga RM7,500. Jadi, kita naikan. Ini dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman tadi. Begitu juga yang akan berlaku dengan perumahan penjawat awam tadi. Harga yang akan ditawarkan, saya sebutkan tadi RM250,000, saya minta maaf. Harga yang akan ditawarkan oleh PR1MA ialah di antara RM100,000 hingga RM400,000, bukannya RM250,000.

#### ■1510

Jadi saya teruskan. Kemudian tadi Senator Datuk Hajah Noriah yang mengatakan tentang lot-lot bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat, lot-lot bumiputera ini adalah dipantau oleh kerajaan negeri masing-masing. Jika ada cadangan untuk melupuskannya atau pun menjualkannya kepada bukan bumiputera, ia mesti diberi kelulusan khas oleh kerajaan negeri masing-masing. Ia tidak boleh hanya setelah enam bulan kalaupun tidak ada pembeli daripada bumiputera, pemaju perumahan tidak boleh menjual rumah itu sebegitu rupa sahaja. Mereka mesti mendapat persetujuan khas daripada kerajaan negeri masing-masing. Setelah memberikan alasan-alasan tertentu untuk menjual lot-lot bumiputera ini kepada bukan bumiputera. Jadi bukan senang juga untuk mereka menjual lot-lot ini tanpa persetujuan kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mengawal harga rumah bukannya satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh Kerajaan Persekutuan sahaja. Ia harus menjadi agenda nasional yang memerlukan penglibatan kolektif yang melangkaui fahaman politik dalam membawa keceriaan kepada rakyat di negara ini. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, kerajaan negeri contohnya tidak seharusnya mengambil pendekatan yang mudah untuk melakukan kontra kuota perumahan kos rendah dan mampu milik di mana pemaju diminta membayar jumlah tertentu kepada kerajaan negeri sebagai pampasan.

Ini maksud saya Tuan Yang di-Pertua, pemaju-pemaju perumahan yang tidak berminat untuk membina rumah-rumah mampu milik di kawasan projek perumahan mereka itu boleh melakukan kontra iaitu membayar sejumlah wang kepada kerajaan negeri supaya tidak diwajibkan membina rumah-rumah kos rendah atau pun mampu milik ini.

Jadi, kerajaan negeri tidak harus memejamkan mata mengenai perkara ini dan perlu memainkan peranan dalam mengawal harga dengan memastikan kuota pemajuan perumahan swasta untuk rumah kos rendah atau rumah mampu di negeri masing-masing itu dipatuhi. Maknanya janganlah ambil wang sebagai pampasan *in lieu*, dengan izin, daripada membina rumah murah atau rumah kos rendah, kemudian ambil pampasan bayar kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri pula tidak gunakan wang itu untuk membina rumah mampu bilik di bawah agensi-agensinya kerajaan. Jadi ini yang tidak boleh diteruskan. Saya percaya ada negeri-negeri yang berbuat demikian dan saya harap kerajaan negeri harus membatalkan klausa itu yang membolehkan pemaju perumahan membayar wang daripada membina rumah yang diwajibkan.

Tuan Yang di-Pertua, perjuangan kerajaan dalam menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah sebenarnya telah bermula sejak dahulu lagi. Sejak tahun 1957, kerajaan telah berusaha dan memberikan komitmen untuk membina rumah yang selesa kepada golongan berpendapatan rendah. Kerajaan pada ketika itu telah membina sebanyak 1,496 unit rumah sebagai permulaan. Usaha ini masih berterusan sehingga kini. Ini adalah kerajaan yang dikatakan yang sentiasa memastikan janji ditepati dan rakyat didahulukan.

Untuk rekod, sebanyak 1,285,212 unit rumah kos rendah telah dibina sepanjang Rancangan Malaya Pertama sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan yang melibatkan pembinaan oleh pihak kerajaan dan pemaju perumahan swasta.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung, semenjak Program Perumahan Rakyat (PPR) ini diperkenalkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada tahun 1998 hingga 2012, kerajaan telah melaksanakan sebanyak 83,535 unit rumah yang sekarang berada dalam pelbagai peringkat pembinaan. Pada tahun 2013, Kerajaan Persekutuan telah merancang untuk membina sebanyak 20,454 unit lagi rumah bagi menampung permintaan dan keperluan golongan berpendapatan rendah. Sehingga ke hari ini, jumlah rumah PPR dalam perancangan, sedang dibina, yang siap dibina dan telah diduduki ialah 103,989 unit rumah.

Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rumah-rumah yang dibina kerajaan di bawah projek PPR ini amat mementingkan keselesaan dan keharmonian penghuni. Setiap unit rumah saiznya lebih kurang 700 kaki persegi hingga 800 kaki persegi dengan spesifikasi tiga bilik tidur, satu ruang tamu, satu ruang dapur dan dua bilik air. Dalam komitmen kerajaan untuk memberikan keselesaan kepada pembeli rumah PPR, kerajaan memberikan subsidi hampir RM100,000 setiap unit rumah, sedangkan harga siling jualan hanyalah RM42,000 sahaja.

Saya ingin tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua, mungkin ramai yang tidak maklum. Setiap unit PPR yang kita bina dengan kos lebih kurang RM150,000, kita hanya menjualnya kepada rakyat berpendapatan rendah dan miskin ini hanya pada harga lebih kurang RM42,000. Bermakna *we are subsidizing almost more than* RM100,000 dengan izin, kita subsidi RM100,000 lebih setiap unit yang kita bina. Ini adalah satu subsidi yang cukup besar yang komited oleh kerajaan dan kita akan teruskan pembinaan ini.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Maznah tadi, sudah tiba masanya kerajaan negeri contohnya, atau pun agensi-agensinya di Kerajaan Pusat yang memberikan tanah kepada kita untuk memberikan tanah yang sesuai untuk pembinaan PPR ini. Kebanyakannya Tuan Yang di-Pertua, ada kerajaan negeri yang memberikan kita tanah yang tidak sesuai, di tepi hutan, bekas tanah lombong, di dalam hutan, dekat dengan sungai dan sebagainya kerana itu tanah yang murah. Jadi mereka yang miskin ini, kita berikan lagi rumah yang tidak sesuai, maka masalah mereka tidak selesai. Selalunya tanah ini pula jauh daripada kedudukan di mana pekerjaan yang wujud di bandar. Jadi ini menjadikan masalah orang miskin ini bertambah. Sudahlah mereka miskin, mereka dinafikan lagi perumahan yang selesa dan juga yang strategik lokasinya.

Tuan Yang di-Pertua, makanan yang bersih dan sihat merupakan keperluan asas setiap insan yang juga dijelaskan dalam model *maqasid for good purpose*, dengan izin, yang telah diterapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pentadbiran negara. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, isu kebersihan premis makanan ini diterajui secara kolektif oleh empat agensi persekutuan.

Pertamanya ialah Kementerian Kesihatan Malaysia melalui garis panduan pengiktirafan bersih, selamat dan sihat atau BeSS bagi pengusaha premis makanan.

Kedua oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang mengeluarkan sijil halal berdasarkan standard Malaysia 1500:2009.

Ketiganya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui garis panduan dan kod etika industri restoran.

Terakhir, keempat melalui kementerian saya iaitu melalui garis panduan sistem pengedaran premis makanan di kawasan pihak berkuasa tempatan.

Bagi menyeragamkan sistem sedia ada, kementerian saya bersama agensi lain yang terlibat di dalam penguatkuasaan dan penilaian premis bersih akan memberi pengiktirafan bintang dengan skor 1 hingga 5. Ini bertujuan untuk membimbing pengendali premis makanan supaya mewujudkan premis makanan yang bersih. Secara tidak langsung, pengedaran ini dapat mendidik masyarakat supaya membeli makanan dari premis-premis yang mendapat pengiktirafan bintang yang tinggi.

Selain itu, pihak PBT perlulah menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala di premis-premis makanan. Sekiranya didapati terdapat mana-mana premis yang tidak mematuhi arahan kebersihan tersebut, maka pihak PBT perlu mengambil tindakan tegas dengan mengenakan kompaun kepada pengusaha premis seperti mana yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Kecil Establishmen Makanan.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada kenaikan harga minyak dan beberapa barangan dalam tahun 2008, kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah untuk membantu meringankan beban rakyat. Salah satu daripadanya adalah memudah cara pengeluaran permit dan lesen perniagaan kecil seperti perniagaan pasar tani, pasar malam dan lain-lain perniagaan kecil yang bersesuaian dalam sesuatu kawasan PBT yang dibenarkan.

Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, bagaimanapun menyatakan bahawa kehadiran warga asing telah menyebabkan pengusaha-pengusaha perniagaan kecil tempatan telah dipinggirkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan permit dan lesen penjaja dan peniaga kecil hanya boleh dikeluarkan oleh PBT kepada warganegara Malaysia sahaja. Untuk makluman Dewan yang mulia ini bagi tempoh 1 Januari hingga 30 April 2013, sebanyak 4,917 lesen atau pun permit perniagaan kecil telah dikeluarkan bagi peniaga di pasar awam dan pasar basah termasuk di pasar-pasar borong di seluruh negara dan sebanyak 1,572 daripada jumlah tersebut telah diberikan kepada peniaga bumiputera. Sekiranya terdapat warga asing yang menjalankan aktiviti menjaja, ini adalah berpunca daripada sikap segelintir pemilik lesen warga tempatan yang menjual atau pun menyewakan lesen mereka kepada warga asing.

#### ■1520

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 113 buah PBT di seluruh negara bagi tempoh 1 Januari 2011 sehingga 31 Januari 2012, seramai 799 penjaja telah dikenal pasti menjual ataupun menyewakan lesen premis perniagaan kepada warga asing. D daripada jumlah tersebut sebanyak 47 peniaga telah diberikan amaran, 570 telah di kompaun, 155 peniaga telah dikenakan denda dan 27 peniaga telah dibatalkan lesen. Kementerian akan terus memantau perkara ini bagi memastikan kepentingan dan kesejahteraan rakyat untuk berniaga sentiasa terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit telah menyatakan kebimbangan beliau terhadap pertambahan rumah urut di Selangor yang dilihat meningkat pada kadar yang tinggi. Ini berlaku sejak, katanya sejak tahun 2008.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tanggungjawab untuk memberikan lesen, memantau dan menjalankan penguatkuasaan ke atas perniagaan rumah-rumah urut adalah terletak di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan. Ini berdasarkan Undang-Undang Kecil Rumah Urut yang di gubal bawah seksyen 102, Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang telah dirundingkan di Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan pada tahun 1987. Demi kesejahteraan dan juga keharmonian rakyat, kerajaan akan mengkaji undang-undang kecil berkenaan bersama dengan undang-undang kecil spa. Antara cadangan yang dikenal pasti meningkatkan kadar denda dari RM2,000 kepada RM25,000 kepada mana-mana rumah urut yang melanggar syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan.

Isu kemiskinan bandar. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan perbandaran di Semenanjung Malaysia telah berkembang dengan pesatnya terutamanya sejak dua dekad yang lalu di mana kadar perbandaran telah meningkat daripada 54.3 peratus kepada 65.4 peratus dalam tempoh antara tahun 1991 ke tahun 2000. Kita jangkakan untuk tahun menjelang tahun 2020, 75 peratus daripada rakyat Malaysia akan bermastautin di kawasan bandar. Jadi, berdasarkan laporan *urban population* yang di keluarkan oleh *United Nations Population Division*, dengan izin, hampir separuh penduduk dunia menetap di kawasan perbandaran dan angka ini meningkat 2 peratus setiap tahun.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu kerajaan telah mewujudkan program pembasmian kemiskinan bandar. Bertujuan membantu golongan miskin, di bawah kementerian saya dan juga membantu mereka yang berpendapatan rendah dengan meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban tanggungan keluarga. Program, projek dan aktiviti yang dirancang mampu memberikan pendapatan tambahan kepada golongan sasaran.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng, bantuan dan projek di bawah bantuan kemiskinan bandar adalah seperti berikut. Tujuh projek, program yang di bawah kementerian saya:

- (i) bantuan sewa rumah;
- (ii) bantuan perumahan bandar;
- (iii) program latihan kemahiran dan keusahawanan (AZAM Bandar);
- (iv) program ziarah kesejahteraan bandar;
- (v) projek-projek khas iaitu Terminal Sejahtera, Kiosk Sejahtera, Saham Amanah Wawasan Bandar 2020; dan
- (vi) Program Titipan Kasih.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi memberikan pandangan.

Saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya hendak tanya sedikit kalau di izinkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tolong ringkaskan Yang Berhormat sebab kita perlukan masa.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ringkas, dalam Mesyuarat Dewan ini yang lalu, ada perbincangan tentang pengurusan rumah-rumah pangsa. Di mana setengah kemungkinan berlaku kemungkinan *management committee* di rumah-rumah kondominium dengan sewenang-wenang mungkin menaikkan finya. Saya tidak tahu sama ada kementerian turut memantau masalah ini atau tidak?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Senator Dato' Dr. Firdaus. Sebenarnya tahap ataupun yuran yang dikenakan itu adalah persetujuan bersama *joint management body* atau *management committee*, dengan izin, di dalam bangunan strata masing-masing. Kerajaan tidak mengenakan kerana kita merasakan keputusan yang dibuat mestilah keputusan kolektif di kalangan tuan punya rumah di bangunan strata tersebut. Jadi, segala teguran, cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Saya akhiri jua dengan serangkap pantun kalau boleh Tuan Yang di-Pertua.

*Terlebih bisa tutur bicara,  
Di simpan jangan ampun dipinta,  
Syawal dinantikan akan kunjung tiba,  
Ikhlas dari saya buat semua.*

Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahita'ala wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih yang berhormat Menteri, terima kasih. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana Menteri dengan sendirinya sudi datang untuk menjawab soalan Ahli-ahli Dewan kita pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, saya ingin mempersilakan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, silakan Yang Berhormat.

#### 5.25ptg.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu ingin saya bagi pihak Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan berkaitan isu-isu di bawah kementerian ini semasa Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Seperti mana Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sedia maklum, MOSTI bertanggungjawab menerajui agensi Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun STI. Negara menerusi pembiayaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (RD&C), Perkhidmatan Sains dan Pembudayaan Sains Teknologi dan Inovasi. Merujuk kepada Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sains teknologi dan inovasi merupakan tunjang kepada kejayaan program transformasi sosioekonomi negara untuk memacu Malaysia ke negara maju yang berpendapatan tinggi yang beberapa kali disebut, terangkum dan mampan menjelang 2020. Di Malaysia pelaksanaan sebagai insentif bagi menyokong strategi pembangunan negara yang didorong produktiviti serta berteraskan ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi telah berjaya melonjak keupayaan dan kompetensi sains teknologi negara. Kejayaan ini telah turut membantu meletakkan daya saing negara di tangga ke-15 pada tahun 2013 berdasarkan laporan *World Competitiveness Yearbook 2013* oleh *Institute of Management Development* (IMD) Malaysia dan Malaysia berhasrat untuk menduduki tangga ke-10 teratas menjelang 2020.

Kesungguhan Malaysia dalam membangun, memanfaatkan dan memajukan sains dan teknologi telah diterjemahkan, ini yang beberapa kali disebut, melalui penggubalan dan pelaksanaan Dasar Sains dan Teknologi pertama tahun 1986-1989. Dasar Pembangunan Teknologi Perindustrian, Pelan Tindakan Kebangsaan 1990-2001, serta Dasar Sains Teknologi Negara Ke-2 dan Pelan Tindakan 2002-2010.

Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2013- 2020 telah digubal dan diluluskan oleh kerajaan pada 27 Mac 2013. Visi Dasar Sains, Teknologi ini menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dengan mengarusperdanakan sains, teknologi dan inovasi di semua peringkat dan di dalam semua sektor. MOSTI pada masa ini sedang memperincikan Pelan Tindakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi dengan *stakeholders* dan wakil-wakil komuniti sains teknologi dan inovasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi ini telah digubal dengan mengambil kira program-program transformasi negara seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik (PTP) dan Program Transformasi Sosial (STP). Pelarasan dasar sains teknologi ini telah berpancukan kepada empat teras strategik, iaitu:

- (i) memajukan bidang penyelidikan dan pembangunan, saintifik dan sosial dan pengkomersilan;
- (ii) membangun, memupuk dan menggilap bakat, menggiat dan mencergaskan industri transformasi tadbir urus sains teknologi dan inovasi;
- (iii) menggalak dan memupuk kesedaran teknologi sains dan inovasi; dan
- (iv) mengukuhkan hubungan strategik antarabangsa.

Tuan yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim telah membangkit lima perkara di bawah bidang tugas MOSTI iaitu soalan ada lima bahagian soalnya.

Pertama, statistik pendaftaran paten pada tahun 2011 dan juga tahun 2012 termasuk daripada SIRIM Berhad. Langkah kerajaan dalam memastikan negara mempunyai tenaga kerja berpengetahuan di peringkat global bagi memajukan R&D, sekali gus mengelakkan berlakunya, dengan izin, *brain drain*.

Ketiga, langkah-langkah yang boleh di ambil oleh kementerian untuk menggalakkan inisiatif bagi aktiviti R&D dan penghasilan inovasi baru.

#### ■1530

Keempat, pendedahan oleh kerajaan kepada rakyat mengenai budaya dan komuniti inovasi. Ini memerlukan jawapan yang agak panjang yang saya akan ulas sekejap lagi. Jumlah geran yang diperuntukkan oleh kerajaan pada tahun 2013 dan tahun 2012 kepada MIMOS Berhad dan produk yang berjaya dikomersialkan. Kebanyakannya soalan Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan produk-produk yang dikomersialkan oleh pihak MIMOS dan pihak SIRIM.



Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan MOSTI sentiasa menekankan kepentingan melindungi harta intelek yang dihasilkan dari aktiviti R&D dan inovasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011 sejumlah 6,559 paten telah dipohon untuk didaftarkan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 335 paten yang dihasilkan melalui aktiviti R&D telah berjaya didaftarkan oleh pereka cipta tempatan Malaysia. Manakala sejumlah 2,057 paten pula didaftarkan oleh pereka cipta luar negara. Permohonan paten dari pereka cipta tempatan untuk tahun 2011 pula berjumlah 1,136.

Bagi tahun 2012 pula, daripada 2,501 paten yang didaftarkan, sejumlah 308 paten berjaya didaftarkan oleh pereka cipta tempatan di Malaysia. Manakala 2,193 paten pula, didaftarkan oleh pereka cipta dari luar negara. Permohonan paten dari pereka cipta tempatan untuk tahun 2012 pula berjumlah 1,160 dan berdasarkan rekod hingga bulan Mei tahun 2013, paten yang berjaya didaftarkan oleh pereka cipta tempatan Malaysia adalah 105. Manakala 1,013 paten pula didaftarkan oleh pereka cipta luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan juga bertanya berkenaan dengan SIRIM Berhad. Kalau dahulu SIRIM ini Yang Berhormat orang tahu dan tanya fasal topi keledar, tali pinggang keledar, botol kicap dan bal lampu. Itu cerita SIRIM dahululah. Sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat, semenjak tahun 1993 SIRIM telah memfailkan 97 permohonan paten. Ia termasuk sepuluh permohonan yang difailkan pada tahun 2011 dan 15 permohonan pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, SIRIM telah luluskan hak perlindungan, *pattern granted* ke atas 32 paten termasuk tujuh *pattern granted* pada tahun 2011 dan tiga *pattern granted* pada tahun 2012. Sehingga tahun 2012, sebanyak lapan paten kepunyaan SIRIM telah berjaya dikomersialkan. Ini adalah inti pati kepada pertanyaan itu. Hasil penyelidikan SIRIM, telah dieksploitasi melalui penerapan, penggunaan teknologi dan juga pelesenan teknologi yang dikomersialkan. Ini termasuk hasil penyelidikan SIRIM dalam bidang kosmetik, pembuatan, automotif, kesihatan dan perubatan yang telah dieksploitasi secara komersial oleh 17 buah syarikat dengan nilai komersialnya dianggarkan berjumlah RM200 juta.

Mengenai penglibatan SIRIM dalam meningkatkan inovasi di kalangan komuniti, beberapa program telah dilaksanakan. Antaranya adalah melalui Program *Innospace* yang telah diadakan di beberapa tempat SIRIM di mana sebagai permulaan, program ini telah dijalankan di tiga lokasi utama iaitu Sabah, Sarawak dan Melaka. Objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan dan memupuk komuniti akar umbi untuk berinovasi dan lebih kreatif melalui pengajaran bengkal dan latihan kreativiti dan inovasi.

Sasaran Program *Innospace* adalah golongan belia luar bandar termasuk pelajar sekolah dan pengajian tinggi dan juga orang perseorangan boleh menggunakan kemudahan tersebut. Mereka juga boleh menggunakan kemudahan yang disediakan di bawah *Innospace* ini dan menghasilkan *prototype* hasil daripada rekaan mereka itu dengan kemudahan yang disediakan. Selain daripada itu melalui program sosioekonomi, SIRIM juga berjaya mendedahkan budaya inovasi kepada komuniti yang terbabit melalui pengaplikasian hasil-hasil pendidikan dan inovasi SIRIM seperti berikut:

- (i) produk tukun inovasi khususnya kepada komuniti nelayan. Produk ini bukan sahaja meningkatkan populasi ikan untuk tangkapan tetapi menumbang kepada ekopelancongan, di mana pertumbuhan akuatik, tukun dan marin;
- (ii) produk kosmetik berasaskan sumber tempatan, herba dan marin;
- (iii) produk pencuci ataupun detergen;
- (iv) produk kraf dari teknologi seramik dan *foundry* atau *casing*; dan
- (v) produk pembelajaran melalui sistem e-pintar *learning*. Penerapan budaya aktiviti dan aplikasi di peringkat tadika, di sekolah rendah dan sekolah menengah melalui penggunaan SIRIM Robotik ataupun itu *trademarknya*. Teknologi pengeringan berpandu suria khususnya kepada komuniti nelayan, ataupun *solar rater* untuk pengusaha akuakultur ternakan ikan kolam.

Meningkatkan pendapatan dan pengurangan kos operasi dan pengolahan dan penambahbaikan kualiti air kolam atau prestasi dan bidang-bidang lain berkaitan hasil penyelidikan dan kepakaran SIRIM yang sedia ada.

Dalam pertanyaan itu juga Yang Berhormat menyentuh...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya sedikit?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya berasa bangga banyak yang dicepatkan. Kalau dahulu kita ada angkasawan ke angkasa, dahulu. Jadi sekarang saya hendak tanya, apakah pencapaian yang boleh dibanggakan oleh negara? Apa yang disebut tadi satu, dua dan tiga sampai lapan yang kecil-kecil. Saya hendak tahu yang besar-besar macam angkasawan. Apa sudah jadi? Atau benda-benda yang baru yang boleh dibanggakan oleh negara? Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebab tanya yang kecil-kecil, saya jawab yang kecil-kecilah. Kalau tanya yang besar-besar, saya jawab yang besar-besar. Saya respons kepada apa yang ditanya. Kalau hendak tanya yang besar, saya boleh cerita yang lebih besar daripada itu. Untuk program pencapaian angkasa ini, semuanya telah pun mencapai matlamat sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat.

Kita sedang merancang sesuatu yang baru yang lebih besar kepada negara termasuk untuk melancarkan satelit yang baru yang sedang pun kita rancang. Jadi oleh kerana Yang Berhormat tidak menyentuh soalan ini pada masa itu jadi saya tidak – kalau tidak saya memerlukan lebih banyak masa lagi untuk bercerita. Jadi, Yang Berhormat, jangan risau...

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Boleh, terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bagaimana penyelidikan-penyelidikan ini dan juga inovasi yang dibuat ini, dimasyarakatkan melalui program-program tertentu tadi. Saya ingin bertanya, adakah program ini masih ada di kementerian dan jika ada bagaimanakah dapat dipohon supaya dapat kita bantu semarakkan di peringkat akar umbi? Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Sebenarnya program ini berterusan dan Yang Berhormat bolehlah – kalau siapa-siapa yang hendak mendapat kemudahan itu bolehlah datang kepada agensi-agensi yang berada di bawah MOSTI.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita ada 16 agensi di bawah MOSTI yang gunanya memang sedia berkhidmat untuk mengkomersialkan produk-produk, membantu untuk mengkomersialkan produk dan membantu untuk membuat R&D dan membantu daripada segi teknikal untuk mempromosikan produk. Sebanyak 19 agensi ini sedia memberi khidmat kepada Yang Berhormat. Minta saya meneruskan lagi- merujuk kepada MIMOS pula yang diperkatakan oleh Yang Berhormat yang bertanya.

Mengenai pencapaian MIMOS Berhad dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, sebanyak tujuh program penyelidikan telah diluluskan oleh MIMOS dan melibatkan kelulusan peruntukan sebanyak RM23.4 juta pada tahun 2011 dan RM30 juta pada tahun 2012. Daripada aktiviti penyelidikan R&D yang telah dijalankan oleh MIMOS, secara kumulatif jumlah bilangan IP yang telah dikomersialkan sehingga Jun 2013 ialah sejumlah 91 IP dan bilangan *pattern guaranteed* pada MIMOS oleh MIPO sehingga kini berjumlah 87 IP. Pada tahun 2011, sebanyak tiga produk R&D MIMOS telah berjaya dipasarkan oleh penerima teknologi di pasaran antarabangsa.

Bermakna produk MIMOS ini telah digunakan kepada masyarakat antarabangsa melalui proses pengkomersialan. Produk *centigrade* yang menggunakan teknologi keselamatan maklumat telah dipasarkan di Vietnam dan Indonesia. Produk *center boxes* dan *center net* juga menggunakan teknologi keselamatan maklumat dan *storage eruption*. Produk ini telah dipasarkan di Vietnam dan di Indonesia.

Maknanya produk kita, MIMOS buat cerita ini dan produk ini dikomersialkan di luar negara dan ini adalah merupakan kebanggaan juga kepada kita.

#### ■1540

Selain daripada itu, ada enam lagi produk diterima pakai di pasaran tempatan iaitu dengan izin:

- (i) *Intelligence Mining and Matching Framework;*
- (ii) *Outdoor Wireless Access Point;*
- (iii) *Application Warehouse* ataupun AgriBazaar;
- (iv) *Psychometrics Assessment;*
- (v) *Intelligent Service Delivery Platform;* dan
- (vi) *Interactive Learning Management System.*

Jadi ini kesemuanya adalah merupakan penghasilan yang telah membanggakan kita. Enam *solution* diterima pakai dalam NKEA dan E&E bagi *entry point* ialah *Clouding Computing Solutions, Supply Chain Management Solution, Intelligent Information Analytic dan Network Based Virtual Trusted Platform Module, Agri Office dan AgriBazaar Solution, Outdoor Wireless Access Point Solution, Kampung Solusi* ataupun *Kampung WiFi* dan solusi *wireless sensor network*.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2012, aktiviti R&D MIMOS telah berjaya menghasilkan tiga produk yang mana kesemua produk ini dipasarkan oleh penerima teknologi di pasaran antarabangsa iaitu di Indonesia, Korea dan Filipina dengan nilai pengkomersilan sebanyak RM15 juta. Selain daripada itu, sebanyak 16 produk telah diterima pakai di pasaran tempatan dengan nilai komersial RM242.3 juta. Penerima teknologi juga telah menjana peluang perniagaan penjanaan industri tiga tahun ataupun *industry created business opportunities* ataupun *market final* yang berjumlah RM4.7 bilion sehingga tahun 2012.

Penerima teknologi MIMOS juga telah berjaya mengaut kontrak pesanan berjumlah RM399 juta dalam tahun 2010 hingga tahun 2012. Daripada penyelesaian tersebut, saya ingin menyimpulkan bahawa secara keseluruhannya pencapaian daripada aktiviti R&D, MIMOS telah dapat dibuktikan melalui penghasilan 50 *research field of concept*, 15 teknologi platform dan 30 *products solution*. Pemindahan teknologi ini juga telah dilaksanakan kepada 40 syarikat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan dalam memastikan negara mempunyai tenaga kerja berpengetahuan di peringkat global bagi memajukan R&D sekali gus mengelakkan berlakunya *brain drain* seperti yang dimaksudkan oleh yang bertanya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk meningkatkan dan memajukan R&D khususnya di peringkat global, pelbagai program latihan *in-house training* dan kerjasama dengan institusi pendidikan yang terkemuka di luar negara seperti di Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Korea dan negara maju telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Awam termasuklah agensi di bawah MOSTI. Ini bertujuan untuk memberikan pendedahan teknologi terkini kepada penyelidik tempatan agar dapat ditransformasikan sebagai pakar rujuk dalam bidang penyelidikan yang dijalankan.

Program latihan jangka pendek dan jangka panjang yang dilaksanakan oleh setiap institusi dan agensi pendidikan diteruskan dari masa ke masa bagi membolehkan proses pemindahan pengetahuan ataupun *knowledge transfer* atau pemindahan teknologi ataupun *technology transfer* dapat dinikmati oleh para penyelidik dan agensi penyelidik yang terlibat seterusnya dipraktikkan dan diaplikasikan dalam pelbagai bentuk penyelidikan yang sedang dijalankan. Dalam usaha ini juga, langkah-langkah lain telah digunakan oleh pihak kerajaan, antaranya:

- (i) menyediakan pelbagai bentuk latihan kepada penyelidik tempatan seperti mana yang ditawarkan oleh SIRIM Training Services Sdn. Bhd dalam pelbagai bidang kepakaran termasuk automasi, robotik, mekanikal, *building material testing* dan nanoteknologi, *industrial biotechnology, chemical process* dan lain-lain;

- (ii) menyediakan kemudahan seperti inkubator di *Technology Park Malaysia, BiotechCorp, Multimedia Development Corporation (MDeC), Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)* dan SIRIM Berhad serta Pusat Pengujian SIRIM Berhad dan MIMOS Berhad;
- (iii) menjalankan sesi pepadanan perniagaan di antara pihak penyelidik dan pihak universiti dengan kerjasama syarikat-syarikat agensi-agensi di bawah MOSTI seperti SIRIM, *Technology Park, Biotech, Multimedia* dan MDeC;
- (iv) menggalakkan kolaborasi antara MOSTI melalui agensi-agensi di bawah IPHARM, MGI, ABI, SIRIM, BiotechCorp, MDeC, TPM dengan penyelidik dan pihak universiti institusi pendidikan dan industri;
- (v) melancarkan pangkalan data, *Knowledge Resources for Science and Technology Excellence Malaysia* bagi membantu penyelidik mengenal pasti maklumat pakar dalam bidang sains, teknologi, inovasi dan projek-projek yang dikenal pasti oleh penyelidik tempatan. *Top Research Scientist Malaysia (TRSM)* pula dilancarkan bagi memberikan pengiktirafan dan *showcase* pencapaian penyelidik tempatan sebagai *role model* kecemerlangan, mentor kepada generasi akan datang dan pemimpin untuk memacu agensi sains, teknologi dan inovasi kepada negara; dan,
- (vi) penganjuran pameran-pameran produk teknologi R&D tahunan oleh institut penyelidikan dan IPTA, Kementerian Pengajian Tinggi yang dulunya, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) sempena Hari Intelek dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti *Malaysian Invention and Design Society (MINDS)* dan Persatuan Saintis Penyelidikan Malaysia (MARS).

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada insentif bagi menggalakkan R&D dan penghasilan inovasi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga turut menganjurkan pertandingan inovasi secara tahunan seperti Anugerah Inovasi Negara (AIN) yang bertujuan mengiktiraf usaha inovasi dan kreativiti yang menjana idea ciptaan dan produk-produk baru dalam bidang sains teknologi yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Anugerah Inovasi Negara telah diadakan sejak tahun 2006 dan penyertaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia mengikut kategori produk, perkhidmatan akar umbi dan sekolah.

Pertandingan ini telah berjaya menerima penyertaan yang menggalakkan daripada semua peringkat iaitu individu, sekolah, institusi pendidikan tempatan, institusi pengajian tinggi dan komuniti. Berdasarkan sambutan dan penerimaan positif yang diterima, pertandingan ini akan diteruskan oleh pihak kementerian dalam usaha mencungkil dan menyetengahkan bakat serta mencari produk inovasi yang mempunyai potensi untuk dikomersialkan dan dimanfaatkan oleh semua pihak.

Selain daripada itu, ganjaran kepada penyelidik juga seperti yang ditanyakan telah berjaya mengkomersialkan R&D mereka. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai bentuk anugerah untuk saintis dan penyelidik yang berjaya menghasilkan inovasi penyelidikan dan antaranya anugerah tadi yang saya sebut, Anugerah Saintis Muda Negara, Anugerah Juruteknologi Negara, *Mahathir Science Award, Malaysia Nuclear Innovation Award*.

Bagi menggalakkan penyelidikan tempatan meningkatkan mutu R&D, kerajaan telah memperkenalkan insentif di bawah Dasar Pengkomersialan Harta Intelek bagi projek penyelidikan pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia. Sebagai contoh, mereka layak dibayar RM500 bagi pendedahan ciptaan ataupun *disclosure of innovation*, RM5000 bagi pemfailan paten dan RM10,000 apabila paten didaftarkan *guaranteed* selain daripada penyelidik tempatan juga layak menerima royalti apabila ciptaan mereka dikomersialkan sepanjang hidup mereka.

Pendedahan melalui kerajaan kepada rakyat mengenai budaya komuniti inovasi yang ditekankan oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, masih banyak lagi kah soalan-soalan yang belum dijawab itu?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ada lagi dalam satu, dua muka lah. Sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Sedikit lagi. Kalau tidak diteruskan nanti tidak rasa *complete* pula.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau boleh menjurus kepada soalan yang ditanyakan sahajalah ya.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya hendak jawab soalan yang kelima pula.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan diambil oleh kerajaan dalam mengukuhkan budaya kreativiti dan inovasi adalah dengan mengadakan program yang mengandungi pelbagai aktiviti. Ini kerana banyak dituduh- kita banyak mengatakan MOSTI tidak banyak mengadakan program penggalakan inovasi. Jadi itu sebabnya mengenai aktiviti berteraskan kreativiti dan inovasi kepada kumpulan sasaran yang meliputi seluruh lapisan masyarakat. Penganjuran program ini turut melibatkan kerjasama dengan pelbagai pihak, agensi swasta, agensi sektor awam, kerajaan negeri, sektor swasta dan badan bukan kerajaan. Lokasinya pula di seluruh Malaysia dan dilaksanakan secara berterusan dari satu tahun ke satu tahun berikutan bagi meneruskan kesinambungan program tersebut. Sekejap lagi saya akan bercakap apakah program yang dibuat.

Khususnya dapat dilihat apabila kerajaan mengisytiharkan tahun 2010 sebagai Tahun Kreativiti dan Inovasi ataupun 'Malaysia Inovatif' iaitu lagu yang kita selalu dengar itu. Manakala pada tahun 2011 pula sebagai Tahun Menggalakkan Sains dan Matematik dan pada tahun 2012 dan 2013 pula dipanggil sebagai Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional. Sepanjang tahun tersebut, pelbagai aktiviti bercorak *edutainment* yang berteraskan kreativiti dan inovasi telah diadakan seperti pameran inovasi, ceramah interaktif, bengkel interaktif yang bersifat *hands-on*, pertandingan kuiz, pra-penganjuran dan persidangan.

Kumpulan sasaran bagi kesemua aktiviti berkenaan adalah meliputi pelbagai golongan seperti pelajar sekolah dan penuntut universiti, belia, pihak profesional, orang kurang upaya, wanita, komuniti dan akar umbi. Lokasi penganjuran adalah merangkumi kesemua negeri. Kesinambungan program pengukuhan budaya kreativiti inovasi tidak berakhir pada tahun 2013, malah akan diteruskan menjelang tahun 2020 bersesuaian dengan pengisytiharan Tahun Dekad Inovasi oleh kerajaan untuk tempoh 2010 hingga 2020.

#### ■1550

Dalam membudayakan inovasi juga, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan oleh kerajaan pada 20 Oktober 2008. Wawasan YIM adalah untuk menggalakkan dan memupuk kreativiti dan inovasi di kalangan rakyat Malaysia dengan fokus sasaran pada kanak-kanak, remaja, wanita, penduduk luar bandar, orang kelainan upaya, dan pertubuhan bukan kerajaan. Dalam sokongan yang kukuh dari MOSTI, YIM telah diamanahkan oleh kerajaan, menggalakkan untuk menjuarai isu inovasi seterusnya menggerakkan rakyat Malaysia untuk menerima, mengamalkan budaya kreativiti dan inovasi. Pelbagai program telah dan akan dilaksanakan melalui MOSTI dan YIM bagi memastikan inovasi dapat diterapkan dengan jayanya pada keseluruhan masyarakat. Sudah tidak banyak lagi Tuan Yang di-Pertua, ada tinggal dua muka sahaja.

Menyedari bahawa setiap lapisan masyarakat Malaysia merupakan modal insan yang berpotensi untuk turut sama menyumbang dalam membangunkan ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi, kerajaan akan terus komited untuk mengadakan pelbagai program pengukuhan kreativiti dan inovasi. Ini dilaksanakan sebagai usaha memberi terus kesedaran kepada lapisan masyarakat, memacu, mengurus sains, teknologi dan inovasi untuk pertubuhan sosioekonomi ke arah pembangunan ekonomi negara.

Pendekatan diambil kerajaan dalam mengukuhkan budaya kreativiti dan inovasi secara holistik dan menyeluruh di samping mengekalkan momentum kesinambungan dalam setiap program yang dilaksanakan. Impak yang disasarkan hasil daripada pendekatan pengukuhan budaya kreativiti dan inovasi, ialah rakyat Malaysia akan menjadi kreatif dan inovatif sebagai budaya hidup seharian mereka menjelang tahun 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada aktiviti yang diadakan, kita akan menganjurkan *World Innovation Forum Kuala Lumpur*. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menghebahkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan menganjurkan *World Innovation Forum* yang bakal diadakan dari 12 hingga 14 November 2013. Acara yang berprestij dan bertaraf antarabangsa ini akan menghimpunkan sekali lagi para inovasi serta para cendekiawan, penggubal dasar, pelaksana inovasi di bawah tema, "*The future we desire*", dengan izin. Secara ringkasnya, maklumat *World Innovation Forum Kuala Lumpur* ini boleh dicapai dalam *website*, [www.wifkl.com](http://www.wifkl.com).

Saya merasa berbesar hati dan ingin menjemput Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat untuk turut serta dalam program ini, agar semua turut serta bersama-sama dengan kumpulan pakar inovasi yang dijemput khas bagi menjayakan aktiviti ini sekaligus menyumbang kepada pembudayaan inovasi negara, seperti mana yang ditekankan oleh Tuan Yang di-Pertua yang telah ditanya tadi.

Sekian sahaja penjelasan saya berhubung perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa kementerian.

Bagi mengakhiri penggulungan ini, saya mengucapkan terima kasih atas segala teguran dan saranan Ahli Yang Berhormat ke atas kementerian ini yang mana semuanya akan diberi perhatian serius dan tindakan susulan, sewajarnya akan diambil oleh kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang terakhir kita beralih ke Jabatan Perdana Menteri. Yang pertama yang akan menjawab ialah saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Seri Jamil Khir. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**4.53 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** *Bismillahi Rahmani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Saya telah meneliti dan insya-Allah akan menjawab isu-isu yang berkaitan hal ehwal agama Islam semasa perbahasan Titah Diraja ini, manakala isu-isu lain yang akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri mengikut portfolio masing-masing. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, cadangan dan serta juga saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan ini, suka saya menjelaskan, sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa kita ada beberapa Menteri yang akan menggulung perbahasan pada petang ini. Saya ada 25 muka surat. Jadi, oleh kerana bahagian ini portfolio ini begitu ramai, jadi kalau nanti Tuan Yang di-Pertua mengizinkan untuk sebahagian atau di mana-mana tempat untuk saya berikan jawapan bertulis, kalau diizinkan. Saya tidak ada masalah untuk baca semua. Akan tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebaiknya begitulah Yang Berhormat Menteri. Ini kerana kita ada tujuh orang Menteri dari Jabatan Perdana Menteri yang harus menggulung. Jadi, saya mohonlah kalau dapat mungkin 20 minit kah, 25 minit, yang selebihnya Yang Berhormat Menteri boleh buat secara bertulis.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta penjelasan kerajaan mengenai langkah yang diambil bagi mengatasi masalah perpecahan umat Islam sehingga merosakkan akidah dan mencadangkan supaya diadakan muzakarah khas untuk menyatukan umat Islam.

Dalam menangani hal ini, kerajaan telah bertindak melalui pelbagai pendekatan dan melibatkan banyak pihak. Beberapa langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan antaranya ialah menganjurkan seminar muzakarah dan perbincangan yang melibatkan ulama, umarak, ahli akademik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam usaha membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan perpaduan dan permasalahan masyarakat Islam di Malaysia.

Keduanya ialah mengadakan sesi penjelasan mengenai isu-isu dan ancaman akidah semasa kepada masyarakat, sebagai pencegahan awal dan pembendungan penyebaran ajaran selain daripada Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang telah dikenal pasti sebagai salah satu punca yang boleh menyebabkan perpecahan umat Islam, seterusnya mengancam keselamatan serta keharmonian negara. Di samping itu, kerajaan turut menyelaraskan tindakan-tindakan bersama pihak berkuasa agama-agama negeri yang bertanggungjawab secara langsung dalam hal ehwal agama Islam dan agensi berkaitan bagi memantau ajaran-ajaran atau fahaman yang telah difatwakan menyeleweng dari negeri terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu berkaitan Syiah, ajaran sesat dan penyelewengan akidah telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah, Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim dan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat telah membangkitkan mengenai penyebaran ajaran Syiah dan menyarankan kerajaan mengambil tindakan tegas.

Kerajaan telah bertindak membuat pencegahan awal melalui pembendungan aliran Syiah dari terus menular dan mempengaruhi umat Islam di negara ini melalui usaha-usaha berikut:

- (i) menyebarkan luaskan fatwa yang telah dibuat tentang pengharaman Syiah kepada masyarakat;
- (ii) sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat pengharaman ini menerusi media cetak dan elektronik;
- (iii) program pemantauan dan mengawal bahan-bahan media cetak dan juga elektronik dari tersebarnya fahaman Syiah menerusi media-media berkenaan; dan
- (iv) meningkatkan kerjasama antara agensi agama dengan agensi keselamatan dalam menguatkuasakan undang-undang untuk menyekat fahaman Syiah daripada berleluasa dan tersebar kepada masyarakat.

Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah menyatakan sekiranya ajaran Syiah dibenarkan, apakah jaminan kerajaan bahawa ajaran ini tidak disebar? Saya suka menjelaskan bahawa tidak timbul kerajaan membenarkan fahaman Syiah ini. Ini berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan 1996 yang antara lain bersetuju, yang pertama menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran agama Islam yang berasaskan pegangan Ahlus Sunnah Wal Jamaah daripada segi akidah, syariah dan juga akhlak.

Kedua memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahlus Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Islam. Maka, dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahlus Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang.

Keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini kemudiannya disusuli dengan fatwa pengharaman Syiah di kesemua 14 buah negeri di Malaysia. Daripada 14 buah negeri tersebut, hanya Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah yang sedang dalam proses mewartakannya. Manakala sepuluh yang lain telah berbuat demikian. Sepuluh negeri tersebut ialah selain daripada empat yang saya telah nyatakan sebentar tadi.

Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat meminta pihak yang diberikan tanggungjawab supaya memikir ke hadapan di mana jika tidak dibenarkan dahulu, maka Syiah tidak tersebar seperti sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua ajaran Syiah tidak dibenarkan kecuali Syiah Jaafariah dan Syiah Al-Zaidiyah dalam Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada tahun 1984.

Namun, ianya telah dimansuhkan dengan keputusan muzakarah khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengenai Syiah pada tahun 1996.

Berasaskan keputusan tersebut, kerajaan telah mengambil langkah-langkah tegas dalam menangani pengaruh Syiah di negara ini termasuk menahan seramai sepuluh orang aktivis di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 1999.

#### ■1600

Walau bagaimanapun, arus kebangkitan Syiah yang sedang berlaku di seluruh dunia sedikit sebanyak memberikan pengaruh terhadap masyarakat Islam di negara ini. Lebih-lebih lagi dengan kepesatan teknologi maklumat masa kini yang memudahkan sebarang ajaran untuk disebarkan. Oleh itu, penyebaran ajaran Syiah pada masa kini bukanlah berpunca semata-mata kerana fatwa yang pernah membenarkan kedua-dua Syiah tersebut. Sebaliknya, ia lebih kepada pengaruh Syiah di peringkat global.

Berhubung dengan pertanyaan, adakah benar telah wujud sekolah Syiah di negara ini. Setakat pemantauan dan juga kajian yang dilakukan oleh JAKIM, perkara ini hanyalah dakwaan dan memerlukan kepada pembuktian. Walau bagaimanapun JAKIM sentiasa bekerjasama erat dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan tiada sebarang penubuhan sekolah beraliran Syiah diluluskan di negara ini.

Mengenai pertanyaan adakah dikenal pasti pelajar antarabangsa dari Iran tidak menyebarkan ajaran Syiah. Dimaklumkan setakat ini JAKIM tidak mendapat apa-apa aduan berkenaan hal tersebut kecuali pengaruh dalam bentuk kebudayaan seperti mana sambutan Hari Nairuz dan lain-lain. Sebaliknya, pemantauan mendapati penyebaran Syiah pada waktu ini giat dijalankan oleh warganegara Malaysia sendiri terutamanya dalam kalangan mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama di negara Iran. Berkaitan peranan Kerajaan Pusat dalam memberi kefahaman mengenai penyelewengan ajaran Syiah sebagaimana saranan Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. Sememangnya fokus Kerajaan Pusat melalui agensi-agensi pada ketika ini adalah memberikan kefahaman kepada masyarakat berkenaan aliran Syiah.

Oleh yang demikian JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri dan juga agensi-agensi berkaitan termasuk pihak media telah dan sedang melaksanakan pelbagai program berbentuk penjelasan untuk mendedahkan kepada masyarakat berkenaan bahaya Syiah terhadap akidah, syariah, akhlak dan keselamatan negara. Mengenai saranan supaya memperkasakan pihak berkuasa untuk memperkenalkan satu mekanisme bagi menangani ajaran sesat dan pemikiran yang menyeleweng. Kerajaan sememangnya prihatin terhadap ajaran dan juga ancamannya dan pemikiran menyeleweng yang bukan sahaja boleh meruntuhkan akidah malah membawa kepada perpecahan kepada masyarakat. Menyedari hal itu, kerajaan mengambil beberapa langkah bagi membendung gejala ini dari terus berleluasa, antaranya seperti berikut:

- (i) melakukan pemantauan dan kajian terhadap apa jua program yang dibuat oleh organisasi atau individu tertentu yang mempunyai unsur-unsur penyelewengan terhadap agama;
- (ii) mengkaji dan seterusnya memfatwakan mana-mana ajaran disahkan sesat bertentangan dengan akidah Ahlul Sunnah Wal Jamaah;
- (ii) mengadakan kerjasama dengan pihak berkuasa agama negeri bagi mengambil tindakan undang-undang mengikut peruntukan yang sedia ada melalui enakmen jenayah syariah negeri-negeri dan juga dengan agensi berkaitan bagi mengambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang dan bidang kuasa masing-masing;
- (iii) mengadakan majlis penjelasan akidah daripada semasa ke semasa kepada masyarakat berkenaan ancaman isu semasa akidah; dan
- (iv) memberi kaunseling agama kepada mereka yang terlibat bagi membantu mengembalikan akidah dan kehidupan mereka dalam kehidupan normal masyarakat.



Di samping itu pada masa yang sama kerjasama ditingkatkan antara JAKIM dengan agensi-agensi berkaitan melalui jawatankuasa sedia ada. Antaranya Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan yang ringkasnya JAPAS, Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan (JAPIS), Panel Pakar Akidah (PPA) dan juga Mesyuarat Khas Isu-isu Semasa Akidah iaitu *task force* dan juga pasukan petugas.

Berhubung dengan cadangan supaya dipertimbangkan akta peruntukan khusus bagi menangani isu pemesanan dan keselamatan akidah umat Islam. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perkara 11(4), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang negeri dan persekutuan boleh digubal untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam. Selaras peruntukan ini beberapa buah negeri telah mempunyai undang-undang yang dinamakan sebagai enakmen kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam. Di mana undang-undang ini diwujudkan adalah bertujuan mengawal, menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang yang menganut agama Islam demi menjamin kehormatan dan kesucian Islam. Antara kesalahan yang diperuntukkan dalam undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (i) kesalahan memujuk, mempengaruhi atau menghasut orang beragama Islam supaya mengubah keimanan;
- (ii) kesalahan mendedahkan orang belum dewasa beragama Islam kepada pengaruh agama bukan Islam;
- (iii) kesalahan mendekati orang bukan Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu agama bukan Islam;
- (iv) kesalahan menghantar atau menyerahkan terbitan mengenai apa-apa agama bukan Islam kepada orang beragama Islam; dan...

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon celah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** ...Sekejap, bagi saya habis sedikit sahaja lagi.

- (v) kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan dan perbendaharaan tertentu yang bersumberkan Islam.

Oleh yang demikian, kerajaan belum berhasrat untuk mewujudkan undang-undang yang khusus berkenaan perkara tersebut buat masa sekarang dan akan memperkasakan penguatkuasaan undang-undang yang telah sedia ada. Silakan.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi telah menyebut ya bahawa pihak JAKIM telah membuat kajian dengan kewujudan panel dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kajian daripada pihak JAKIM ini telah membuat keputusan bahawa amanat Haji Hadi dan amanat Dato' Husam ini termasuk dalam perkara yang boleh dikategorikan sebagai sesat?

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. Berkaitan dengan amanat yang selain daripada yang telah pun saya sebutkan dalam perbendaharaan awal ini, penggulangan ini meminta maklum kepada Tuan Yang di-Pertua untuk saya memberikan jawapan bertulis. Ini sebab amanat Haji Hadi dan amanat Dato' Husam ini perlu untuk saya tengok jawapan yang paling tepat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya bersetuju.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah kerajaan juga telah menggunakan undang-undang lain dalam menangani isu memesonkan akidah umat Islam.

Ini kerana ia boleh dianggap sebagai mencetuskan sensitiviti umat Islam yang boleh memudaratkan keadaan yang harmoni ataupun perpaduan atas alasan keagamaan. Sebagai contoh tindakan boleh diambil kepada siapa yang menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan perasaan, permusuhan, benci-membenci, sakit hati atau memudaratkan keadaan yang harmoni atau perpaduan atas alasan keagamaan. Hendaklah dihukum dengan penjara tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada lima tahun, sebagaimana dijelaskan bawah seksyen 298A(1), Kanun Keseksaan disemak 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah ingin tahu apakah peranan JAKIM dan Yayasan Dakwah Islamiah dalam memberikan penjelasan tentang *maqasid* Syariah. Untuk maklumat Dewan yang mulia, *maqasid* Syariah ini adalah tujuan, natijah atau maksud yang dikehendaki oleh syarak dalam semua aspek pengurusan kehidupan. Ianya adalah bertujuan untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta berteraskan hakikat bahawa Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan Islam sebagai Agama Persekutuan maka *maqasid* Syariah ini penting difahami oleh umum akan maksud dan penggunaannya dalam semua perancangan, pelaksanaan dan pemantauan sistem penyampaian di negara ini. Maka JAKIM telah merancang supaya pemahaman tentang *maqasid* Syariah ini dikongsi dengan pihak awam melalui program dan aktiviti yang bersesuaian untuk tujuan tersebut.

Manakala YADIM telah pula membuat penjelasan mengenai maksud *maqasid* Syariah melalui penerbitan majalah dakwah setiap dua bulan sekali dan menggunakan media baru seperti laman web, laman sosial dan *blog*. Di samping itu program-program berkala sedang dirancang yang menekankan aspek-aspek *maqasid* Syariah adalah seperti berikut:

- (i) aspek memelihara akidah melalui ciri-ciri wacana ilmu, bertujuan untuk memastikan masyarakat mempertahankan akidah serta menekankan pemurnian akidah; dan
- (ii) aspek memelihara nasab ataupun keturunan melalui program keluarga mithali. Program ini menampilkan contoh-contoh terbaik yang boleh diikuti oleh generasi muda mengenai aspek kekeluargaan.

Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah juga meminta penjelasan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pelakon lelaki berpakaian perempuan atau sebaliknya di stesen televisyen.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, seorang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam tanpa alasan yang munasabah adalah melakukan satu kesalahan. Apabila disabit boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

#### ■1610

Berdasarkan laporan daripada Jabatan Agama Islam Negeri-negeri terdapat 199 kes melibatkan kesalahan lelaki yang berlagak seperti perempuan pada tahun 2012 di seluruh negara. Berdasarkan interpretasi literal terhadap peruntukan undang-undang syariah yang melarang mana-mana lelaki daripada berlagak seperti perempuan tindakan terhadap pelaku lelaki boleh diambil dengan syarat ia dilakukan di tempat awam seperti yang diperuntukkan dalam Akta Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri. Walau bagaimanapun, perbuatan tersebut perlulah disertai dengan tujuan yang tidak bermoral dan bukan lakonan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu yang lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. Ahli Yang Berhormat mencadangkan kursus pra perkahwinan dikaji semula dan dimasukkan modul kemahiran keibubapaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesi semakan semula bagi modul berpanduan bersepadu kursus pra perkahwinan telah diadakan pada Oktober 2011. Antara penambahbaikan yang telah dibuat adalah dari sudut persembahan modul dan penyampaian fasilitator dan penceramah kursus. Untuk kandungan modul pula panel penggubal telah bersetuju mengekalkan kandungan modul yang sedia ada.

Mengikut kajian daripada 540 orang peserta yang telah mengikuti kursus ini 97.6 peratus bersetuju bahawa modul ini lengkap dan menepati tajuk.

Mengenai modul kemahiran keibubapaan pula modul ini telah ada dan dilaksanakan melalui program pembangunan keluarga Islam dan program pembangunan sosial PPKI dan juga PPS. Selain itu pengisian kemahiran keibubapaan juga telah dimasukkan ke dalam kursus pasca perkahwinan melalui model pengurusan psikologi pasangan, pengurusan kesihatan pasangan, pengurusan *stress* pasangan. Masing-masing menyentuh berkenaan tanggungjawab pasangan sebagai ibu bapa, penjagaan si kecil, pendidikan anak-anak, pergaulan dan komunikasi ibu dan bapa dan juga anak di mana kursus pasca perkahwinan ini akan diadakan mulai tahun ini dan diadakan selama tiga hari dua malam. Ini yang melibatkan pasangan berkahwin sama ada melibatkan pasangan bermasalah yang sedang dalam proses runding cara keluarga di Jabatan Agama Islam Negeri atau pasangan yang tidak bermasalah.

Ahli Yang Berhormat juga minta penjelasan apakah rasional diwujudkan bagi panel menjawab persoalan fatwa dengan segera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelantikan *fellow* ataupun pakar dalam bidang kefatwaan adalah bagi membantu Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MKI) untuk meneliti dan mengkaji isu-isu hukum yang bersifat segera dan semasa daripada pelbagai pihak yang memerlukan kepakaran serta membimbing masyarakat dengan pandangan hukum yang disepakati secara *jama'i* sama ada atas talian, bersemuka atau melalui bahan penulisan.

Keperluan melantik pakar fatwa ini juga adalah bagi membantu Jawatankuasa Fatwa MKI membimbing masyarakat mengenai persoalan hukum hakam yang banyak tersebar melalui media-media sosial yang perlu diperjelaskan dengan segera oleh pihak yang berautoriti. Cadangan untuk pelantikan ini adalah dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin sendiri. Oleh itu, tidak timbul pertindihan fungsi antara Jawatankuasa Fatwa MKI dengan tugas *fellow* atau pakar-pakar yang akan diwujudkan.

Ahli Yang Berhormat juga menyeru supaya kerajaan bertegas berhubung Perkara 12(4)...

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan jawapan pelantikan pakar rujuk ataupun *fellow* Yang Berhormat Menteri saya difahamkan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri ia adalah hasil daripada tuntutan Majlis Fatwa Kebangsaan sendiri yang menuntut supaya diadakan pakar rujuk atau *fellow* ini sebagai pembantu. Jadi dalam hal ini, adakah Majlis Fatwa Kebangsaan lebih superior ataupun pakar rujuk itu sendiri?

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah. Sebenarnya bila permohonan ini dapat saya sebutkan begini pertemuan Pengerusi Majlis Kebangsaan Islam Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bersama-sama dengan Majlis Fatwa Kebangsaan di mana Majlis Fatwa Kebangsaan merumuskan oleh kerana ada isu-isu yang sudah pun difatwakan, sudah pun diperbincangkan tetapi ia muncul di laman-laman sesawang, laman-laman web, *blog* dan sebagainya memerlukan kepada jawapan yang segera. Ini kerana kita melihat kalau ambil tempoh tiga empat hari ia akan berlanjutan menjadi cerita lain. Maka sebab itu cadangan daripada Majlis Fatwa Kebangsaan ini cukup relevan dan kalau diukur siapa yang lebih superior tentunya pihak Majlis Fatwa Kebangsaan itu sendiri sebab *fellow* ini dia tidak mengeluarkan fatwa bahkan yang akan melantik *fellow* kanan ini ataupun *fellow* fatwa atau pakar fatwa ini adalah persetujuan daripada Majlis Fatwa Kebangsaan sendiri.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Maknanya Yang Berhormat Menteri, *fellow* ini lebih bertindak sebagai pentadbir yang akan menyalurkan fatwa ini melalui *internet* sahaja. Jadi kita sebenarnya kalau begitu tidak memerlukan kepada pakar rujuk tetapi kepada pentadbiran sahaja untuk memasukkan fatwa yang telah dikenal pasti oleh Majlis Fatwa Kebangsaan ke dalam *internet* supaya dapat diakses segera.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Sebenarnya pandangan yang secara mudahnya nampak macam begitu tetapi sebenarnya Yang Berhormat bila sebut kata fatwa ini bila fatwa telah merumuskan mudah. Baru-baru ini sebagai contoh kita katakan kandungan alkohol yang terdapat pada minuman yang bukan bertujuan untuk dijadikan minuman-minuman yang seperti mana arak dan sebagainya dibenarkan selagi mana dia tidak melebihi 1 peratus sebagai contoh.

Akan tetapi masyarakat dia tidak faham itu. Dia kata boleh sahaja. Dia ambil bila boleh sahaja itu dia tidak tahu peratusnya berapa dan sebagainya.

Jadi maka sebab yang demikian *follow* kanan ini diperlukan untuk memperjelaskan lagi tentang fatwa-fatwa tersebut sebab kalau kita ambil urus setia semata-mata oleh kerana ia melibatkan soal hukum-hakam dia akan memayahkan lagi. Sama juga apabila dia bercakap soal hari ini panas kita bicara soal ratu cantik. Jadi oleh kerana ada orang masih lagi ingin terlibat juga maka *follow* ini dengan bantuan beberapa orang tertentu dalam memperjelaskan bahawa fatwa telah dikeluarkan sejak daripada tahun sekian-sekian daripada peruntukan akta yang boleh diambil tindakan kepada mereka. Jadi baru itu nampak kekukuhan. Akan tetapi kalau kita menunggu kalau masa yang agak panjang *public* ataupun masyarakat, dengan izin telah pun mempunyai persepsi yang pelbagai. Jadi ia akan melebar. Jadi sebab itu keperluan kepada tersebut dan ini bukan sahaja pandangan daripada pihak JAKIM tetapi kehendak ini dicadangkan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa itu sendiri. Yang Berhormat telah...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh?

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Sila.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu jawatan *follow* ini, adakah dia telah dilantik untuk tujuan tersebut dan kalau boleh ingin mengetahui siapakah yang telah dilantik. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Jawapannya Yang Berhormat Dato' Dr. Johari belum lagi dibuat pelantikan. Beberapa nama yang telah pun diangkat kepada Tan Sri Pengerusi, Tan Sri Shukor untuk dipertimbangkan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa bagi memutuskan senarai nama tersebut. Jadi belum lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya hendak tanya berapa lama lagi anggaran?

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Saya panjang Tuan Yang di-Pertua. Cuma kalau diizinkan saya hendak ambil satu sahaja lagi jawapan yang penting. Manakala yang lain saya bagi bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh ambil yang penting sahaja Yang Berhormat. Yang lain Yang Berhormat hantar cara bertulis.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malam ini kita ada satu lagi tahlil pukul 6.30 sempena Hari Pahlawan. Jadi penting juga untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Yang Berhormat sahaja. Ramai juga ada program yang lain ini. Silakan Yang Berhormat tapi...

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, sebab ini saya tahu kalau saya tidak jawab secara terbuka ini Dato' Dr. Firdaus mempersoalkan jawapan bercanggah berkenaan dengan pembinaan masjid. Tadi pun saya dengar bila pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan sudah jawab tapi saya suka hendak tambah dalam ini pembinaan masjid Brickfields di mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) masih belum menerima sebarang permohonan mengenai projek-projek ini sebagaimana dalam jawapan bertulis saya 10 Disember 2012 pihak perunding yang dilantik telah mengemukakan permohonan kebenaran merancang kepada Jabatan Perancang Bandar DBKL pada 24 April 2012.

Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak dapat diproses oleh DBKL berikutan isu pertindihan tapak. Permohonan tersebut hanya akan diproses oleh DBKL sekiranya isu berkenaan diselesaikan oleh pihak jabatan. Walau bagaimanapun, pada masa ini tapak baru cadangan masjid tersebut telah pun diluluskan oleh Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan pada bulan Mac 2013 yang diurus setiakan oleh PTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Pihak JAWI masih menunggu keputusan rasmi secara bertulis mengenai kelulusan tapak cadangan berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua,...

■1620

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Kekeliruan ini, masalahnya Tuan Yang di-Pertua. Menurut DBKL, surat bertarikh 24 April itu masih tidak diterima. Itu yang surat bertulis yang saya terima daripada- yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri dulu, tidak diterima. Tadi Yang Berhormat menyebut tapak baru. Jadi, adakah itu tapak lama itu sudah diubah ke tempat lain? Perkataan baru itu tadi agak mengelirukan.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Yang pertama sekali, saya sebenarnya untuk suka hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah bahawa sebenarnya tapak itu di kawasan Brickfields. Sejak daripada soalan ini timbul di Dewan hari itu, saya memasukkan di dalam saya punya *Post Cabinet*, minitnya. Maknanya, tiap-tiap minggu saya mengikuti perkembangan. Akan tetapi apa yang perlu saya perelaskan oleh tanah itu pada kedudukan tanah yang boleh kita katakan tanah perdana, di kawasan yang dianggap mempunyai suatu tanah yang mempunyai projek yang berangkai, termasuk pembinaan kuarters. Terbaruanya ianya melibatkan soal pembinaan kawasan sungai, *river of life*.

Jadi, maka sebab yang demikian, proses itu ia lambat berlaku. Oleh kerana permohonan untuk pembinaan itu bila sampai di DBKL dan ada pertindihan projek kepentingan di situ, maka sebab itu ia ditangguhkan. Oleh sebab itu mungkin jawapan menyebut kata tidak diproses. Sebab tidak diproses itu kerana berlaku pertindihan. Namun, walau bagaimanapun daripada tadi saya sebutkan bahawa telah ada satu kelulusan secara mesyuarat. Minit mesyuarat pun saya bawa bersama dalam ini yang kalau boleh saya sebut di mana Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah membincangkan kertas mesyuarat dan bersetuju meluluskan secara perizaban. Sebab tanah ini bukan milik Majlis Agama Islam Wilayah tetapi atas pemberian daripada PTG Wilayah kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Permohonan pemilikan tanah kerajaan yang terletak di Jalan Thambi Abdullah 1, Brickfields, Seksyen 95, Bandar Kuala Lumpur untuk tujuan tapak masjid. Jadi, ini yang saya sebutkan. Akan tetapi kita kena tunggu juga surat hitam putih untuk kembaran supaya permohonan proses pembinaan itu dapat berjalan.

Walau bagaimanapun, saya meletakkan jaminan bahawa kita tidak akan meninggalkan ataupun tidak mempedulikan pembangunan masjid ini. Kita dalam proses dan saya hendak bagi tahu bahawa bukan hanya sekadar peruntukan kita daripada MAIWP, peruntukan daripada badan-badan tertentu juga yang ingin melihat masjid ini dapat direalisasikan pembangunannya itu. Jadi, maknanya bukan soal untuk kita hendak berdolak-dalik mencari alasan tetapi oleh kerana kekangan kepada kedudukan dan juga tuntutan dan juga projek yang bersepadu di atas tanah tersebut. Jadi, perpindahan itu dalam bentuk yang bukan kawasan yang lain cuma jarak yang berdekatan tetapi dalam kawasan yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat, teruskan.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk selain daripada perbahasan yang telah ditimbulkan yang tidak sempat untuk saya jawab pada hari ini untuk saya jawab dalam jawapan bertulis. Saya rasa inilah sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab dan yang tidak sempat, saya mohon maaf banyak-banyak untuk saya jawab bertulis. Saya tahu *portfolio* ini mempunyai peminat-peminat yang begitu ramai tapi *insya-Allah* mungkin pada pertemuan yang tidak menyekat kekangan untuk raya dan buka puasa ini. Jadi, selamat terbuka dan selamat menyambut Aidil Fitri, maaf zahir dan batin.

*Wabillahi taufik, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup. Saya ingin mengetahui Yang Berhormat berapa lama anggaran Yang Berhormat akan berucap, beri jawapan, lebih kurang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Dalam 25-30 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa 25-30 minit? Kalau boleh Yang Berhormat cuba. Okey, teruskan.

**4.24ptg.**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan terima kasih pada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan seterusnya menyentuh perkara-perkara yang berhubung kait dengan subjek perpaduan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh sekejap Yang Berhormat. Mohon sekejap kerjasama, ada satu usul yang hendak dibentangkan di Dewan yang mulia ini dan boleh salah seorang menteri kemukakan usul tersebut. Sudah baca sudah. Tadi apa cakap tidak baca? Sudah baca, okey sudah, terima kasih. Okey, teruskan Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat dan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah mengemukakan soalan, apakah usaha-usaha kerajaan untuk menyemarakkan perpaduan dan juga telah mengesyorkan agar JPNIN merancang program-program integrasi bagi mengelakkan masalah polarisasi kaum di negara ini.

Sebenarnya, perpaduan yang wujud di Malaysia hari ini bukanlah terbentuk dengan sendirinya. Berbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan dalam memperkasakan keharmonian kaum melalui daya usaha yang berterusan, konsisten dan kreatif. JPNIN telah pun mengadakan berbagai bentuk program perpaduan dalam usaha untuk merancang integrasi nasional. Mekanisme perpaduan yang ditubuhkan di bawah agensi ini adalah Jawatankuasa Rukun Tetangga, kelab rukun negara sekolah-sekolah dan sekretariat rukun negara di IPTA/IPTS. Skim rondaan sukarela turut memainkan peranan aktif di dalam memupuk, memelihara dan mengukuhkan perpaduan negara.

Setiap Jawatankuasa Rukun Tetangga yang merupakan mekanisme utama perpaduan JPNIN mendapat RM6,000 setahun untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perpaduan di peringkat *grass root*, akar umbi. Manakala, sebagai *the way forward* Tuan Yang di-Pertua, dalam membantu masyarakat mencapai kesejahteraan hidup dan sekali gus untuk memantapkan lagi perpaduan kita, program-program baru dalam proses perancangan JPNIN adalah seperti berikut:

- (i) penganjuran hari Rukun Negara untuk menyemarakkan persefahaman dan penghayatan cita-cita dan prinsip-prinsip Rukun Negara di mana JPNIN cadangkan untuk mengadakan bacaan ikrar dan nyanyian lagu *Negaraku* di seluruh negara secara serentak. Ini akan memberi impak yang tinggi untuk meningkatkan semangat patriotik iaitu kecintaan, kebanggaan dan kesetiaan kepada negara di kalangan peserta-peserta program ini;
- (ii) Program Permasyarakatan Tabika Perpaduan di mana menggalakkan penglibatan ibu bapa dan pemimpin-pemimpin komuniti dalam program *touch point* antara komuniti pelbagai kaum;
- (iii) program menyemarakkan penglibatan kaum wanita, remaja dan warga emas melalui Program Jiran Wanita, Jiran Muda dan Jiran Usia Emas;
- (iv) peluasan program keselamatan komuniti dengan menggalakkan penyertaan warga komuniti secara sukarela dan perbanyakkan lagi kempen pencegahan jenayah;

- (v) program Sayangi Komuniti adalah suatu program pendekatan bersama untuk menangani masalah sosial dan perpaduan di kawasan perumahan awam yang berisiko tinggi di kawasan bandar dan pinggir bandar;
- (vi) mengadakan *public engagement* dengan pelbagai kumpulan masyarakat yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan input yang konstruktif ke arah mewujudkan keharmonian dan perpaduan yang lebih kukuh; dan
- (g) melatih lebih ramai *mediator community* yang akan menjadi perantara bagi mendamaikan perselisihan yang berlaku di antara individu mahupun kumpulan-kumpulan tertentu.

#### ■1630

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan supaya ditubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional atau NUCC yang bebas dan menjadi platform untuk membincangkan dan mencari jalan penyelesaian terbaik ke atas isu-isu konflik dan polarisasi kaum yang timbul. Keanggotaan majlis ini merangkumi semua pihak termasuk wakil-wakil daripada pelbagai kaum, agama dan juga daripada NGO-NGO. Satu kertas kabinet sedang dirangka dan akan dikemukakan, akan dibentangkan pada Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad mencadangkan bantuan sumber kewangan kepada Kelab Rukun Negara agar aktiviti kelab ini dapat diperbanyakkan lagi. Buat masa ini, JPNIN hanya memberi geran pelancaran sebanyak RM1,000 dan mulai tahun ini, My Rukun Negara telah dilaksanakan dengan peruntukan RM1 juta. Saya sedar peruntukan ini tidak mencukupi akan tetapi saya akan berusaha mendapat tambahan peruntukan untuk Kelab Rukun Negara ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad juga mencadangkan perbanyakkan kem perpaduan yang menyeluruh untuk semua kaum menyentuh aspek kebudayaan setiap kaum di Malaysia. Pelaksanaan kem perpaduan turut menjadi keutamaan aktiviti Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah dan di IPTA dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebanyak 50 kem perpaduan diadakan setiap tahun di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara melibatkan kumpulan sasaran di kalangan pelajar sekolah rendah dan dikenali sebagai Kembar Padu, manakala sekolah menengah dan jiran muda dinamakan Kem Padu.

Mulai tahun 2009, Kementerian Integrasi Belia dilaksanakan sebagai platform untuk mendidik golongan belia terutama daripada kalangan pertubuhan belia bukan kerajaan untuk meningkatkan semangat patriotisme dan menanam semangat saling menerima perbezaan antara kaum. Selain itu, pendedahan dan pengetahuan belia berkenaan dengan perbezaan budaya, adat resam, bahasa dan agama masyarakat pelbagai kaum dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin mengenai modal perpaduan untuk mengelakkan berlakunya polarisasi kaum di negara ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, usaha ini akan menjadi tanggungjawab utama NUCC untuk mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan dengan model-model perpaduan yang sesuai dengan keadaan semasa nanti.

Selanjutnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop adalah mengenai usaha majikan untuk memupuk perpaduan di kalangan pekerja pelbagai kaum. Di dalam mana-mana sektor sama ada ia sektor awam atau swasta, pelbagai cara digunakan oleh mereka untuk mengurus pekerja masing-masing untuk tujuan-tujuan tertentu seperti meningkatkan produktiviti dan kualiti, menerapkan semangat kerja berpasukan, meningkatkan budaya kerja cemerlang, perpaduan dan sebagainya.

Antara peranan yang sering dilaksanakan oleh majikan dengan penyertaan pekerja ialah melalui aktiviti yang dianjurkan di peringkat dalaman atau dengan izin, *internal activities*, sama ada ia berbentuk aktiviti sukan dan rekreasi, majlis makan malam tahunan dan sebagainya.

Manakala aktiviti luaran lebih berbentuk *corporate social responsibility* (CSR) di mana majikan dan pekerja terlibat dalam aktiviti-aktiviti kebajikan, *charity* dengan mana-mana badan atau pertubuhan. Dalam kedua-dua bentuk program seperti yang saya sentuh sebentar tadi, pelbagai pengalaman berguna diperoleh di mana matlamatnya adalah untuk meningkatkan interaksi, kerjasama, persefahaman dan juga perpaduan bukan sahaja di kalangan sesama pekerja tetapi juga dengan kumpulan lain yang terlibat. Jika pendekatan ini dilakukan secara berterusan, majikan secara tidak langsung turut menyumbang kepada menyatupadukan kelompok pekerjaanya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin telah menyoal sejuah manakah kejayaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional 2006 sehingga 2010. Antara kejayaan lain pelan ini ialah mewajibkan modul Hubungan Etnik di IPTA dan juga di kolej-kolej swasta. Semua IPTA dan IPTS perlu menggunakan kurikulum yang seragam. Berikutnya adalah diharapkan bahawa hasil pembelajaran modul ini antaranya ialah siswazah dapat mengenal pelbagai budaya dan etnik yang terdapat di Malaysia serta lebih meningkatkan rasa tanggungjawab antara satu etnik dengan satu etnik yang lain. Ketiga, di samping itu siswazah dapat memahami cabaran polarisasi budaya dan permuafakatan sosial di Malaysia yang menjadi asas kepada keharmonian hubungan etnik dan kecintaan terhadap negara. Berikutnya, meluaskan program-program integrasi di kalangan pemimpin masyarakat ke Semenanjung dari Sabah dan Sarawak dan sebaliknya.

Kursus orientasi bagi penjawat awam di Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak dan sebaliknya juga diadakan. Antara aktiviti di bawah Program Integrasi Wilayah dan Program Orientasi Penjawat Awam, adalah seperti keluarga angkat di mana secara langsung memberi lebih masa, ruang dan peluang kepada peserta untuk tinggal bersama dan saling kenal mengenali dengan penduduk tempatan.

Sebagai tambahan, kajian keberkesanan Program Orientasi bagi pegawai perkhidmatan awam yang baru bertugas di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan pada tahun 2008 oleh Institut Tadbiran Awam Negara atau INTAN menunjukkan 92 peratus responden berpendapat program ini berjaya dan berkesan dalam pengukuhan integrasi nasional. Meningkatkan kefahaman dan amalan Rukun Negara di kalangan pelajar melalui Kelab Rukun Negara dan mahasiswa melalui Sekretariat Rukun Negara.

Kejayaan pelan tindakan ini juga boleh dilihat daripada sudut tahap keharmonian masyarakat melalui Indeks Ketegasan Masyarakat atau IKM. Pertama, indeks ini mengukur tahap ketegangan masyarakat melalui tujuh indikator iaitu keganasan, rusuhan, demonstrasi, protes, serangan pergaduhan dan isu yang boleh mengganggu gugat keharmonian masyarakat. IKM diukur dengan menggunakan bilangan kes per sejuta penduduk di mana 25 kes per sejuta digunakan sebagai penanda aras atau *benchmark* bagi setiap tahun.

#### ■1640

Perbandingan IKM untuk setengah tahun 2012 dengan 2013 menunjukkan penurunan kes di mana pada tahun 2012, sebanyak 10 kes per sejuta penduduk berbanding dengan sembilan kes per sejuta penduduk bagi setengah tahun 2013. Kerajaan juga membuat penilaian dari semasa ke semasa ke atas strategi-strategi dan pelan tindakan yang dilaksanakan dan melakukan penambahbaikan supaya usaha-usaha yang dibuat berkesan dan memberi faedah kepada masyarakat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu telah menggesa semua pihak termasuk legislatif, eksekutif dan penjawat awam bekerja dengan ikhlas bagi memupuk perpaduan. Saya mengucapkan terima kasih atas saranan ini dan saya setuju sekali ke atas saranan ini. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang pun menyedari bahawa usaha-usaha ini bukan suatu perkara yang mudah ataupun hanya terletak di bawah tanggungjawab kerajaan semata-mata. Selain daripada usaha perpaduan adalah suatu yang berterusan, ia juga perlu mendapat sokongan semua pihak tanpa mengira aliran pemikiran, politik, kaum ataupun agama terutamanya komitmen bersepadu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Perpaduan menjadi teras untuk membolehkan negara ini memacu kecemerlangan masa depan yang penuh cabaran dan saingan yang perlu kita semua lalui.



Dalam Majlis Muhibah Perdana Menteri Bersama Pemimpin Agama pada bulan September 2010, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ada menyatakan bahawa tidak ada berlaku sebarang transformasi tanpa ada perpaduan dan keharmonian nasional. Justeru itu, tidak hairanlah jika Publilius Syrus seorang penulis berbangsa Roman telah mengatakan dengan izin, "*Where there is unity, there is always victory*", bilamana ada perpaduan, selalunya di situ ada kemenangannya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin dan percaya pendekatan-pendekatan yang dilakukan ini boleh meningkatkan interaksi dan persefahaman dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dan seterusnya boleh meningkatkan perpaduan masyarakat. Jika masih terdapat pihak-pihak mahupun golongan tertentu yang menolaknya, maka hasrat untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera itu tidak akan tercapai dan segala usaha penyatuan yang dilakukan itu akan menjadi sia-sia. Inilah halangan dan cabaran paling besar yang kita hadapi semua.

Oleh itu di sini, kerajaan mengambil kesempatan meminta semua pihak tanpa mengira aliran pemikiran dan politik supaya menyokong usaha-usaha memelihara, mengukuh dan meningkatkan perpaduan nasional dan turut menyumbang idea ke arah penyatuan masyarakat bagi melahirkan sebuah negara yang makmur dan sejahtera. Antara nilai besar yang wajar dijadikan pegangan adalah untuk bertoleransi, hormat-menghormati, faham-memahami dan berterima kasih jika mahu terus menjejaki kekuatan perpaduan dalam konteks negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya untuk menggulung penggulungan saya ini, saya ingin membaca ungkapan penulisan seorang kolumnis dalam akhbar tempatan yang menulis dengan izin, "*It is hard building a nation where everyone thinks they are a victim*". Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang tanpa membuang masa saya persilakan Yang Berhormat Menteri Datuk Joseph Entulu anak Belaun. Yang Berhormat agaknya lebih kurang berapa lama agaknya Yang Berhormat?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Kalau tidak ada pencelahan Tuan Yang di-Pertua, barangkali lima minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa?

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Lima minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Pendek sahaja. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Pendek. Saya pun pendek... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**4.45 ptg.**

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, dua orang sahaja yang telah menyentuh agensi-agensi di bawah portfolio saya khususnya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) semasa perbahasan Titah Diraja pada minggu lepas. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya amat menghargai pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali mencadangkan supaya dibuka sedikit luas jawatan-jawatan dalam jabatan-jabatan kerajaan kepada kaum bukan Melayu. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2012, kerajaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah melantik seramai 2,630 orang atau 13.35 peratus kaum Cina daripada yang ditemu duga dan 2,354 orang atau 6.59 peratus kaum India dan 7,412 orang atau 15.66 peratus bumiputera Sabah dan Sarawak yang ditemu duga dalam perkhidmatan awam manakala bagi kaum Melayu, seramai 33,427 orang atau hanya 3.86 peratus yang ditemu duga telah dilantik dalam perkhidmatan awam.

Saya hendak jelaskan ini daripada segi kemungkinan ataupun peluang, kemungkinan peluang mendapatkan pekerjaan apabila dipanggil *interview* ini.

Untuk kaum Melayu ini, mereka cuma mempunyai peluang sebanyak 3.86 peratus sahaja peluang untuk diserapkan kepada jawatan perkhidmatan awam apabila mereka dipanggil temu duga dalam kalangan orang Melayu. Untuk orang Cina, *chances* adalah sebanyak 13.35 peratus. Orang India adalah sebanyak 6.59 peratus. Untuk orang Sabah dan Sarawak, ini dibuat sebelum saya menyandang jawatan ini, tinggi angkanya bukan sebab saya telah di sini iaitu sebanyak 15.66 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, bagi kaum Cina, mereka lebih berminat memohon jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional berbanding Kumpulan Sokongan sedangkan Kumpulan Sokongan mempunyai kekosongan yang lebih banyak. Sebagai contohnya seramai 506 orang atau 46.13 peratus kaum Cina daripada jumlah keseluruhan jawatan ini menjawat jawatan sebagai Pegawai Farmasi. *So it is almost half* dalam jawatan Pegawai Farmasi ini adalah daripada suku kaum Cina. 195 orang atau 34.82 peratus daripada keseluruhan jawatan ini sebagai Pegawai Pergigian dan 850 orang atau 23.4 peratus daripada jumlah keseluruhan jawatan ini sebagai Pegawai Perubatan.

Secara keseluruhannya, kadar kaum Melayu yang bekerja dengan sektor awam dan swasta, saya berpendapat kita mesti ambil kira bukan sahaja di sektor awam tetapi juga di sektor swasta. Kalau diambil kira yang bekerja sebagai *white collar*, kadar kaum Melayu yang bekerja dengan sektor awam dan swasta ialah seramai 28.57 peratus.

#### ■1650

Bagi kaum China, jumlah yang bekerja dengan sektor awam dan swasta ialah seramai 32.46 peratus. Manakala, bagi kaum India ialah seramai 37.21 peratus. Dalam usaha untuk meningkatkan lagi penyertaan kaum bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam, kerajaan akan menggalakkan lebih ramai lagi bukan bumiputera memohon jawatan dalam perkhidmatan awam supaya lebih ramai lagi boleh dilantik.

Dengan program-program yang dilaksanakan seperti program turun padang berjumpa dengan masyarakat bukan bumiputera serta pertemuan dengan media China serta media India, kerajaan yakin lebih ramai lagi bukan bumiputera akan dilantik dalam perkhidmatan awam. Kerajaan juga telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi menambah baik urusan pengambilan kaum bukan bumiputera iaitu penubuhan Jawatankuasa Khas Mengkaji Penyertaan Kaum China dan Jawatankuasa Khas Mengkaji Penyertaan Kaum India.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana angka-angka yang diberi. Akan tetapi saya hanya hendak menekankan bahawa bukan angka-angka ini yang saya cari, tetapi hendak menjelaskan bahawa sekarang ini ada seolah-olah ketidakpuasan hati di kalangan orang bukan Melayu khususnya China, terhadap misalnya ruang yang terbuka bagi perkhidmatan awam.

Jadi, hujah saya ialah kalau misalnya ini hendak dilayan, maka syaratnya mestilah pihak swasta terutama sekali dalam industri perdagangan dan sebagainya yang dikuasai oleh orang bukan Melayu, hendaklah dibuka pula pada orang Melayu. Jadi, kalau ada keseimbangan ini, barulah barang kali, kurang tidak puas hati orang bukan Melayu kerana dibuka sedikit ruang perkhidmatan awam dan tidak puas hati orang Melayu pula terhadap swasta, kerana sudah ada usaha-usaha untuk membuka ruang bagi orang Melayu pula. Sekian, terima kasih.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional telah membincangkan isu ini lebih awal lagi dalam misalnya dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional. Kita berbincang secara berpanjangan tentang isu ini, tetapi setiap manusia memanglah tidak sama kita punya pandangan. Ada yang berpandangan sama dengan Yang Berhormat Senator tadi, tetapi ada yang menekankan untuk menstabilkan negara yang sangat penting ialah kesaksamaan di dalam pelantikan jawatan di perkhidmatan awam.

Akan tetapi saya setuju 100 peratus dengan pandangan Yang Berhormat Senator. Kita kena melihat secara menyeluruh iaitu berapa ramainya orang yang dalam *white collar occupation* dan berapa ramai yang tidak dalam *white collar* ini?

Kalau diambil kira secara menyeluruh macam itu, angkanya seperti yang saya sebutkan tadi. Semua pihak mungkin tidak puas hati lah. Yang tidak ramai dalam sektor awam tidak puas hati. Ramai orang Melayu yang tidak ramai dalam sektor swasta juga tidak puas hati. Akan tetapi buktinya tanpa kita membuat satu penyelidikan, di mana ramai kita melihat orang menjadi petani, nelayan, kerja yang berat-berat yang menggunakan sistem *manual labor* yang bumiputera kah yang bukan bumiputera? Jadi, itulah soalan yang saya kemukakan. Serentak dengan saya setuju 100 peratus dengan pandangan Yang Berhormat Senator tadi.

Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar bertanya berapakah jumlah aduan atau pun pertanyaan yang diterima oleh *1Malaysia One Call Center* atau pun (1MOCC), jumlah yang berjaya diselesaikan dan tidak berjaya diselesaikan? Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sejak *1Malaysia One Call Center* dilancarkan pada 12 November 2012, sebanyak 672,965 aduan dan pertanyaan telah diterima sehingga 25 Julai tahun ini, melalui pelbagai saluran.

Dalam tempoh tersebut, sebanyak 99.97 peratus aduan dan pertanyaan telah berjaya diselesaikan. Akan tetapi saya hendak terangkan sedikit di sini berjaya diselesaikan bukan maknanya orang yang mengemukakan aduan atau pun pertanyaan itu puas hati dengan keterangan atau pun jawapan orang yang memberi penyelesaian tadi. Misalnya barang kali dia mohon kenapa jambatan dekat rumah saya itu lama sudah kita mohon tetapi sampai hari ini tidak dibina? Bukan maknanya selesai di sini, kita sudah bina. Akan tetapi kita jawab dengan maklumat yang kita ada kenapa ia belum dibina, kenapa tidak mampu dibina, misalnya.

Yang Berhormat Senator juga bertanya bagaimanakah peranan 1MOCC ini diselaraskan dengan Biro Pengaduan Awam atau pun BPA. 1MOCC menguruskan kes dan aduan yang diterima secara N2N yang melibatkan agensi dan kementerian yang menggunakan 1MOCC. Bukan semua telah menggunakan sistem ini, kita sedang dalam usaha untuk mencapai semua jabatan dapat menggunakan 1MOCC.

Manakala Biro Pengaduan Awam menguruskan kes-kes yang memerlukan semakan terperinci dan penyiasatan menyeluruh yang memerlukan penglibatan Biro Pengaduan Awam secara langsung. Untuk mengelakkan pertindihan, maklumat yang diperoleh sentiasa dikongsi antara 1MOCC dan BPA supaya maklumat yang diperlukan oleh pengadu dapat disalurkan dengan tepat.

Pemantauan secara berkala juga dilaksanakan melalui Mesyuarat Peringkat Jabatan yang dipengerusikan oleh BPA. Dari segi peningkatan penyampaian perkhidmatan awam, 1MOCC adalah pusat panggilan setempat atau pun *single point of contact* untuk memudah cara komunikasi orang awam dengan agensi kerajaan serta menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui penggunaan satu nombor tunggal.

Perkhidmatan ini menyediakan satu penyelesaian menyeluruh bagi pertanyaan, aduan dan cadangan yang tidak berunsur sulit dan kompleks. Sehingga kini, 224 pegawai khidmat pelanggan atau pun PKP dari pelbagai kementerian dan agensi sedang berkhidmat di 1MOCC. Pada masa ini, kerajaan melalui MAMPU sedang dalam proses untuk meningkatkan tahap kompetensi pegawai khidmat pelanggan satu pusat ini dari segi kemahiran dan pengetahuan.

Sistem yang diguna pakai 1MOCC adalah sistem pengurusan perhubungan pelanggan ataupun CRM di mana PKP dapat merekodkan nama pelanggan, jenis transaksi sama ada pertanyaan, cadangan, maklum balas atau aduan. Sekiranya PKP tidak dapat menyelesaikan kes berkaitan, maka tindakan susulan diambil pula oleh pasukan sokongan atau pun *back office*. Sistem CRM juga menyediakan *dashboard* untuk membolehkan pihak pengurusan memantau kes-kes yang telah selesai atau yang tertunggak.

Akhirnya, saya ingin menyatakan bahawa kejayaan 1MOCC terbukti apabila ia telah diiktiraf oleh *Future Golf* satu majalah, sebagai *service innovation 2013*. *Future Golf Award* ini dikendalikan oleh sebuah badan penglibatan bagi pemodenan kerajaan peringkat Asia iaitu *Future Golf Magazine*. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang telah diberikan. Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Nancy untuk memberi jawapan. Silakan Yang Berhormat.

**4.59 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puah Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahitaala wabarakaatuh...*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.*

**Puah Hajah Nancy binti Shukri:** ...Salam 1Malaysia. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara yang telah membangkitkan isu-isu bagi agensi-agensi Jabatan Perdana Menteri yang berada di bawah seliaan saya, semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari 22 hingga 25 Julai yang lalu.

Sesungguhnya saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

**■1700**

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman telah memohon penjelasan mengenai status cadangan penggubalan Akta Keharmonian Nasional bagi menggantikan Akta Hasutan serta langkah kerajaan bagi mendapatkan pandangan rakyat berhubung akta tersebut bagi memastikan ia komprehensif dan menepati objektif.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan aspirasi transformasi politik kerajaan, kerajaan telah mengumumkan cadangan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan menggantikan akta tersebut dengan Akta Keharmonian Nasional yang akan memberikan penekanan kepada perpaduan nasional dan memupuk sifat saling menghormati di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Tujuan Akta Keharmonian Nasional ini bukan sahaja untuk memperkasakan undang-undang tetapi juga untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dengan tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka yang menggunakan isu-isu sensitif untuk memecahbelahkan perpaduan nasional.

Berhubung dengan status penggubalan akta ini, adalah dimaklumkan bahawa kerajaan kini sedang menjalankan penyelidikan berhubung dengan peruntukan yang wajar dimasukkan ke dalam Akta Keharmonian Nasional. Penyelidikan secara komprehensif ini merangkumi penelitian terhadap perundangan negara sedia ada dan perundangan negara lain yang berkaitan serta aspek-aspek lain seperti hukuman yang wajar dikenakan terhadap mana-mana orang yang didapati melakukan kesalahan di bawah akta ini kelak serta kuasa penguatkuasaan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebab ada di antara jawapan memang panjang, jadi saya akan janjikan untuk memberi jawapan secara bertulis untuk menyambung satu-satu isu ini. Jadi, saya hanya menyentuh kepada perkara-perkara yang penting. Saya tidak menghabiskan ini sebab banyak lagi. Jadi, saya teruskan dengan isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan yang telah mendakwa bahawa pihak Jabatan Peguam Negara tidak bertindak tegas dalam menangani isu penghinaan terhadap agama Islam kerana hanya membuka kertas dakwaan setelah didesak oleh pelbagai pihak.

Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, Peguam Negara atau pendakwa raya hanya akan membuat keputusan terhadap sesuatu kes setelah siasatan dijalankan oleh penguat kuasa undang-undang selesai dengan sempurna serta memenuhi kehendak undang-undang bagi suatu pertuduhan dibuat di mahkamah. Asas pertimbangan dalam memutuskan sama ada untuk membuat pertuduhan di mahkamah atau tidak adalah sama ada terdapat keterangan yang mencukupi untuk memperoleh sabitan bagi setiap pertuduhan yang dibuat terhadap orang kena tuduh. Keterangan yang dikemukakan di mahkamah mestilah keterangan yang relevan, boleh diterima pakai dan *credible*, dengan izin, bagi memastikan sabitan diperolehi dan keadilan diberi kepada semua pihak.

Semua perkara ini mesti dipertimbangkan oleh Peguam Negara kerana sebagai pendakwa raya, bebannya sangat berat untuk membuktikan kes dalam sesuatu perbicaraan kes jenayah iaitu melampaui keraguan munasabah ataupun dengan izin, *beyond reasonable doubt*. Sehubungan dengan itu, pertuduhan di mahkamah hanya dibuat apabila pendakwa raya berpuas hati bahawa keterangan mencukupi serta kukuh dan bukanlah atas desakan dari mana-mana pihak.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah memohon penjelasan mengapa Peguam Negara mengambil sikap pendakwaan terpilih dalam isu penghinaan agama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Peguam Negara tidak mengamalkan pendakwaan terpilih ataupun dengan izin, *selective prosecution* terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan. Sebagaimana yang telah saya maklumkan sebentar tadi dalam isu yang pertama tadi, sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa mana-mana individu telah melakukan kesalahan, individu tersebut akan didakwa mengikut peruntukan undang-undang yang bersesuaian tanpa mengikut status individu berkenaan.

Seperti yang baru saya jelaskan sebentar tadi juga, Peguam Negara atau pendakwa raya hanya akan membuat keputusan terhadap sesuatu kes setelah siasatan yang dijalankan oleh pihak penguat kuasa undang-undang selesai dengan sempurna dan memenuhi kehendak undang-undang bagi suatu pertuduhan dibuat di mahkamah. Oleh yang demikian, keputusan Peguam Negara selalu pendakwa raya untuk mengenakan pertuduhan ataupun tidak terhadap mana-mana orang adalah berdasarkan kepada keterangan dan fakta kejadian dan bukanlah atas desakan daripada mana-mana pihak atau apa-apa faktor lain.

Saya akan sentuh isu mengenai saranan mengkaji untuk meminda akta-akta. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu telah menyarankan agar kerajaan mengambil langkah untuk membuat kajian bagi meminda akta-akta seperti Akta 'Cyber Crime,' Akta Keterangan, Kanun Acara Jenayah dan Kanun Keseksaan dalam usaha untuk menangani ancaman siber yang semakin kompleks. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sedia maklum bahawa ancaman jenayah siber pada masa ini semakin kompleks. Sehubungan dengan itu, beberapa peruntukan undang-undang telah pun dipinda dan kajian terus dijalankan bagi memastikan undang-undang negara adalah mencukupi untuk menangani ancaman jenayah siber.

Hasil daripada kajian mengenai undang-undang yang berkaitan dengan ancaman jenayah siber, Akta Keterangan 1950 [Akta 56] dan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] telah pun dipinda untuk menambah baik peruntukan yang berhubungan dengan pengumpulan maklumat dan pembuktian kesalahan jenayah siber. Oleh yang demikian, suka saya ingin maklumkan bahawa kerajaan sentiasa melakukan transformasi terhadap kerangka undang-undang sedia ada dalam usaha untuk menangani ancaman jenayah siber yang semakin kompleks.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin telah mengemukakan persoalan mengenai mengapa tiada tindakan diambil terhadap sesetengah pihak yang telah menghina Institusi Diraja. Untuk makluman Yang Berhormat, kes terhadap pihak-pihak yang berkenaan, dikatakan menghina Yang di-Pertuan Agong atau Raja baru-baru ini telah disiasat oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Bagi siasatan yang dikendalikan oleh PDRM, terdapat dua kertas siasatan di bawah perenggan 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] yang telah dibuka.

Pertama, satu kertas siasatan melibatkan pernyataan menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui laman *Facebook* Melissa Gooi iaitu kertas siasatan berkaitan telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dan masih dalam kajian jabatan ini. Kedua, satu kertas siasatan yang melibatkan pernyataan menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui *Blackberry Messenger* (BBM). Kertas siasatan berkaitan telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara. Setelah diteliti, Jabatan Peguam Negara telah mengembalikan kertas siasatan ini dengan arahan supaya siasatan lanjut diadakan. Siasatan lanjut ini sedang dalam tindakan PDRM.

Bagi kes yang disiasat oleh SKMM pula, kertas siasatan masih belum dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebarang tindakan terhadap mana-mana pihak yang telah menghina Yang di-Pertua Agong atau Raja akan diambil berdasarkan hasil siasatan yang telah dijalankan oleh pihak penguat kuasa undang-undang. Hanya setelah siasatan lengkap, barulah keputusan dibuat sama ada untuk mengemukakan pertuduhan di mahkamah ataupun sebaliknya. Oleh yang demikian, dakwaan untuk menyatakan bahawa tiada tindakan diambil terhadap pihak yang menghina Yang di-Pertua Agong atau Raja adalah tidak tepat sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya ingin mengetahui status tindakan kerajaan terhadap dalang-dalang yang terlibat dalam insiden serangan kumpulan pengganas Sulu. Untuk makluman Yang Berhormat, kes terhadap kumpulan pengganas Sulu sedang dibicarakan di mahkamah. Oleh yang demikian, pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat yang menyentuh tindakan undang-undang yang telah difaillkan itu menjadi perkara *sub judice* dan tidak boleh dijawab berdasarkan Peraturan Mesyuarat 22(1)(g) Peraturan-peraturan Mesyuarat, Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

#### ■1710

Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader ingin mengetahui sama ada kerajaan membuat sebarang cadangan undang-undang untuk menggantikan Ordinan Darurat yang telah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di sini kita juga perlu memberi panduan kepada golongan Yang Berhormat yang ada di sini. Saya memohon untuk memohon pertanyaan Ahli Yang Berhormat Senator ini di bawah Peraturan Mesyuarat 22(1)(h) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Ia boleh dibaca nanti kerana tidak menepati peraturan tersebut. Kita tidak menjawab soalan yang berbentuk cadangan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar telah menyatakan bahawa terdapat banyak lambakan kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah dan mencadangkan agar bilangan hakim di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Rendah ditambah termasuk penambahan bilangan mahkamah. Selain daripada itu Yang Berhormat Senator juga telah mencadangkan agar ditetapkan tempoh masa tertentu bagi penyelesaian kes serta berkenaan kesesakan di Kompleks Mahkamah Jalan Duta.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, kes-kes yang masih belum selesai di Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Majistret di seluruh Malaysia setakat 31 Mei 2013, bagi kes sivil adalah sebanyak 133,527 kes dan bagi kes jenayah adalah sebanyak 540,861 kes. Walaupun jumlah tersebut kelihatan besar, namun begitu semua mahkamah di seluruh Malaysia menunjukkan bahawa 80 peratus daripada kes-kes yang masih belum selesai tersebut adalah terdiri daripada kes-kes tahun 2012 dan 2013 yang mana kes-kes tersebut dikategorikan sebagai kes-kes semasa.

Bagi kes-kes tahun 2012, kes-kes yang masih belum selesai adalah kes-kes yang didaftar selepas bulan Oktober di mana mahkamah masih dianggap dalam waktu yang munasabah untuk melupuskan kes-kes tersebut. Bagi tahun 2013, kes yang masih belum selesai adalah terdiri daripada kes-kes yang baru didaftarkan dan telah pun ditetapkan untuk bicara.

Secara keseluruhannya bilangan Hakim Mahkamah Tinggi adalah seramai 90 orang. Jumlah ini adalah termasuk juga para pesuruhjaya kehakiman. Jumlah hakim Mahkamah Sesyen pula...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [Bangun]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh minta Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat? Ada yang bangun untuk..

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Adalah 146 orang manakala majistret pula adalah seramai 151 orang. Ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya ingin tahu, jumlah yang banyak, besar, siber 133,500, jenayah 540,000. Jadi bolehkah diberitahu bila agaknya semua kes tersebut boleh *disettle*? Kedua, apa maksud lupus? Saya hendak tahu apa maksud "lupus"?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya hendak jawab mengenai kes untuk dilupus itu dianggap satu kes yang apabila ia sudah diselesaikan, ia boleh dimuktamadkan. Itu yang dimaksudkan kita dengan lupus. Yang kedua ialah bila kita hendak menyelesaikan kes ini, ini...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Maksudnya tidak dibicarakan atau macam mana?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tidak, tidak, dia bukan tidak dibicarakan. Ia memang sebab kalau ia tidak dibicarakan dia sudah masuk ke mahkamah. Jadi ia bergantung pada keadaan kes tersebut sama ada ia dibicarakan kalau ada kes sebab ia dimulakan. Ini kerana kalau tidak, ia tidak didaftarkan di mahkamah. Ia sudah didaftarkan di mahkamah. Apabila didaftarkan di mahkamah, ia didengar dahulu sama ada bukti yang kukuh untuk meneruskan kes tersebut. Kalau tidak ada bukti yang kukuh, kalau tidak perlu dibicarakan atas sebab-sebab yang menyebabkan ia tidak perlu diteruskan, maka ia akan dilupuskan. Lupus bermakna ia selesai di situ.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan, saya tidak ada latihan undang-undang yang formal. Akan tetapi kalau dalam bahasa Inggeris, lupus itu apa? Apa istilah Inggerisnya yang lupus? Saya tidak tahu sama ada ini salah terjemahan. Biasanya dalam Bahasa Melayu kalau lupus itu maknanya tidak dilayan langsung. Berbeza dengan sudah selesai. Selesai telah dibicarakan. Tak tahulah saya seperti saya mengaku tidak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau boleh saya membantu Yang Berhormat. Kita ada kes jenayah dan kes sivil. Kalau kes jenayah sekarang ini, andainya bila dituduh, pihak dituduh akan mendapatkan peguam dan pihak pendakwa. Dalam kes, dalam proses itu kadangkala ada kes-kes yang mana pihak tertuduh pun sanggup membuat satu *amicable settlement*, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, dengan persetujuan kedua pihak. Maka dianggap selesailah kes itu. Itu maknanya dianggap lupus, perkataan yang dimaksudkan yang saya fikir, itu Yang Berhormat maksud bukan? Ha, itulah dia.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang apa yang dikatakan Tuan Yang di-Pertua tadi, kita ada dua kes. Satu sivil dan satu kes jenayah di mana ia perlu apabila didakwa di mahkamah sama ada dia mengaku salah ataupun tidak mengaku salah, dia diteruskan sama ada dia kalau tidak mengaku salah dia memerlukan peguam untuk membela. Apabila perlu didengar kes tersebut sehingga selesainya, lepas itu kes itu apabila ada keputusannya, selepas itu kes itu selesailah dilupuskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, begitu juga Yang Berhormat, kalau sekiranya kes sivil, ini antara dua pihak. Kalau dua pihak dalam proses dia kata dia boleh sampai satu had dia boleh bersetuju di atas keputusan berunding bersama maka itu pun dianggap selesai juga. Mungkin dianggap perkataan itu dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi lupus. Bukan maknanya kes tidak didengar. Akan tetapi didengar tetapi dalam proses itu kes itu boleh dianggap selesai setelah pertimbangan undang-undang dijalankan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih. Ini membawa saya kepada soalan yang kedua tadi.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh tanya? Boleh tanya?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya hendak menjawab soalan kedua tadi mengenai soalan kes sebanyak 133,000 dan juga 540,000, sama ada bila kita boleh selesaikannya. Mengenai kes mahkamah ini untuk kita hendak *commit* dan menyelesaikannya agak sukar bagi kita. Ini kerana apabila ia dibicarakan maka ia memerlukan masa. Walaupun pihak mahkamah ingin menyelesaikan secepat-cepat mungkin tetapi apabila berlakunya rayuan, ia boleh dengan izin, *it can drag on and on*, dengan izin. Jadi itulah keadaan walaupun ada *target* mereka untuk mempercepatkan untuk menyelesaikan kes. Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih. Tentang kes seorang wanita dirogol dan mati, pandangan Yang Berhormat kelemahan mana pihak yang menyebabkan suspek diizinkan dibebaskan? Kes yang baru-baru ini.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, soalan itu tidak ada wujud masa *didebate*. Kedua, saya rasa itu masih dalam kalau tidak silap saya pihak Peguam Negara *appealing on that case*, dengan izin. Jadi ia tidak sesuai untuk kita bicarakan dalam Dewan ini. Terima kasih.

Dimaklumkan juga bahawa buat masa ini jumlah hakim di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah adalah mencukupi untuk menampung jumlah kes yang didaftarkan dan turut mengambil kira kemampuan dari segi logistik dan infrastruktur.

Tempoh penyelesaian sesuatu kes memangnya telah ditetapkan di setiap mahkamah mengikut bidang kuasa masing-masing. Sebagai contoh, bagi kes sivil di Mahkamah Tinggi, kes-kes perlu dilupuskan dalam masa sembilan bulan dari tarikh pendaftaran. Itu pun bergantung pada keadaannya tadi. Bagi Mahkamah Rendah pula, *time line* dengan izin pelupusan kes sivil adalah lapan bulan bagi Mahkamah Sesyen dan enam bulan bagi Mahkamah Majistret. Bagi kes jenayah di Mahkamah Sesyen dan Majistret, kes-kes perlu dilupuskan dalam masa setahun bergantung kepada keadaan kes itu tadi. Kalau ada rayuan dan seterusnya ia dibicarakan maka ia akan berpanjangan.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, *timelime* ini dengan izin ,hanya dijadikan garis panduan untuk pihak mahkamah merancang tarikh-tarikh pengurusan dan pendengaran kes masing-masing. Dalam sesetengah kes yang lebih kompleks, sudah tentu masa yang lebih panjang adalah diperlukan. Oleh yang demikian peruntukan masa untuk sesuatu kes diselesaikan adalah bergantung sepenuhnya kepada fakta kes itu sendiri.

#### ■1720

Bagi isu kesesakan di Kompleks Mahkamah Jalan Duta, dimaklumkan bahawa keadaan sedemikian hanya wujud di sebelah pagi di mana pada waktu tersebut kebanyakan kes ditetapkan untuk sebutan atau pengurusan kes. Keadaan sedemikian tidak wujud pada waktu di mana kes-kes telah ditetapkan untuk perbicaraan di hadapan hakim atau majistret.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud telah membuat gesaan agar kajian terhadap akta mengenai kebangkrupan disegerakan bagi membela orang-orang yang diisytiharkan mufliis akibat menjadi penjamin. Ahli Yang Berhormat, sukacita ingin saya maklumkan bahawa kajian terhadap Akta Kebankrapan 1967 iaitu Akta 360 telah pun dimulakan sejak tahun 2010 oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Hasilnya Jabatan Insolvensi Malaysia telah menyediakan draf undang-undang. Rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Kebankrapan yang baru bagi menggantikan Akta 360. Antara peruntukan pindaan yang dicadangkan di bawah RUU ini yang berkenaan adalah memperketat syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemiutang sebelum sesuatu permohonan untuk mengisytiharkan kebangkrupan ke atas penjamin boleh difailkan di mahkamah. Pada masa ini, draf RUU Kebankrapan yang baru ini sedang diperhalusi oleh Jabatan Insolvensi Malaysia dan Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim telah mengemukakan persoalan sama ada kerajaan telah membuat pemantauan terhadap kes-kes di mana isteri menjadi mangsa mufliis disebabkan dipergunakan oleh suami.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, peranan Jabatan Insolvensi Malaysia untuk mentadbir hal ehwal kebangkrupan bermula setelah seseorang individu diisytiharkan bankrap. Bukan MDI yang mengisytiharkan mereka bankrap tetapi pemiutangnya yang mengisytiharkan mereka bankrap. Manakala tindakan kebangkrupan diambil oleh pemiutang dan bukannya oleh kita. Dalam hal demikian, kes-kes di mana isteri menjadi mangsa mufliis disebabkan dipergunakan oleh suami adalah di luar bidang kuasa kami ataupun pengetahuan MDI.

Dalam kes seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator itu, MDI akan memperoleh pengetahuan tentang isteri yang menjadi mangsa mufliis hanya setelah isteri tersebut hadir di MDI untuk menjalani temu bual ataupun temu kenal. Sekiranya isteri mempunyai bukti bahawa beliau sememangnya dipergunakan oleh suaminya, MDI akan menasihatkan isteri supaya mencabar perintah kebangkrupan terhadapnya di mahkamah di bawah seksyen 105, Akta Kebankrapan 1967, atas alasan bahawa beliau tidak sepatutnya diisytiharkan bankrap.



Saya juga telah menjawab perkara mengenai program kesedaran dalam isu-isu bankrap ini. Jadi, kita telah menggalakkan MDI untuk mengadakan program-program, *outreaching program*, dengan izin, untuk memberi kesedaran kepada wanita dan juga kepada kumpulan-kumpulan yang mempunyai minat untuk mengetahui cara mana untuk keluar dari bankrap ataupun untuk mengelakkan diri daripada bankrap. Jadi, kita galakkan terutama sekali wanita-wanita untuk mengikuti program-program yang dianjurkan oleh MDI ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah juga ingin mendapatkan maklumat berhubung kemajuan cadangan pembinaan laluan kereta api ke Terengganu yang dicadangkan di bawah Projek Rel Pantai Timur, *East Coast Economic Region* ataupun ECER. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian oleh Koridor Pembangunan Wilayah Ekonomi Timur ataupun ECER ini telah memperakukan bahawa perkhidmatan rel di Pantai Timur Semenanjung wajar dilanjutkan ke Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah ini. ECER telah mencadangkan pembinaan rel di Pantai Timur dan kini sedang dalam beberapa siri pembentangan kepada Majlis Ekonomi Negara bagi mendapatkan kelulusan. Siri pembentangan tersebut telah bermula pada bulan Julai tahun ini iaitu baru-baru ini. Sekiranya cadangan projek ini diluluskan oleh kerajaan, perancangan pembinaan yang mengikut fasa adalah dijangka akan bermula pada tahun 2015.

Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon telah mencadangkan agar pemandu teksi diberi pendidikan dan kesedaran untuk memastikan mutu perkhidmatan teksi dapat dipertingkatkan. Pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat iaitu SPAD bersetuju dengan cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat yang berkenaan dan telah pun menjadikannya sebagai salah satu daripada Dasar Perkhidmatan Teksi 1Malaysia iaitu TEKS1M. Sebagai langkah permulaan, SPAD kini sedang melaksanakan latihan akreditasi bagi seribu penerima lesen TEKS1M. Modul-modul latihan bagi semua pemandu teksi sama ada yang sedang memandu bagi syarikat mahupun yang memegang lesen individu sedang dibangunkan. Latihan ini juga dijadikan prasyarat bagi mendapatkan kad pemandu yang membenarkan mereka menjadi pemandu teksi yang berdaftar dengan SPAD.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah ingin mengetahui strategi jangka panjang SPAD dalam usaha untuk menyediakan sistem pengangkutan awam yang berkualiti kepada rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak SPAD akan mengambil kira empat perkara utama untuk mempertimbangkan dalam merangka strategi untuk menyediakan pengangkutan awam yang cekap dan baik iaitu:

- (i) kesalinghubungan rangkaian pengangkutan awam yang baik agar rakyat Malaysia mempunyai pilihan dan boleh menggunakan pengangkutan awam bagi perjalanan mereka dan boleh menjadikan penggunaan pengangkutan awam sebagai mod pilihan utama mereka;
- (ii) tambang pengangkutan awam yang ditawarkan perlu berada di tahap yang mampu dibayar oleh semua agar rakyat dari semua peringkat pendapatan dapat menikmati perkhidmatan pengangkutan awam;
- (iii) kualiti pengangkutan awam juga perlu dipertingkatkan ke tahap yang tinggi supaya perkhidmatan yang diberikan adalah cekap dan boleh diharapkan ataupun *reliable*, dengan izin; dan
- (iv) jaminan mengenai tahap keselamatan yang tinggi untuk pengguna dan pengangkutan awam itu sendiri.

Akhir sekali, Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah telah membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan Hentian Putra iaitu terminal bas ekspres untuk perjalanan ke Pantai Timur di Kuala Lumpur. Isu yang pertama iaitu cadangan menaik taraf Hentian Putra. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator yang berkenaan telah mencadangkan agar Hentian Putra dinaik taraf seperti yang telah dilakukan di Pudu Sentral dan Terminal Bersepadu Selatan atau TBS di Bandar Tasik Selatan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, segala perancangan untuk menaik taraf Hentian Putra adalah berada di luar bidang kuasa SPAD tetapi ia merupakan di bawah bidang kuasa tuan punya premis berkenaan iaitu DBKL.

Isu kedua dan ketiga, masalah ulat tiket dan pemandu teksi mengenakan tambang tinggi. Yang Berhormat Senator Puan Hajah juga ingin mengetahui langkah yang telah diambil untuk menangani masalah ulat tiket di Hentian Putra serta masalah pemandu teksi dan kereta sewa haram yang mengenakan tambang tinggi dan meletak kenderaan sesuka hati di situ. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak SPAD sentiasa melaksanakan pemantauan dan menjalankan penguatkuasaan berkala yang dijalankan dua kali seminggu dan secara khas ke atas ulat tiket dan teksi dari semasa ke semasa. Dalam pada masa yang sama, syarikat-syarikat bas ekspres juga adalah digalakkan untuk menggunakan sistem tiket berkomputer sepenuhnya. Selain daripada itu, kempen-kempen kesedaran berkaitan anti-ulat, mengenakan tambang berlebihan dan bas sekolah haram telah dan akan dilaksanakan. Antaranya 25, 26 Mei tahun ini, 28 Jun tahun ini dan juga 26 hingga 28 Jun kempen di Wakaf Che Yeh, Kelantan, 5 Ogos- kempen di Pudu Sentral, Kuala Lumpur, dan 10 September kempen di Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Ada dua lagi Tuan Yang di-Pertua, saya akan percepatkan. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit telah mohon penjelasan mengenai tindakan SPAD terhadap laporan penduduk di sebuah kawasan di Kelantan mengenai kenderaan perdagangan yang meletak kenderaan sesuka hati di bahu jalan berhampiran kawasan jalan utama. Beliau juga ingin mengetahui langkah-langkah yang diambil oleh SPAD bagi mengekang masalah seumpama ini di seluruh negara terutamanya di kawasan perumahan yang menghalang lalu lintas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak SPAD telah membuat siasatan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan mendapati bahawa tiada aduan rasmi dilaporkan atau direkodkan berhubung perkara tersebut.

#### ■1730

Namun begitu kejadian seperti ini tidak dinafikan sering berlaku di jalan-jalan utama Pantai Timur Semenanjung. Walau bagaimanapun, pihak SPAD berhadapan dengan kekangan untuk mengambil tindakan lanjut disebabkan ketiadaan pewartaan larangan dan penandaan larangan meletak kenderaan di sesuatu kawasan oleh pihak berkuasa tempatan.

#### *[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Oleh yang demikian pada masa kini SPAD hanya membantu pihak PBT dalam menjalankan penguatkuasaan di kawasan-kawasan di bawah seliaan mereka. Pihak PBT mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan mengikut bidang kuasanya dan membawa kes tersebut ke mahkamah jika gagal menjelaskan kompaun yang dikeluarkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Keputusan mahkamah boleh disalurkan kepada SPAD untuk tindakan lanjut di bawah bidang kuasa SPAD seperti penggantungan ataupun pembatalan permit. Selain daripada itu kesalahan trafik yang dilakukan oleh kenderaan perdagangan masih tertakluk kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan agensi-agensi penguat kuasa berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia dan JPJ boleh mengambil tindakan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Datuk Chih Tiang Chai telah menyarankan membuat beberapa cadangan bagi menjayakan transformasi pengangkutan negara. Antaranya beliau mencadangkan agar proses rancangan pengangkutan yang kurang bergantung kepada kereta dan pengintegrasian pelan pembangunan bandar dan pengangkutan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, SPAD mengamalkan proses perancangan pengangkutan awam untuk mengutamakan pergerakan orang dan bukannya kenderaan dalam usaha untuk mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam. SPAD juga bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa adalah penting untuk perancangan sistem pengangkutan awam dijalankan selaras dan selari dengan rancangan pembangunan bandar. Perkara ini sememangnya telah dan sentiasa dilaksanakan oleh SPAD.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih sekali lagi dan mengambil peluang juga untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakan-rakan yang beragama Islam dan kepada semua yang lain warga Malaysia selamat meraikan hari raya Aidilfitri bersama. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Seterusnya tanpa membuang masa saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Wahid Omar. Silakan Yang Berhormat.

### 5.32 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Saya ingin mengulangi ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan Titah Diraja 2013. Saya akan menggulung isu-isu yang dibangkitkan oleh sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung bidang tugas Jabatan Perdana Menteri khususnya Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan, Unit Kerjasama Awam Swasta dan Talent Corporation. Izinkan saya dalam masa 20 minit jika tidak ada banyak celahan.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh menyoalkan sama ada usaha Talent Corp. untuk membawa balik bakat kembali pekerja dalam negara adalah terlambat. Sebaliknya perlu membuat kajian mengapa orang-orang yang berbakat tinggi lebih cenderung untuk bekerja di luar. Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya telah pun membuat kajian terperinci berkenaan dengan isu ini dengan kerjasama Bank Dunia ataupun *World Bank*. Berdasarkan kepada laporan *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain* yang diterbitkan pada bulan April 2011, kerajaan menyedari bahawa terdapat *global war for talent*, dengan izin, di mana kepakaran Malaysia terdapat permintaan tinggi di pasaran global.

Laporan tersebut juga mengenal pasti beberapa sebab migrasi syarikat ataupun rakyat Malaysia ke luar negara. Antaranya ialah tahap gaji yang lebih tinggi dan juga prospek pembangunan kerjaya yang lebih baik. Jadi bagi saya usaha Talent Corp. belum terlambat atas tiga sebab pertamanya adalah baik kita menggalakkan peredaran pengetahuan ataupun *brain circulation* iaitu:

- (i) mereka yang telah dapat pengalaman bekerja di luar negara dibawa balik ke Malaysia untuk menyumbang khidmat kepada negara kita;
- (ii) mereka yang keluar negara sebelum ini mungkin kerana ketika itu industri di mana mereka mempunyai kepakaran masih di peringkat awalan. Akan tetapi sekarang ini dengan ETP dan pelbagai pembangunan rancak di Rantau Asia peluang untuk mereka kembali sudah pun ada; dan
- (iii) program transformasi ekonomi kita telah pun menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Jadi untuk memastikan kesinambungan kita perlu *talent park line*, dengan izin, yang kuat untuk memenuhi keperluan transformasi ekonomi.

Oleh sebab itulah Talent Corp. menganjurkan pelbagai program untuk mempertingkatkan lagi jumlah dan kualiti tenaga pakar di Malaysia. Ini termasuklah program *Returning Expert Program*, dengan izin.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin ingin penjelasan mengenai justifikasi Kompleks Bangunan Guna Sama Persekutuan Zon Utara meliputi Sabah dan Zon Selatan meliputi Sarawak. Beliau seterusnya ingin mengetahui mengapa Sabah dan Sarawak tidak dijadikan zon yang berasingan.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman pada asalnya semua bangunan guna sama Kerajaan Persekutuan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya dan urusan penyelenggaraan ini telah pun diswastakan mengikut tiga zon yang tertentu iaitu pertama Zon Selatan Semenanjung dan Sarawak yang diswastakan pada tahun 1996.

Ini merangkumi negeri Johor, negeri Melaka, Negeri Sembilan dengan keluasan lantai berjumlah 503,000 kaki persegi dan negeri Sarawak dengan keluasan lantai berjumlah 846,000 kaki persegi. Kedua ialah Zon Utara Semenanjung dan Sabah yang diswastakan pada bulan Mac 2001 merangkumi negeri Kedah, Perak, Perlis, Pulau Pinang bersama-sama dengan negeri Sabah dengan jumlah keluasan hampir kepada 1 juta kaki persegi *combine*, dengan izin. Zon ketiga ialah Zon Timur Semenanjung yang diswastakan pada bulan April 2001 merangkumi negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu dengan keluasan lantai kasar berjumlah 553,607 kaki persegi. Jadi sebabnya digabungkan ialah untuk mendapat *economies of skills* dengan izin. Akan tetapi mungkin pada masa akan datang mungkin kita akan *separatekan*, dengan izin, zon Sabah dan Sarawak. Mungkin lebih berkesan lagi.

Soalan ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah daripada Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar yang ingin mengetahui mengapa projek monorel di Pulau Pinang masih tertangguh. Tuan Yang di-Pertua projek monorel Pulau Pinang telah pun ditangguhkan pelaksanaannya memandangkan projek ini tidak didapati berdaya maju. Sehubungan dengan itu bagi memperbaiki pengangkutan awam di seluruh negara termasuklah di Pulau Pinang kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ketika ini sedang meneliti semua perancangan pengangkutan awam darat di seluruh negara di mana penelitian juga akan dibuat ke atas kesesuaian *mode* pengangkutan awam darat di negeri Pulau Pinang.

Ada terdapat tiga soalan berkaitan dengan pembangunan koridor di wilayah yang pertama sekali soalan keempat ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah yang menyarankan agar peluang perniagaan dibuka dan diberi geran kepada kontraktor dan syarikat usahawan wanita agar dapat membantu dalam pembangunan ekonomi negara di kawasan ECER, NCER dan Wilayah Iskandar.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan sentiasa memberi galakan dan membuka ruang kepada rakyat yang mempunyai minat dan keupayaan untuk menceburi bidang ini. Pelbagai program keusahawanan dilaksanakan oleh pelbagai agensi-agensi. Ini termasuklah yang untuk membantu usahawan-usahawan termasuk usahawan wanita untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka. Antara program-program tersebut ialah Latihan Kemahiran INSKEN, Inkubator Ibu Tunggal, Inkubator Usahawan Wanita, Program 1Azam, Bantuan Pinjaman TEKUN Nasional dan juga Program Keusahawanan MARA.

Selain daripada itu pihak berkuasa koridor di wilayah ECER, NCER dan Iskandar Malaysia juga melaksanakan program-program untuk kontraktor dan usahawan wanita. Antara program tersebut ialah pertamanya di ECER satu Program Pembangunan Keusahawanan ECER yang mempunyai dua pendekatan utama iaitu memberikan bantuan pembangunan perniagaan dan bimbingan keusahawanan ataupun *hand holding program*, dengan izin, serta bantuan pembiayaan mudah ataupun *funding*.

#### ■1740

Sejak tahun 2008, seramai 51 orang telah pun mengikuti program ini. Di Wilayah Koridor Utara (NCER), Program Alamku di NCER yang bermatlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan wanita. Program Alamku ini telah beroperasi sepenuhnya sejak bulan Oktober 2009 di Kulim, Kedah. Setakat ini, seramai 31 peserta wanita khususnya daripada golongan ibu tunggal dan golongan kurang berkemampuan terlibat dalam komponen taska, *catering*, jahitan dan juga dobi.

Ketiganya, di Wilayah Iskandar Malaysia, bengkel memperkasakan wanita menerusi keusahawanan di mana program ini bertujuan untuk memperkenalkan perniagaan yang berdaya maju berdasarkan peluang yang terdapat di Iskandar Malaysia dan memperkukuhkan jalinan perniagaan antara usahawan wanita. Setakat ini, seramai 35 orang telah pun menyertai bengkel ini.

Soalan yang kelima Tuan Yang di-Pertua daripada Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok mencadangkan diwujudkan satu *blueprint* di kawasan pelancongan di Sarawak khususnya di SCORE. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kerajaan Negeri Sarawak kini sedang menjalankan kajian pelan induk pembangunan kawasan pedalaman SCORE yang meliputi kawasan Samarahan, Tunoh dan juga Baram. Skop kajian ini adalah untuk mengenal pasti aktiviti-aktiviti ekonomi yang berpotensi untuk dibangunkan dan juga merangkumi pembangunan pelancongan di kawasan pedalaman SCORE.

Antara aktiviti ekonomi yang berpotensi di kawasan pedalaman ini adalah penternakan, *agriculture*, pembangunan industri pulpa dan kertas serta pembangunan perladangan kelapa sawit. Manakala bagi pelancongan, kajian ini akan menilai potensi ekopelancongan di kawasan Ulu Baram dan Bakun serta menyediakan satu pelan tindakan bagi membangunkan aktiviti tersebut seperti perikanan, rekreasi, meredah hutan, berkayak, memerhati burung dan lain-lain. Kajian ini masih di peringkat interim dan dijangka siap pada penghujung tahun ini.

Soalan keenam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya menyarankan agar kerajaan memberi penekanan kepada perancangan ekonomi untuk negeri Sabah yang kaya dengan sumber asli dan kedudukannya yang strategik. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sentiasa memberi penekanan yang saksama dalam perancangan dan pembangunan sosioekonomi di semua negeri bagi memastikan pembangunan yang menyeluruh dan seimbang. Justeru itu, perancangan dan pembangunan sosioekonomi di negeri Sabah terus diberi penekanan melalui pelaksanaan pelbagai program dan projek pembangunan.

Sebagai contoh, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM20.63 bilion ataupun 9 peratus daripada pelaksanaan projek dan program pembangunan sosioekonomi di Sabah. Dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh, Sabah menerima peruntukan sebanyak RM10.63 bilion ataupun 10.50 peratus peratus daripada keseluruhan peruntukan iaitu yang kedua tertinggi selepas Wilayah Persekutuan. Jadi, bagi memacu dan mempercepatkan proses pembangunan ekonomi di negeri Sabah, kerajaan telah pun menubuhkan *Sabah Development Corridor* pada tahun 2008 dan sejak penubuhannya, *Sabah Development Corridor* ini telah pun berjaya menarik masuk pelaburan terkumpul sebanyak RM74 bilion dan mewujudkan 19,000 peluang pekerjaan.

Soalan ketujuh daripada Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah ingin mengetahui bilakah kali terakhir bancian penduduk dibuat dan Yang Berhormat mencadangkan bancian dibuat agar dapat memastikan jumlah sebenar bilangan rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, banci penduduk dan perumahan dijalankan setiap sepuluh tahun sekali seperti yang diamalkan oleh kebanyakan negara lain dan juga yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun *United Nations*.

Banci dijalankan mengikut garis panduan yang diterima pakai di peringkat antarabangsa. Jadi di Malaysia, banci penduduk dan perumahan Malaysia yang terakhir telah dilaksanakan pada tahun 2010 yang mana operasi pembancian dijalankan di antara 6 Julai hingga 22 Ogos tahun 2010. Hasil daripada bancian jumlah penduduk tersebut, kita dapati bahawa jumlah penduduk di Malaysia seramai 28.3 juta orang yang mana 26 juta ataupun 91.8 peratus terdiri daripada warganegara Malaysia dan selebihnya 2.3 juta orang ataupun 8.2 peratus terdiri daripada bukan warganegara. Jadi, banci yang akan datang, dirancang akan diadakan pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud telah membangkitkan isu mengenai kemampuan penjawat awam membeli rumah Projek Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun melaksanakan pelbagai program perumahan mampu milik untuk menampung keperluan rakyat khususnya bagi golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Bagi menampung keperluan perumahan penjawat awam, satu program khas iaitu program Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia telah dilancarkan oleh kerajaan pada 18 April 2013. Harga rumah PPA1M ini yang dibangunkan adalah di antara RM150,000 hingga RM300,000 dengan keluasannya antara 1,000 kaki persegi hingga 1,500 kaki persegi. Harga ini ditawarkan adalah jauh lebih rendah daripada harga di pasaran. Sasarannya adalah untuk isi rumah berpendapatan RM8,000 ke bawah dan buat masa ini, bilangan unit yang disasarkan untuk dimiliki adalah 30,000: 10,000 di Putrajaya; 18,000 di Kuala Lumpur; dan, 2,000 di Wilayah Persekutuan Labuan.

Projek ini telah pun mendapat sambutan yang sangat menggalakkan berdasarkan kepada bilangan permohonan yang telah diterima. Sebagai contohnya di Putrajaya, sehingga kini jumlah permohonan yang diterima lebih daripada 15,000 dan yang telah disenarai pendek sebanyak 13,000. Jadi, ini menunjukkan bahawa penjawat awam berkemampuan dalam pemilikan rumah PPA1M ini.

Akan tetapi selain daripada itu, penjawat awam juga berpeluang memiliki rumah di pelbagai program lain. Antaranya yang dianjurkan oleh SPNB dan Jabatan Perumahan Negara yang menyediakan rumah kos rendah berharga antara RM35,000 hingga RM52,000 dan ini untuk mereka yang berpendapatan RM2,500 ke bawah. Manakala Program Perumahan Rakyat (PPR), kita menyediakan kuota sebanyak 20 peratus untuk penjawat awam. Sahabat saya tadi iaitu Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun memberikan penerangan yang meluas tentang isu ini sebentar tadi. Jadi saya tidak bercadang untuk mengulanginya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang terakhir ialah daripada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali yang telah membangkitkan isu berhubung dengan pengagihan kemiskinan seperti berikut. Ada tiga soalannya iaitu:

- (i) sekiranya pendapatan meningkat lebih cepat daripada peningkatan harga barang, bagaimana pula dengan *purchasing power*?
- (ii) sekiranya pendapatan per kapita negara meningkat bagaimana dan kepada siapa pendapatan tersebut diagihkan?; dan
- (iii) menggesa supaya kerajaan mengkaji paras garis kemiskinan (PGK) yang terlalu rendah iaitu RM763 dan mencadangkan supaya ia dinaikkan kepada RM1,500 agar lebih ramai rakyat mendapat bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan tersebut seperti berikut. Pertama, sekiranya pendapatan isi rumah meningkat lebih cepat daripada peningkatan harga, ini bermakna *purchasing power* ataupun kuasa beli juga akan meningkat.

Keduanya ialah pendapatan per kapita negara merupakan satu daripada angka tunjuk bagi mengukur prestasi ekonomi sesebuah negara berbanding dengan negara-negara lain. Ia berbeza dengan konsep pendapatan isi rumah. Jadi hasil negara digunakan bagi tujuan membiayai perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan mengurus dan lain-lain perbelanjaan barangan dan perkhidmatan. Semua penduduk mendapat manfaat secara langsung daripada peningkatan pendapatan dan hasil negara. Ini kita dapat lihat dengan peningkatan purata pendapatan kasar bulanan isi rumah Malaysia daripada RM264 pada tahun 1970 kepada RM2,472 pada tahun 1999 dan seterusnya meningkat kepada paras RM5,000 untuk tahun 2012.

#### ■1750

Ketiganya berkenaan dengan pendapatan garis kemiskinan (PGK). Ianya memang dikemaskinikan daripada semasa ke semasa bagi mencerminkan perubahan harga semasa. Ini telah saya jelaskan pada pagi tadi. Purata PGK yang terkini bagi tahun 2012 ialah sebanyak RM830 bagi Semenanjung Malaysia, RM1,090 bagi negeri Sabah dan RM920 bagi negeri Sarawak. Itu pendapatan garis kemiskinan. Walau bagaimanapun garis pendapatan bagi program isi rumah berpendapatan rendah khususnya Program 1AZAM adalah lebih tinggi iaitu pada paras RM1,800 sebulan.

Di samping itu garis pendapatan bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah yang menjadi sasaran dalam Program Pembangunan Kerajaan adalah sebanyak RM3,050 sebulan bagi tahun 2012. Jadi ianya adalah lebih tinggi daripada paras RM1,500 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun selesai menggulung isu-isu yang telah dibangkitkan semasa perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini, yang berhubung dengan tanggungjawab saya. Walau bagaimanapun, sebelum saya mengundurkan diri izinkan saya membuat dua kenyataan berikut.

Pertama sekali kalau kita dengarkan tadi berdasarkan fakta-fakta dan statistik yang telah diberikan, alhamdulillah negara kita telah pun ditadbirkan dan diuruskan dengan baik di mana peratus pendapatan isi rumah telah pun meningkat daripada RM264 pada tahun 1970 kepada RM5,000 sekarang ini. Di mana kadar kemiskinan negara kita telah pun menurun daripada 49.3 peratus kepada 1.7 peratus untuk tahun 2012 dan di mana pendapatan kasar negara per kapita telah pun meningkat kepada paras USD10,000. Ini bermakna kita di dalam landasan yang betul untuk mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi yang *inclusive* dan yang mampan.

Walaupun bagaimanapun, ini tidak bermakna kita ini sempurna. Memang terdapat banyak lagi ruang untuk penambahbaikan dan *insya-Allah* kita sedia memperbaikinya.

Yang keduanya, memandangkan kita lagi sembilan hari menyambut Hari Raya Aidilfitri, izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada rakan-rakan Yang Berhormat Senator sekalian dan maaf zahir batin jika ada tersalah, terkasar bahasa, tersalah kata, minta maaf banyak-banyak dari hati yang murni ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita beralih ke Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

### 5.53 ptg.

#### **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh sembilan orang Ahli Senator yang melibatkan agensi-agensi berkaitan dengan SPRM, FELDA, Biro Tatanegara dan PEMANDU. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof Husin membangkitkan tentang perkara agar SPRM diletakkan di bawah Parlimen agar benar-benar bebas dan diberi mandat yang penuh untuk mendakwa sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan.

Sukacita dinyatakan di sini bahawa dari segi kebebasan SPRM sebenarnya sangat bebas melakukan siasatan tanpa perlu merujuk kepada mana-mana pihak. SPRM mempunyai lima mekanisme. *Check and balance*, dengan izin, yang dibentuk secara perundangan dan pentadbiran dalam memastikan SPRM melaksanakan tanggungjawab dan peranan yang ditetapkan secara bebas, telus, berkesan dan profesional. Mekanisme tersebut ialah Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Jawatankuasa Aduan Panel Penilaian Operasi dan Panel Perundangan Pencegahan Rasuah.

Lembaga Penasihat seperti yang dibentuk di bawah seksyen 13 yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada tujuh orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang mempunyai integriti dan keunggulan yang tinggi dalam bidang profesion masing-masing. Lembaga ini berfungsi untuk menasihati SPRM tentang dasar strategi dan masalah rasuah dalam usaha membanteras rasuah.

Manakala Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah yang ditubuhkan di bawah seksyen 14 adalah terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mewakili parti-parti politik kerajaan dan juga pembangkang. SPRM yang menyediakan laporan tahunan akan dinilai dan diteliti oleh jawatankuasa ini dan suruhanjaya ini, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah dan seterusnya boleh mendapat penjelasan dan penerangan daripada SPRM mengenai laporan yang disediakan tersebut.

Jawatankuasa Aduan pula ditubuhkan di bawah seksyen 15 bagi tujuan memantau pengendalian mengenai aduan salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai suruhanjaya. Panel Penilaian Operasi ditubuhkan secara pentadbiran bagi memantau dan meneliti semua siasatan SPRM. Panel ini berfungsi bagi menyemak dan mengkaji sesuatu keputusan kes-kes yang disiasat termasuklah kes-kes yang tidak dituduh.

Panel ini terdiri daripada pelbagai golongan profesional yang mempunyai reputasi tinggi serta dihormati di dalam masyarakat yang terdiri daripada mantan Ketua Audit Negara, tokoh akademik, peguam dan ahli badan profesional. Semua kes-kes yang disiasat termasuk kes-kes yang tidak dibawa ke pendakwaan akan dibentangkan ke panel ini setiap tiga bulan sekali, termasuklah sebab-sebab kenapa tiada pendakwaan dibuat.

Manakala Panel Perundangan dan Pencegahan Rasuah ditubuhkan secara pentadbiran yang berfungsi untuk menasihati suruhanjaya berhubung pelaksanaan program penerangan dan perhubungan masyarakat dan meneliti dan memperakukan bidang tumpuan. Perkara yang sama juga dibangkitkan oleh Senator Dr. Ariffin bin S.M Omar. Namun begitu, ada tambahan yang telah dimuatkan oleh Senator Dr. Ariffin mengenai cadangan-cadangan perkara-perkara berikut.

Pertama, mempraktikkan ketelusan dan semua anggota pentadbiran perlu mengisytiharkan harta.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi menjamin ketelusan pentadbiran kerajaan, pihak kerajaan sentiasa memandang serius dan mengambil pelbagai pendekatan dalam usaha membasmi rasuah di negara ini. Antara mekanisme yang dilaksanakan adalah melalui strategi penguatkuasaan, pendidikan dan pencegahan.

Demi menjamin usaha ketelusan pentadbiran kerajaan, kerajaan telah pun melaksanakan pengisytiharan harta kepada semua anggota pentadbiran. Setiap anggota pentadbiran adalah dikehendaki mengisytiharkan harta diri dan keluarga terdekat kepada Perdana Menteri. Bagi memastikan ketelusan dan integriti anggota pentadbiran, kerajaan telah bersetuju supaya Ketua Pesuruhjaya SPRM mempunyai akses penuh kepada dokumen-dokumen pengisytiharan harta mana-mana anggota pentadbiran. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, semenjak penubuhan struktur BPR kepada SPRM, SPRM telah mengorak langkah dengan melaksanakan transformasi sejajar dengan matlamat transformasi negara.

Ini dapat dilihat penambahan jumlah tangkapan, peningkatan kadar sabitan sebanyak 54 peratus pada tahun 2009 kepada 89 peratus pada Jun 2013. Tangkapan-tangkapan ke atas individu berprofil tinggi serta pengiktirafan antarabangsa juga telah diperolehi oleh SPRM. Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim Kader ada menyarankan agar pemberi dan penerima rasuah di kalangan anggota keselamatan haruslah dikenakan tindakan hukuman yang lebih berat.

Kerajaan sebenarnya tidak berkompromi dan memandang serius tentang perlakuan rasuah oleh mana-mana pihak termasuklah di kalangan anggota keselamatan yang boleh menyebabkan ancaman kepada negara. Kita mengucapkan terima kasih kepada Senator Dato' Syed Ibrahim Kader yang memberi perkenan tersebut, namun begitu satu-satu undang-undang tidak boleh dibuat berlainan di antara satu kesalahan di antara masyarakat di dalamnya.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim ingin mengetahui apakah tindakan yang diambil oleh SPRM mengenai dakwaan terdapat aduan ADUN, Ahli Parlimen atau ahli politik yang terlibat dengan video seks. Walaupun secara kasarnya kesalahan seks ini bukan di bawah SPRM, namun begitu pemberian rasuah seks boleh berlaku. Cuma yang boleh saya nyatakan kita belum ada dapat apa-apa aduan mengenai perkara tersebut. Namun begitu tidak menolak kemungkinan untuk melakukan sebarang siasatan yang berkaitan dengan rasuah seks, bukan sahaja di kalangan ADUN, Ahli Parlimen dan ahli politik, namun begitu di kalangan mana-mana individu yang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh dan Senator Chandra Mohan ada membangkitkan tentang wujud pembelian aset-aset dan banyak perkara yang berkaitan dengan Maika. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator semakan terhadap rekod SPRM sehingga kini mendapati tiada maklumat aduan berkaitan dengan penyelewengan dilakukan oleh pengurusan Maika dan G-Team dalam transaksi penjualan saham dan menyebabkan kerugian kepada pemegang saham.

#### ■1800

Namun begitu, pihak SPRM mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya terdapat kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat yang lebih mendalam mengenai perkara ini, saya mohon untuk Yang Berhormat dapat menyalurkan kepada pejabat SPRM yang berhampiran untuk kita ambil tindakan segera.

Soal mengenai FELDA. Yang Berhormat Dato' Maznah binti Mazlan ada mencadangkan supaya Jabatan Pembangunan Komuniti FELDA membuat kajian tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka FELDA berkaitan isu penceraian, hak penjagaan anak, harta sepencarian dan gejala sosial yang berlaku. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, isu penceraian, hak penjagaan anak, harta sepencarian adalah di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam negeri. Namun begitu, FELDA telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan kursus pewarisan kepada semua peringkat yang meliputi harta pusaka, harta sepencarian, wasiat dan hibah.

Bagi tahun ini pihak Jabatan Tanah akan melaksanakan sebanyak 10 siri kursus bagi melibatkan semua peringkat pegawai dan petugas agar dapat menjalankan peranan berkaitan tuntutan harta sepencarian.



FELDA mengambil maklum cadangan kajian yang perlu dijalankan tentang permasalahan yang dihadapi oleh peneroka di rancangan berhubung isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan kita ingin mengucapkan terima kasih. Akan tetapi untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, FELDA juga melaksanakan program-program yang menjurus kepada penyatuan peneroka serta memupuk rasa kasih sayang dan semangat kekitaan. Di antara program yang telah dan sedang dijalankan ialah Program “*FELDA di Hati, Janji Ditepati*”, Program, “*FELDA di Hati, Jiran Disayangi*”, program turun padang menangani isu dan program wayang padang. Program wayang padang misalnya adalah satu hubungan santai untuk seisi keluarga bagi mengeratkan hubungan dan menyatukan masyarakat tanpa mengira perbezaan pandangan.

Bagi menangani masalah gejala sosial, Jabatan Pembangunan Komuniti telah mengambil pendekatan khusus melibatkan golongan peneroka dan generasi kedua. Di antara program yang telah diatur ialah bengkel kepimpinan peneroka, kursus kepimpinan terancang dan juga program transformasi komuniti dan jawatankuasa masjid.

Mengenai soalan berkaitan Biro Tatanegara, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat mencadangkan supaya program-program Biro Tatanegara dikembangkan dan turut melibatkan kerjasama dengan NGO dan persatuan penduduk. Sukacita saya maklumkan bahawa Biro Tatanegara sememangnya mengambil kira semua lapisan masyarakat sebagai sasaran dalam program-program yang dilaksanakan dan mengucapkan terima kasih atas cadangan tersebut. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2012 sebanyak 189 program yang melibatkan NGO dan persatuan penduduk telah dilaksanakan di seluruh negara dan seramai 43,628 orang peserta telah hadir. Sehingga Jun 2013 tahun ini sebanyak 109 program telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 25,790 orang peserta.

Akhir sekali soalan mengenai PEMANDU yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Raja Ropiah binti Raja Abdullah yang mencadangkan agar kerajaan dapat memberi maklumat terkini mengenai perkembangan makmal PEMANDU terutama dalam isu membanteras rasuah dan menurunkan kadar jenayah dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat. Makmal NKRA anti rasuah telah ditubuhkan berdasarkan kepada tiga sektor utama yang perlu diberi perhatian iaitu agensi penguatkuasaan rasuah dan perolehan kerajaan. Di samping itu NKRA Anti Rasuah turut memperkenalkan satu sektor baru iaitu pendidikan dan sokongan awam. Kerjasama dan sokongan daripada pelbagai agensi iaitu SPRM dan Jabatan Audit Negara termasuk sokongan daripada masyarakat awam dan ahli-ahli politik merupakan satu elemen yang penting bagi memastikan kesungguhan politik (*political will*) untuk membanteras rasuah dapat dimanifestasikan kepada pelaksanaan dan kelicinan operasi inisiatif NKRA anti rasuah.

Manakala makmal NKRA mengurangkan jenayah, 35 inisiatif telah dikenal pasti bagi dilaksanakan dari makmal mengurangkan jenayah *Government Transformation Program 2.0*, dengan izin. Antara lain inisiatif ini telah meletakkan sasaran dalam bidang utama seperti berikut:

- (i) mengurangkan jenayah pecah rumah, yang mana pasukan khas telah ditubuhkan untuk memantau kawasan perumahan yang dikenal pasti secara khusus;
- (ii) meningkatkan kehadiran PDRM di jalan-jalan dan kawasan perumahan di mana sebanyak 5,000 motosikal baru akan dimasukkan ke dalam Unit Rondaan Bermotosikal PDRM;
- (iii) meningkatkan keberkesanan siasatan PDRM dan meningkatkan kadar pendakwaan kertas siasatan dengan meningkatkan kapasiti kemahiran dan pengkhususan CID; dan
- (iv) mengukuhkan tumpuan dalam siasatan di mana Jabatan Pencegahan dan Pembanteras Jenayah (JPPJ) telah ditubuhkan di Bukit Aman untuk menerajui aktiviti pencegahan jenayah.

Pihak keempat-empat sektor ini mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan. Kita sentiasa berusaha untuk menambah baik perkara-perkara yang ada di hadapan mata kita semata-mata untuk menjadikan Negara Malaysia sebuah negara yang indah untuk didiami. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan untuk menjawab, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, adalah harapan kita agar sesi ini dapat tamat pukul 7 petang ini dan jika tidak dapat, kita mungkin akan tempohkan untuk membenarkan Ahli-ahli Dewan berbuka puasa.

Jadi sehubungan dengan itu, sukacita saya menjemput semua Ahli-ahli Dewan, pegawai-pegawai bertugas, Menteri-menteri yang berada di dalam Dewan ini termasuk pegawai kementerian dan jabatan serta media untuk turut serta di dalam jamuan berbuka puasa yang akan diadakan di Dewan Bankuet nanti. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**6.06 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, *insya-Allah* kita akan habis tidak lebih daripada jam 7.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau sekiranya tak habis kita akan jawab secara bertulis. Akan tetapi saya kena sentuh juga beberapa perkara penting supaya perkara yang menjadi jerebu kepada pemikiran rakyat kerana disalah tafsirkan fakta-fakta. Saya kena terangkan supaya Ahli Dewan yang mulia ini yang telah menjalankan perbahasan yang begitu baik supaya mereka juga dapat menilai tentang apa yang berlaku. Semoga Allah SWT memberkati kita semua dan menerima fakta kebenaran itu walaupun pahit dan menolak segala bentuk persepsi yang fitnah.

Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab di bawah Jabatan Perdana Menteri khususnya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Ahli Yang Berhormat yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop;
- (ii) Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader;
- (iii) Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon;
- (iv) Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh;
- (v) Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin;
- (vi) Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong;
- (vii) Yang Berhormat Senator Datuk Chih Tiang Chai;
- (viii) Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah;
- (ix) Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan;
- (x) Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam;
- (xi) Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof;
- (xii) Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin;
- (xiii) Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad;
- (xiv) Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan; dan
- (xv) Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok.

Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan teguran, saranan dan cadangan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan PRU-13 di mana pihak pembangkang mencabar keputusan PRU-13 tersebut dan seterusnya memohon semua pihak menerima dan menghormati keputusan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pilihan Raya Umum Ke-13 telah selesai dijalankan pada 5 Mei 2013. Secara amnya PRU-13 telah berjaya dijalankan tanpa berlakunya sebarang insiden yang serius.

Keputusan keseluruhan bagi Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen telah diketahui pada malam itu juga dan beberapa negeri pada awal pagi 6 Mei 2013. Ini dengan jelas menunjukkan sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara kita semenjak merdeka terus dipertahankan. Suruhanjaya Pilihan Raya telah mengambil maklum bahawa dakwat kekal yang dicalit pada jari pengundi mudah hilang. Namun demikian adalah ditegaskan bahawa penggunaan dakwat kekal adalah merupakan instrumen tambahan untuk mengelakkan percubaan mengundi lebih daripada sekali oleh seorang pengundi.

#### ■ 1810

Ketahanan dakwat kekal bukanlah segala-galanya kerana SPR hanya menyenaraikan nama pemilih sekali sahaja dalam daftar pemilih. Selain itu, pembersihan daftar pemilih SPR di semua negeri termasuk Wilayah Persekutuan Malaysia telah pun dibuat. Tiada sebarang pengecualian pemakaian undang-undang yang sedang berkuat kuasa bagi mana-mana negeri atau Wilayah Persekutuan dalam Malaysia.

SPR telah melaksanakan perjalanan pilihan raya dengan sebaiknya dan kerajaan yang ditubuhkan termasuk kerajaan negeri adalah merupakan kerajaan yang sah atau dengan izin, *legitimate government*. Dengan kata lain, semua pihak seharusnya menerima dengan reda keputusan pilihan raya tanpa mempertikaikan lagi kesahihannya. Namun sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dan berhasrat untuk mencabar keputusan pilihan raya, maka mereka boleh melakukannya menerusi Mahkamah Pilihanraya. Undang-undang pilihan raya yang sedia ada telah menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk menjamin sistem Mahkamah Pilihanraya yang telus lagi adil.

Terdapat Ahli Yang Berhormat menyarankan agar SPR tidak terlalu melayan kerenah dan permohonan pembangkang yang bertujuan untuk menyalahkan SPR dan mencari alasan kekalahan dalam pilihan raya. Sebagai contoh, isu penggunaan dakwat kekal yang dicadangkan oleh pembangkang yang kini dijadikan isu yang kononnya SPR menipu dalam pilihan raya seperti didakwa oleh Ahli Yang Berhormat yang menyuarakan kekecewaan kerana SPR gagal melaksanakan penggunaan dakwat kekal dengan sempurna. Beliau mendakwa berhak mempertikaikan kemenangan Barisan Nasional berikutan dakwat kekal yang tidak berkualiti dan tidak kekal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah menerima maklum balas bahawa pada asalnya semua pihak termasuk kerajaan berpuas hati dengan penggunaan dakwat kekal pada PRU Ke-13 yang lalu kerana ia telah dilaksanakan secara menepati undang-undang yang diwujudkan berkaitan dengan pelaksanaannya. Menurut statistik SPR, seramai 11,256,545 orang pengundi daripada 13,266,002 orang pemilih yang berdaftar atau 84.84 peratus telah keluar mengundi dalam PRU13. Daripada jumlah tersebut, hanya 1,469 laporan polis telah dibuat mengenai penggunaan dakwat kekal atau 0.013 peratus daripada keseluruhan pengundi. Daripada 67 petisyen yang dikemukakan termasuklah petisyen yang berkaitan dengan penggunaan dakwat kekal yang tidak kekal yang dikemukakan dan ia masih dalam *proceeding* mahkamah.

Mengenai dakwaan 2,000 nama pemilih yang bertindih untuk mengundi dua kali di Kedah. Untuk makluman Yang Berhormat, SPR menafikan terdapatnya 2,000 nama pemilih yang bertindih di Negeri Kedah. Walau bagaimanapun, SPR mengalu-alukan laporan rasmi dan maklumat terperinci berhubung semua dakwaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam isu ini bagi membolehkan SPR menjalankan siasatan lanjut.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa SPR bersikap pilih kasih dan terlalu memanjakan pembangkang kerana tidak mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap aduan-aduan yang dikemukakan di kawasan beliau semasa tempoh kempen PRU-13 yang lalu berbanding aduan-aduan yang dibuat oleh pihak pembangkang. SPR memang menerima aduan sedemikian dan akan menangani aduan yang dikemukakan. SPR sentiasa mengambil berat terhadap setiap aduan yang diberikan dan berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memaklumkan secara terperinci tentang aduan yang dimaksudkan bagi membolehkan SPR mengambil tindakan segera dan mengelakkan perkara yang sama daripada berulang pada masa yang akan datang.

Berhubung dengan cadangan agar SPR membuat pindaan Akta Pilihanraya bagi membenarkan parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya menggunakan e-Kempen bagi menggantikan kaedah kempen secara berceramah, menampal poster, *banner* dan sebagainya kerana ia mampu mengurangkan kos bagi parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya. Bagi makluman Yang Berhormat, SPR mengalu-alukan sebarang cadangan untuk menambah baik proses pilihan raya. Beberapa buah negara jiran telah mempunyai peraturan kempen pilihan raya termasuk..., dengan izin, *cooling-off period* selepas tempoh berkempen pilihan raya diadakan seperti di Indonesia, Thailand dan *Cambodia*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa pilihan raya di *Cambodia* pada hari Ahad yang lepas, jadi mereka menggunakan dakwat kekal yang agak tinggi *silver nitrate* menyebabkan dakwat yang lekat itu mungkin mengambil tempoh yang agak lama, mungkin tiga minggu atau sebulan. Ini adalah jari yang telah dicelup dengan dakwat kekal pada hari Ahad yang lepas di *Cambodia* dan setelah berbagai-bagai usaha telah dibuat untuk menanggalkannya, tetapi ia masih berada di sana. Itu pun saya berjumpa dengan salah seorang pengundi, dia beritahu bahawa dakwat itu tidak kekal dan dia telah menunjukkan bahawa tangannya sudah bersih. Cuma kotoran-kotoran limpahan dakwat di keliling tangan itu dia tidak dapat dibersihkan.

Saya kata, kita melihat bahawa pernah dicelup di dalam dakwat kekal dan limpahan dakwat di kiri kanan itu tidak dapat dibersihkan. Apa yang dapat dibersihkan ialah kawasan yang telah pun ditampal atau dibubuh benda-benda yang boleh menyebabkan dakwat itu tidak kekal. Saya tidak pasti apa yang telah digunakan, tetapi digunakan bahan tersebut untuk membolehkan dia menanggalkan dakwat berkenaan. Itu dakwat yang kekal pun ada orang kompelin tidak kekal. Biar pemerhati antarabangsa buktikan kepadanya bahawa dia telah mengundi sebab ada limpahan dakwat di jarinya, baru dia mengaku sebenarnya dia sengaja hendak uji sama ada dakwat ini boleh dikatakan tidak kekal dan sebagainya.

Itu dalam keadaan *silver nitrate* yang begitu tinggi digunakan, itu pun ada orang kompelin. Kita memakai *silver nitrate* yang rendah dan kita tahu bahawa tujuan kita adakan dakwat kekal ini adalah untuk mengundi pada hari tersebut supaya orang tidak mengundi dua kali. Itu adalah sebagai tambahan. Sebenarnya orang itu sukar untuk mengundi dua kali kerana namanya telah pun dipotong kalau sekiranya dia sudah mengundi. Jadi dakwat kekal itu bukan segala-galanya, tetapi kad pengenalan ialah perkara yang harus diberi perhatian dan itulah mereka yang boleh mengundi. Jadi bermakna mereka yang bukan warganegara, tidak boleh mengundi atau pun mereka yang mengatakan bahawa mereka warganegara tetapi tidak ada kad pengenalan, juga tidak boleh mengundi.

Kita berharap supaya isu ini dapat ditangani oleh semua pihak dan melihat bahawa keputusan pilihan raya yang telah kita buat adalah pilihan raya yang sah. Ini kerana yang pertamanya, semua Dewan Undangan Negeri telah pun mengangkat sumpah dan negeri-negeri tersebut telah pun melantik Menteri Besar. Malah semasa isu dakwat kekal ini dibuat, Menteri Besar telah pun dilantik dengan serta-merta di beberapa buah negeri. Walaupun ada sedikit masalah yang berlaku di Selangor, akhirnya Menteri Besar telah dilantik dan wakil rakyat mengangkat sumpah. Keduanya di Parlimen ini, semua orang mengangkat sumpah di Parlimen ini. Seramai 133 Barisan Nasional dan 89 orang ahli dari pembangkang angkat sumpah. Apabila kita mengangkat sumpah, bererti kita mengesahkan keputusan pilihan raya.

Berhubung dengan petisyen, petisyen ada 67. petisyen itu sekarang telah pun dibicarakan dan setengahnya ditolak. Akan tetapi bila mahkamah telah tolak petisyen berkenaan, anggaplah itu ialah keputusan yang muktamad yang telah dibuat oleh mahkamah. Akan tetapi ada pula pihak yang mengatakan sekarang ini bahawa hakim tersebut mungkin diarahkan untuk berbuat demikian.

Jadi sampai bilakah perkara ini akan tamat, padahal bila saya lihat beberapa fakta yang telah diberi rakan-rakan saya sebentar tadi, saya rasa risau dan resah bahawa kita asyik menumpukan kepada perkara yang kadang-kadang boleh merugikan masa hadapan kita. Contohnya ialah Ketua Pengarah Imigresen menyebut bahawa selepas hari raya nanti dia akan memburu 400,000 orang pendatang asing yang datang secara tidak sah ke negara ini. Jadi ini menunjukkan bahawa mereka sedang berada dalam pasaran ekonomi kita, pasaran kemasyarakatan kita. Itu kita rasa semua parti politik patut beri perhatian sebab ia mengancam masa hadapan kita.

Kemudian yang keduanya kepada orang-orang Melayu, lihat bahawa apa yang berlaku di hadapan kita tadi ialah berhubung dengan perkhidmatan awam, bahawa orang Melayu yang ingin masuk dalam perkhidmatan awam, mereka perlu bertanding di tahap 3.6 peratus.

#### ■1820

Itu merupakan sesuatu yang harus difikirkan bersama dalam keadaan kita bukan berada di tahap yang *comfortable*, dengan izin, di negara ini. Tiba-tiba perjawatan yang sedikit yang ada itu pun orang pertikai kiri dan kanan. Akan tetapi apabila fakta dibagi, saya harap fakta ini dapat diulang, kalau sekiranya fakta ini tidak diulang, kita sudah buat tidak betul. Saya percaya fakta yang di bentangkan tadi tidak mungkin diulang sebab ia merugikan. Akan tetapi bagi orang Melayu, saya ingat sudah sampai masanya melihat kehidupan ini harus diteruskan dan kehidupan ini boleh diteruskan kalau kita mengurangkan politik yang merugikan kita. Ini kerana soal dakwat kekal ini sepatutnya sudah tidak timbul lagi. Kalau saya ada kerajaan, saya kalau ada duit yang banyak Yang Berhormat, saya akan bawa pergi *Cambodia* ramai-ramai.

Akan tetapi tidak sempat semasa pilihan raya itu. Saya percaya kalau semua orang hadir pilihan raya di *Cambodia* baru-baru ini, semua orang menerima hakikat bahawa rupanya dakwat kekal bukan segala-galanya. Walaupun di *Cambodia*, pendaftaran pemilih itu diragukan kerana pendaftaran itu dibuat oleh *commune leader*, dibuat oleh ketua masyarakat. Jadi dengan itu, ia macam-macam perkara boleh timbul tentang data pemilih. Akan tetapi kami pemerhati antarabangsa itu hanya diminta untuk melihat proses pilihan raya yang kita dapati ia telah berjalan dengan lancar dan bersih.

Terdapat cadangan daripada Ahli Yang Berhormat supaya pengundian pos dimansuhkan dan pengiraan undi awal dibuat lebih awal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan untuk mengundi secara pos adalah untuk memberi peluang kepada anggota tentera, polis, petugas SPR, petugas media yang bertugas pada hari mengundi dan warganegara yang tinggal di luar negara yang terdiri daripada penjawat awam, pelajar dan mereka yang tinggal di luar negara untuk menunaikan tanggungjawab masing-masing memilih wakil rakyat. Sekiranya mereka tidak diberi peluang untuk mengundi secara pos, maka mereka tidak akan dapat menikmati hak pengundian yang telah di sediakan. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat agar SPR diberi kuasa yang penuh untuk memantau perjalanan pilihan raya termasuk bidang keselamatan, media dan juga harta benda. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR hanya melaksanakan fungsi-fungsi seperti yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek keselamatan, media dan harta benda tidak terletak di bawah bidang kuasa SPR. Berhubung dengan cadangan agar urusan persempadanan semula di lihat dari segi kawasan tersebut, bukan jumlah penduduk kawasan itu. Cadangan agar Parlimen Baram dipersempadankan semula agar DUN Marudu dan DUN Telang Usan dinaik taraf sebagai kawasan Parlimen. SPR suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa SPR mengambil kira faktor jumlah penduduk dan kawasan dalam menentukan bahagian pilihan raya. Namun demikian, SPR tidak dapat menyeragamkan saiz sesuatu bahagian pilihan raya dengan bilangan pemilih.

Sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri kerana perbezaan muka bumi dan penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu bahagian pilihan raya. Syarat asasnya, kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang ramai dan padat serta kemudahan pentadbiran yang lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil dan kemudahan pentadbiran yang kurang sempurna.

SPR juga mengkaji dengan lebih teliti cadangan untuk menaik taraf agar DUN Marudu dan DUN Telang Usan sebagai kawasan Parlimen dalam persempadanan yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, terdapat Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu undi popular yang dikatakan dimenangi oleh pihak pembangkang. Dalam hal ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlu dilihat fakta dan realiti di samping sejarah di mana Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Dengan kata lain, sistem demokrasi yang kita amalkan semenjak merdeka 56 tahun yang lalu adalah sistem demokrasi yang dilaksanakan mengikut kehendak rakyat terbanyak, dengan izin, *the majority*.

Melalui keputusan suara mereka yang diwakilkan atau wakil rakyat di dalam Parlimen yang telah dipilih menerusi sistem pilihan raya yang juga telah diasaskan semenjak merdeka yang berteraskan kepada tiga prinsip utama. Pertama, yang berasaskan kepada sistem *first-past-the-post* ataupun majoriti mudah. Ini bermakna mana-mana calon yang memperoleh undi yang terbanyak akan di isytiharkan sebagai calon yang menang walaupun beliau hanya mendapat kelebihan satu undi mengatasi calon lawannya yang lain.

Keduanya, berasaskan kepada pemilihan seorang perwakilan bagi bahagian pilihan raya, *single member territorial representation*, sama ada bagi bahagian pilihan raya Parlimen atau bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri. Ketiga, berasaskan kepada sistem penyertaan pelbagai parti politik dan pihak-pihak yang layak bertanding dalam suatu pilihan raya, *multiparty electoral system*.

Berdasarkan kepada fakta-fakta ini jelas menunjukkan bahawa sistem pilihan raya kita hari ini bukan berdasarkan kepada sistem undi popular. Secara kesimpulannya, PRU Ke-13 telah berlalu. Tibalah masanya untuk tidak kita menoleh ke belakang tetapi mengorak langkah ke hadapan. Kerajaan akan menumpukan perhatian dan usaha untuk menunaikan amanah yang telah diberikan oleh rakyat untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan negara ini membangun dengan lebih pesat. SPR telah cuba melakukan yang terbaik.

Dalam proses pilihan raya pilihan raya yang lalu SPR telah berusaha menjadikannya lebih telus dan banyak penambahbaikan yang telah dilaksanakan termasuk cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh parti pembangkang. Saya minta kepada semua pihak menerima keputusan PRU Ke-13 dengan hati terbuka. Sebarang pertikaian yang timbul daripada keputusan tersebut perlu dikemukakan melalui saluran yang betul dengan mengemukakan petisyen di Mahkamah Tinggi. Tindakan ini akan membuktikan bahawa kita merupakan pengamal demokrasi yang matang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara yang berhubung dengan Parlimen. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar, Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamad, Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad dan Senator Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin. Berhubung saranan kerajaan mengkaji kenaikan elaun dan bayaran tetap Ahli-ahli Dewan Negara agar setimpal dengan beban tugas yang di jalankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menyedari beban tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen yang semakin mencabar, kerajaan telah pun mengarahkan supaya saraan dan kemudahan Ahli Parlimen dikaji semula. Namun, sebarang kenaikan tertakluk kepada kewangan kerajaan. Sebagaimana yang telah saya maklumkan dalam jawapan bertulis baru-baru ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan Negara 2012 pada 7 Oktober 2011 telah pun mengumumkan bahawa kerajaan bercadang untuk mengkaji kenaikan elaun bulanan serta elaun dan kemudahan lain bagi Ahli Parlimen dengan syarat cadangan tersebut dipersetujui oleh semua Ahli Parlimen kerajaan pembangkang dan juga Bebas. Walau bagaimanapun, disebabkan cadangan tersebut mendapat bantahan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang, maka kerajaan pada 10 Oktober yang lalu telah memutuskan untuk menarik balik cadangan tersebut.

Akan tetapi baru-baru ini Dewan Rakyat telah memutuskan bahawa perkara ini akan dikaji semula. Sekali lagi pihak pembangkang telah bersetuju pada dasarnya iaitu dengan dimasukkan petugas-petugas sebagai sebahagian daripada cadangan tambahan elaun kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat. Maka, perkara itu akan dirujuk kepada Jawatankuasa Dewan yang akan ditubuhkan nanti. Cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara adalah bersamaan, sama seperti Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Rakyat. Jadi, kita tunggu Jawatankuasa Dewan yang dibentuk, ia akan membincang mengenai kenaikan yang telah dicadangkan.

Sudah pasti ada beberapa pihak yang telah mencadangkan supaya kenaikan tersebut dibuat tidak kurang daripada kenaikan yang berlaku di negeri Sarawak baru-baru ini. Semua perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian. Mengenai cadangan supaya Ahli Dewan Negara yang telah tamat tempoh pelantikan diberi ganjaran seperti tambang haji percuma kepada yang beragama Islam serta ganjaran yang bersesuaian untuk yang bukan beragama Islam.

Apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat, kita akan ambil perhatian dan kita akan merujuk kepada agensi-agensi yang terlibat yang menguruskan perkara ini.

■1830

Terdapat saranan agar pelan tindakan diadakan untuk memperkasa dan memastikan kelangsungan fungsi Dewan Negara untuk dengan izin, *check and balance* terhadap sistem pentadbiran kerajaan dan juga sistem demokrasi. Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan perkara 44, Perlembagaan Persekutuan, kerajaan melihat Dewan Negara sebagai salah satu komponen yang penting dalam pembentukan Parlimen selain daripada Yang di-Pertuan Agong dan juga Dewan Rakyat. Kewujudan Dewan Negara membolehkan proses semak dan imbang dapat dijalankan terhadap dasar-dasar kerajaan serta undang-undang yang digubal di Parlimen.

Fungsi Dewan Negara adalah relevan dengan perbahasan-perbahasan yang membina di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh yang demikian kerajaan komited memastikan peruntukan Perkara 44 tersebut dipelihara dan dipertahankan. Sebarang cadangan untuk menambah baik fungsi Dewan Negara boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Dewan bagi Dewan Negara untuk dipertimbangkan.

Seterusnya terdapat permohonan agar kemudahan penyelidikan dan Pegawai Penyelidik serta pembantu disediakan untuk membantu Ahli Parlimen membuat penyelidikan dan juga rujukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut waran perjawatan, Parlimen Malaysia diperuntukkan dengan 15 jawatan Pegawai Penyelidik. Sebanyak 13 jawatan telah pun diisi dan proses pengisian sedang diuruskan untuk dua lagi jawatan kosong. Melalui pemantauan yang dibuat, bilangan Pegawai Penyelidik ini mencukupi. Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan bahawa permohonan untuk kenaikan elaun Ahli-ahli Dewan Rakyat itu dimasukkan dengan Pegawai Penyelidik dan juga pembantu khas. Kita akan lihat cadangan-cadangan yang akan dibuat nanti.

Mengenai cadangan supaya tempoh Ahli Dewan Negara dinaikkan dari tiga tahun kepada lima tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara 45(3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tempoh jawatan seorang Ahli Dewan Negara ialah selama tiga tahun dan tempoh itu tidaklah tersentuh dengan pembubaran Parlimen. Perkara 45(3A) Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan bahawa seorang Ahli Dewan Negara tidak boleh memegang jawatan selama lebih daripada dua penggal sama ada terus menerus atau sebaliknya. Oleh yang demikian, apa-apa cadangan untuk menaikkan tempoh jawatan Ahli Dewan Negara adalah perkara dasar dan ianya boleh dilaksanakan melalui pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini kerajaan perlu mempertimbangkan justifikasi untuk menaikkan tempoh tersebut sebelum sebarang pindaan dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan.

Di antara alasan yang diberikan kenapa tempoh ini dilanjutkan, oleh kerana perkara ini telah pun dilaksanakan dalam tahun 1957 sampai sekarang dan kita dapati bahawa tempoh pencen bagi pegawai-pegawai kerajaan telah pun dinaikkan daripada 55 tahun sekarang ini sampai 60 tahun. Jadi mereka memikirkan bahawa perkara tersebut juga hendaklah diberi perhatian. Saya juga ingin memaklumkan bahawa semasa kita merdeka dahulu Ahli Dewan Negara ini ialah 38 orang. Sekarang ini melalui proses yang panjang tahun 1963, 1964, 1966, 1978, 1984, dan 2001, sekarang jumlah Ahli Dewan Negara telah meningkat kepada 70 orang. Jadi, berdasarkan kepada keadaan tersebut, maka permohonan supaya tempoh Ahli-ahli Dewan itu dinaikkan daripada tiga tahun kepada lima tahun.

Terdapat saranan agar dalam usaha untuk memperkasakan institusi Dewan Negara, maka pertimbangan wajar diberikan untuk melaksanakan Perkara 45(4)(a) iaitu menambah tiga Ahli Dewan Negara dipilih bagi tiap negeri dan Perkara 45(4)(b) untuk memilih Ahli Dewan Negara bagi setiap negeri melalui undi terus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Perkara 45(1)(a), Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan, keanggotaan Ahli Dewan Negara adalah termasuk dua orang ahli yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing. Jadi, pada keseluruhannya oleh kerana perkara ini telah pun dibincangkan dengan panjang oleh semua pihak, jadi kita juga melihat bahawa ini adalah merupakan perkara dasar ia mestilah melibatkan perbincangan yang melibatkan pindaan perlembagaan dan sebagainya.

Selain daripada itu, usaha untuk memperkasakan institusi Dewan Negara tidaklah bergantung semata-mata kepada penambahan bilangan Ahli Dewan Negara yang dipilih bagi setiap negeri atau perubahan kaedah pemilihan ahli bagi setiap negeri kepada pemilihan melalui undi terus. Ini kerana Ahli Dewan Negara melaksanakan fungsinya selaras dengan sumpah yang diangkat mengikut Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan iaitu dengan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia yang memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu dalam melaksanakan peranannya sudah tentu kepentingan rakyat termasuk golongan minoriti dan negara serta kedaulatan undang-undang diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu berkenaan dengan Majlis Keselamatan Negara, ESSCOM, APMM iaitu Yang Berhormat...

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Boleh saya mencelah?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menyampaikan penggulungan ini. Dengan pakej dan kenaikan elaun yang haruslah dimasukkan juga peruntukan bagi Dewan Negara ini terlampau kecil RM200,000 untuk tiga tahun. Jadi, saya mohonlah supaya Menteri memperjuangkan hak Dewan Negara ini supaya menjadi satu kenyataan. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya. Sepatutnya saya menjawab tadi tetapi saya pendekkan. Jadi saya tambah sebab Yang Berhormat mencelah. Sebenarnya, peruntukan yang diberi ini ialah hak Perdana Menteri. Jadi Perdana Menteri dari semasa ke semasa melalui ICU dan juga agensi yang lain akan mempertimbangkan supaya peruntukan untuk wakil rakyat memberi perkhidmatan kepada rakyat itu ditingkatkan. Jadi yang ini *insya-Allah* kita akan bawa untuk dipertimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ada juga permohonan supaya pihak pembangkang juga dapat sama seperti Ahli-ahli Barisan Nasional, bahawa perbelanjaan ini ialah perbelanjaan yang dibuat terus daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui agensi-agensinya yang telah ditetapkan iaitu melalui ICU.

Ini kerana ada permohonan daripada mana-mana pihak kita boleh berbuat demikian. Kerajaan ini tetap akan mempertahankan bahawa sebuah kerajaan yang adil, telus dan juga saksama kepada semua rakyat. Saya percaya bagi pihak Yang Berhormat, bukan hendak belanja itu sangat. Kita lebih suka supaya projek itu ada, bukan kuasa untuk dibelanjakan, tidak ada orang yang diberi kuasa untuk belanja sebab kuasa ini adalah kepada jabatan kerajaan yang terlibat. Contohnya untuk kita membina sebuah longkang. Kita lebih suka untuk melihat longkang itu dibina. Ia bukan kuasa kita untuk melaksanakan pembinaan longkang tersebut. Saya percaya itu adalah hasrat hati nurani bagi semua Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu perkhidmatan kepada rakyat.

Berhubung dengan cadangan agar ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja mengguna pakai dengan izin, *National Blue Ocean Strategy* bagi menyelesaikan isu pendatang tanpa izin di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat masalah pendatang tanpa izin di Sabah pada 8 Februari 2012. Siasatan RCI ini sedang berjalan dan menyeluruh dengan terma rujukan yang tidak terhad kepada aspek siasatan sahaja. Akan tetapi meliputi aspek-aspek seperti kewarganegaraan, keselamatan, sosioekonomi, kesihatan, politik dan alam sekitar. Kerajaan komited untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik kepada isu PATI di negara ini.

Untuk makluman, pengurusan PATI di negara ini secara umumnya adalah di bawah bidang tugas Kementerian Dalam Negeri. Salah satu daripada inisiatif kerajaan dalam penyelesaian isu PATI khususnya di negeri Sabah adalah dengan menubuhkan satu pasukan petugas yang telah beroperasi sejak tahun 1989 yang dikenali sebagai Pasukan Petugas Khas Persekutuan mengenai pendatang-pendatang luar negara di Sabah dan juga Wilayah Persekutuan Labuan. Pasukan ini bertindak secara langsung dalam semua urusan dan gerak tindak terhadap masalah peraturan luar negara khususnya di Sabah dan juga Wilayah Persekutuan Labuan.



Objektif penubuhan ini adalah untuk memastikan supaya pengurusan pengendalian dan penyelesaian masalah PATI di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu, terancang dan pesat bersesuaian dengan kepentingan nasional demi menjamin keselamatan negara dan mengekalkan keharmonian serta kesejahteraan rakyat.

Berhubung dengan penyelesaian kepada bukti-bukti yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Siasatan Pendetang Asing di Sabah di mana terdapat keterangan yang mendedahkan penyelewengan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa-apa tindakan atau jalan penyelesaian yang perlu diambil oleh kerajaan hanya boleh ditentukan selepas laporan Suruhanjaya Siasatan Pendetang Asing mengenai hasil siasatan sebagaimana yang dinyatakan dalam terma rujukan suruhanjaya diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

#### ■1840

Sebagai makluman, menurut tauliah bagi Suruhanjaya Siasatan Pendetang Asing di Sabah, pesuruhjaya hendaklah mengemukakan laporan kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa enam bulan daripada tarikh tauliah dikeluarkan pada 21 September 2012. Walau bagaimanapun, Yang di-Pertuan Agong melalui kuasa yang diberikan di bawah seksyen 5, Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 telah melanjutkan masa bagi pelaksanaan tauliah tersebut daripada 31 Mac 2012 sehingga 20 September 2013.

Seterusnya, mengenai saranan agar fungsi ESSCOM dan ESSZONE diperkukuhkan berdasarkan kepada matlamat asal untuk menjaga keselamatan kawasan timur Sabah. Dimaklumkan secara ringkas fungsi dan peranan ESSCOM untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (i) memperkukuhkan keselamatan, keamanan dan kestabilan di kawasan timur Sabah;
- (ii) memperkasakan kerjasama dan persefahaman di antara agensi bagi memacu kesejahteraan rakyat di kawasan timur Sabah; dan
- (iii) meningkatkan keyakinan terhadap keselamatan di kawasan timur Sabah.

Terdapat juga cadangan agar perkampungan air di Sabah ditutup dan ditubuhkan sebuah penempatan baru bagi menggantikan perkampungan air. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ESSCOM bersama kesemua agensi persekutuan dan negeri sedang membuat kajian terhadap tindakan-tindakan awal yang perlu diambil untuk menangani isu penempatan semula perkampungan air khususnya di kawasan timur Sabah yang melibatkan 10 daerah iaitu Tawau, Semporna, Kunak, Lahad Datu, Kinabatangan, Beluran, Sandakan, Pitas, Kota Marudu dan Kudat.

Walaupun bagaimanapun, hanya perkampungan air yang telah dikenal pasti sebagai lokasi utama tempat kegiatan yang tidak sihat seperti penyeludupan barang, senjata, dadah, pelacuran, tempat perlindungan pendatang tanpa izin dan sebagainya yang akan ditutup. Manakala yang lain akan disusun semula di samping meningkatkan kemudahan bekalan air, elektrik, pambesian dan sebagainya agar perkampungan tersebut boleh menjadi pusat tarikan pelancong dari dalam dan juga luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah, Yang Berhormat Senator Puan Khairiah, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir berkenaan cadangan mengenai gaji anggota keselamatan dikaji untuk mengurangkan rasuah dalam kalangan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan kenaikan gaji sebanyak 13 peratus kepada kenaikan gaji tahunan di antara RM85 sehingga RM325 pada tahun 2012 kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana bagi perkhidmatan PDRM.

Di samping itu, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013, kerajaan telah mengkaji dan meluluskan pelaksanaan kesetaraan pangkat bagi perkhidmatan PDRM dengan gred jawatan gaji perkhidmatan awam. Kadar elaun juga telah diselaraskan mengikut pangkat dan juga gred jawatan.

Berhubung dengan cadangan supaya biasiswa diberikan kepada lebih ramai bukan Melayu yang berkecukupan demi untuk mengurangkan keruncingan hubungan kaum. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, biasiswa yang telah dikeluarkan mestilah didasarkan kepada beberapa kategori termasuk latar belakang sosioekonomi keluarga, komposisi kaum, bumiputera Sabah dan Sarawak di samping kokurikulum dan juga prestasi semasa temu duga. Secara ringkasnya, saya ingin memaklumkan bahawa untuk Program Biasiswa JPA, ini salah satunya yang mengikut program dan juga mengikut kaum:

- (i) Program Biasiswa Nasional, penerima bumiputera adalah sebanyak 38 peratus manakala penerima bukan bumiputera pula adalah sebanyak 62 peratus;
- (ii) Program Pelajar Cemerlang STPM, penerima bumiputera adalah sebanyak 21 peratus dan penerima bukan bumiputera pula adalah sebanyak 79 peratus;
- (iii) Program Penajaan Perubatan di Universiti Perdana, penerima bumiputera adalah sebanyak 27 peratus dan penerima bukan bumiputera pula adalah sebanyak 73 peratus; dan,
- (iv) *Bursary*, penerima bumiputera adalah sebanyak 25 peratus dan penerima bukan bumiputera pula adalah sebanyak 75 peratus.

Seterusnya saya percaya dengan angka ini, yang perlu kita ulang berkali-kali, ini adalah satu fakta yang harus diketahui oleh rakyat Malaysia dan tidak patut ditimbulkan perkara-perkara yang boleh merugikan hubungan kaum. Ini kerana kita melihat apa yang telah dilakukan oleh kerajaan ini kalau kerana ia berdasarkan meritokrasi, kita lihat apa yang telah saya bentangkan tadi.

Seterusnya, mengenai cadangan sistem pemilihan yang lebih telus untuk memberikan biasiswa kerajaan bagi mengelakkan keraguan dan seterusnya menyarankan agar pemberian biasiswa secara automatik kepada pelajar cemerlang SPM yang mendapat keputusan 10A. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sistem biasiswa automatik telah diwujudkan oleh kerajaan di bawah Program Biasiswa Nasional. Biasiswa Nasional seperti yang saya sebutkan tadi iaitu sebanyak 38 peratus bumiputera dan sebanyak 62 peratus bukan bumiputera yang telah diberikan.

Biasiswa Nasional ini dianugerahkan secara automatik kepada 50 orang pelajar paling cemerlang selepas SPM mengikut senarai Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka di dunia. Di samping itu pada tahun 2012, bagi mengiktiraf kecemerlangan pelajar lepasan SPM pada tahun yang semasa yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya 9A+ dan ke atas akan ditawarkan *Bursary* secara automatik oleh kementerian tanpa mengira etnik, kaum, keturunan dan latar belakang.

Bagi menangani isu pemberian biasiswa JPA yang berbangkit setiap tahun, JPA telah mengkaji semula dan menambahbaikkan dasar sedia ada. Dalam hal ini, pelbagai usaha penambahbaikan telah diambil supaya sistem yang lebih telus dilaksanakan seperti berikut:

- (i) pemilihan calon penerima biasiswa dibuat oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan Biasiswa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Urusan dengan izin, *Student Assessment Center* dan temu duga diselaraskan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah JPA;
- (ii) sesi temu duga dijalankan oleh ahli-ahli panel yang terdiri daripada pegawai kerajaan daripada pelbagai kaum dan skim perkhidmatan. Urusan penilaian *Student Assessment Center* dan temu duga dijalankan secara berkumpulan; dan,

- (iii) aduan-aduan dipantau melalui sistem dan garis panduan pengurusan aduan yang sedang berkuat kuasa.

Saya kini tiada bukti yang kukuh menyokong bahawa wujudnya keraguan dalam penawaran biasiswa kepada pelajar cemerlang dan dakwaan tersebut hanyalah berdasarkan persepsi masyarakat sahaja. Setakat ini pelaksanaannya telah dijalankan secara telus berdasarkan kriteria yang telah dipersetujui selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 30 Mac 2012 di samping penambahbaikan seperti yang dinyatakan di atas.

Berhubung dengan persoalan sama ada sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dan sektor awam telah dicapai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2012 sebanyak 31.3 peratus iaitu 516 daripada pengisian jawatan utama dalam perkhidmatan awam yang berjumlah 1,649 diisi oleh pegawai-pegawai wanita. Ini melebihi 30 peratus daripada Dasar Sekurang-Kurangnya 30 peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan dan dalam sektor awam sebagaimana yang diumumkan pada bulan Ogos 2004. Malahan pada masa ini, didapati secara puratanya 65 peratus pelajar wanita berada di pusat-pusat pengajian tinggi. Ini bererti, mereka akan menguasai lebih daripada 30 peratus dari semasa ke semasa. Saya percaya, mungkin suatu masa nanti mereka akan sampai ke tahap sama seperti mereka yang keluar daripada universiti.

Mengenai saranan agar dasar pertukaran bagi suami isteri yang tinggal berjauhan berikutan tuntutan kerja dikaji semula agar tempoh pertukaran dibuat dengan lebih singkat. Adalah dimaklumkan bahawa kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan pegawai. Urusan penempatan dan pertukaran pegawai sentiasa diberikan keutamaan terutamanya permohonan pertukaran atas sebab mengikut pasangan yang bekerja di negeri ataupun di tempat lain apabila terdapat sesuatu kekosongan.

Berhubung dengan cadangan agar kerajaan membenarkan golongan ibu pulang sejam lebih awal pada bulan puasa dengan menggantikannya pada waktu rehat iaitu pukul satu hingga dua petang serta mengambil masa rehat bagi tujuan solat Zuhur sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, waktu bekerja berperingkat (WBB) telah dilaksanakan di semua peringkat agensi Kerajaan Persekutuan melalui 1 Jun 2007. WBB terdiri daripada tiga waktu peringkat dan pegawai-pegawai boleh memilih peringkat-peringkat yang telah ditentukan mengikut kesesuaian masing-masing.

#### ■1850

Berhubung dengan cadangan bahawa ketua jabatan diambil dalam kalangan orang dalaman dan bukannya daripada orang luar. Perkara ini diberi perhatian bahawa pelantikan didasarkan kepada kesesuaian jawatan yang hendak dilantik. Seterusnya persoalan yang lain-lain, *insya-Allah* saya jawab secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh dua tiga perkara kerana saya terpaksa mengejar waktu dan juga menunaikan janji. Sebab janji ialah sesuatu yang harus ditunaikan oleh semua pihak dan kita tidak boleh mungkir janji... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua pun saya sudah berjanji bahawa kita akan habis pada jam 7.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ada beberapa perkara yang saya tidak dapat sentuh, saya akan jawab secara bertulis. Satu lagu persoalan sebab ini telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat iaitu persoalan mengenai sama ada kerajaan melaksanakan hak kakitangan awam bernegosiasi melalui Persatuan Sekerja seperti yang terkandung dalam Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 1998.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan Awam Malaysia mempunyai dasar amalan *collective bargaining* secara teratur dan meluas. Perkara ini merupakan satu komponen penting kepada dasar menguruskan penjawat awam di negara ini. Perhatian bersungguh ini bermatlamat menjaga kebajikan setiap penjawat awam dengan membolehkan mereka mempunyai peluang untuk menyatakan pandangan dan pendapat melalui sesuatu dasar yang akan dilaksanakan dan seterusnya di peringkat telah dilaksanakan. Ruang memberi pandangan dan pendapat dilakukan melalui kaedah seperti berikut:

- (i) secara temu janji. Persatuan Sekerja, Persatuan Penjawat Awam dan penjawat awam secara individu boleh mengadakan pertemuan temu janji bersama ketua jabatan sehingga ke peringkat Ketua Setiausaha Negara bagi menyatakan pendapat dan pandangan mengenai dasar kerajaan;
- (ii) secara berkala. Pertemuan kesatuan dirancang secara berkala setiap beberapa bulan sekali di peringkat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan semua pegawai tertinggi di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia;
- (iii) secara kolektif. Satu – peringkat kebangsaan melalui Majlis Bersama di peringkat kebangsaan yang diadakan sebanyak enam kali setahun meliputi perwakilan yang dipilih di semua kesatuan dan persatuan dari semua skim perkhidmatan awam. Keanggotaan majlis yang diwakili oleh 75 orang perwakilan akan berbincang bersama semua Ketua Setiausaha dan semua kementerian mengenai dasar perkhidmatan awam. Wakil dari kerajaan negeri juga dijemput hadir pada setiap mesyuarat. Mesyuarat akan dipengerusikan bersama oleh Pengerusi Pihak Pekerja dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Peringkat jabatan melalui Majlis Bersama di peringkat jabatan. Setiap jabatan dikehendaki menubuhkannya yang dianggotai oleh wakil dari setiap peringkat pekerja. Setiap persatuan dan setiap kesatuan di jabatan juga mempunyai wakil di majlis ini dan mesyuarat diadakan pada setiap tiga bulan yang dipengerusikan bersama oleh Pengerusi Pihak Pekerja dan Pengerusi Majikan. Isu yang diutamakan ialah isu setempat jabatan meliputi hal ehwal kebajikan pekerja dan juga ekosistem pekerja.

Saya harap saya telah menjawab apa yang telah dimusykilkan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mengenai Yang Berhormat Senator Hajah...  
Ya?

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Sebenarnya jawapan itu masih belum menepati. Akan tetapi, walau bagaimanapun saya hargai pandangan dan juga pendapat yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya akan terus di Dewan ini membangkitkan hal yang sama.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Insya-Allah, saya dalam jawapan yang akan datang nanti, saya akan memberi keutamaan supaya jawapan ini datang dahulu untuk membolehkan kita berbincang secara terbuka. Dalam kekangan masa ini, saya baca tentang apa yang telah dibuat dan itulah yang terbaik. Sekarang ini mungkin satu lagi kita dapat sentuh iaitu berhubung dengan PERMATA.

Yang Berhormat Senator Hajah Mariany binti Mohammad Yit yang membangkitkan isu PERMATA mengenai cadangan agar ibu tunggal diambil bekerja secara kontrak di Taska PERMATA supaya anak-anak mendapat penjagaan yang selamat tanpa risiko. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidik di Pusat Anak PERMATA Negara dan Taska PERMATA kelolaan agensi kerajaan seperti KEMAS dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional adalah penjawat awam yang dilantik melalui proses pelantikan biasa yang diuruskan sepenuhnya oleh pihak berkuasa yang melantik, yang berkenaan iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Ibu-ibu tunggal yang mempunyai kelayakan boleh mengemukakan permohonan untuk mengisi jawatan pendidik mengikut proses pelantikan biasa. Walau bagaimanapun, ibu-ibu tunggal yang mempunyai anak-anak di peringkat umur satu hingga empat tahun digalakkan mengemukakan permohonan untuk menempatkan anak-anak mereka di PAPN atau Taska PERMATA yang berhampiran, bagi membolehkan anak mereka mendapat kemudahan asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti dalam persekitaran yang lebih kondusif dan juga selamat.

Ahli Yang Berhormat, kita juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Datin Paduka Seri Rosmah yang telah mengunjurkan pemikiran PERMATA ini sehingga sekarang ini kita akan melihat sesuatu yang terbaik dapat dikeluarkan, dapat *diproduced*, dengan izin daripada PERMATA, iaitu anak-anak yang cemerlang yang mana kita berharap anak-anak yang cemerlang ini juga akan menjadi pemimpin yang cemerlang di masa akan datang. Terima kasih kepada pemikiran-pemikiran yang bernas. Kerajaan sentiasa menghargai mana-mana pihak yang boleh memberi pandangan yang bernas dari semasa ke semasa.

PERMATA adalah satu daripada pemikiran yang telah diterima pakai oleh kerajaan sebagai salah satu daripada jabatan yang mendapat peruntukan tahunan daripada pihak kerajaan. Berkenaan dengan persoalan sama ada kerajaan mempunyai sebarang perancangan untuk membina bangunan guna sama. Ini telah pun dijawab berkali-kali kepada Yang Berhormat Marang dan Yang Berhormat Marang saya ingat berpuas hati dengan jawapan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan sebentar tadi.

Berhubung dengan cadangan agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan Thai Songkran pada setiap 13 April sebagai cuti umum. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk menjadikan Thai Songkran sebagai cuti umum. Akan tetapi, kita akan merujuk kepada negeri-negeri yang mempunyai penduduk Thai yang ramai supaya benda ini dipertimbangkan di peringkat negeri, sebagaimana yang dibuat pada Hari Gawai dan juga Pesta Kaamatan. Saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah...

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Soalan. Boleh saya mencelah?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memberi hak saksama kepada semua golongan termasuk kaum minoriti Siam. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya sebenarnya saya terlupa hendak sebut tadi tentang komposisi *Senate* di negara-negara lain termasuk komposisi *Senate* di United Kingdom. Ia ada wakil-wakil dan dimasukkan di situ 26 orang wakil tetap *as-bishop* dan juga *bishop* daripada gereja-gereja di England. Jadi, kita lihat bahawa tentang komposisi Dewan Negara ini boleh difikirkan ke arah tersebut di masa akan datang.

Sekarang ini kita lihat Senator yang mewakili kumpulan dan juga kaum serta bidang-bidang tertentu sudah pun berada di sini. Mungkin kita boleh fikirkan perkara-perkara yang berlaku di negara lain sebagai perbandingan di masa akan datang. Berhubung dengan cadangan yang terakhir ini, perkara ini kena disebut sebab cadangan supaya Datuk Seri Mohd Ali Rustam diberi jawatan pengerusi syarikat berkaitan kerajaan atau penasihat kepada Jabatan Perdana Menteri. Kita akan bagi jawatan ini kepada mereka yang bersesuaian. Sudah pasti kita akan mendengar apa-apa khabar berhubung dengan siapa-siapa dari semasa ke semasa berhubung dengan pelantikan bagi mana-mana jawatan.

Kita ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang telah mempengerusikan mesyuarat ini dengan sabar dan penuh ihsan. Kepada semua pegawai-pegawai Parlimen, kepada pegawai-pegawai kementerian dan tidak ketinggalan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dengan sabar menunggu untuk berbahas dan juga mendengar jawapan daripada pihak kerajaan.

Ada perkara-perkara yang kita rasa saya tidak dapat menjawab semua, termasuk kawan-kawan saya, tetapi kita akan hantar secara bertulis. Saya hendak beritahu bahawa oleh kerana saya tidak pernah berada di Dewan Negara, ini kali pertama saya berada di Dewan Negara, walaupun berada di Dewan Rakyat agak lama, saya melihat perbahasan di Dewan Negara ini cukup baik dan cukup menyeronokkan kita mendengarnya... *[Tepuk]* Saya sanggup duduk daripada pagi sampai petang sebab saya menganalisis ucapan-ucapan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi, saya ucap tahniah. Kita hanya mendengar khabar-khabar yang tidak benar di luar sana seolah-olah Ahli Dewan Negara ini tidak patut diadakan kerana ia tidak memberi sumbangan yang sewajarnya. Saya rasa pendapat tersebut saya setuju dengan Yang Berhormat Senator tadi bahawa itu adalah pendapat sendiri yang tidak wajar dikeluarkan. Oleh sebab orang juga boleh pertikai sama ada kewajaran beliau berada di sana dan apakah sumbangannya itu wajar kepada negara atau tidak.

Masing-masing ada fungsi dan Dewan Negara, tiap-tiap ahli yang berucap, saya tengok adalah ucapan bertulis yang mempunyai fakta-fakta yang cukup menarik dan sebahagian besarnya boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Jadi, sekali lagi saya ucap tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara... *[Tepuk]* Semoga Ahli-ahli Yang Berhormat meneruskan khidmat baik dan juga ucapan perbahasaan yang begitu baik dan juga sesuatu yang ada pada Ahli Yang Berhormat ialah kesabaran yang luar biasa, sanggup menunggu dengan tenang, mendengar semua pihak berbahas dan dalam masa yang sama juga mendengar pihak kerajaan menjawab. Terima kasih dan saya juga bagi pihak pegawai-pegawai ingin mengucapkan selamat berbuka puasa pada petang ini dan seterusnya Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menepati janji. Saya juga nampak Yang Berhormat Menteri merupakan salah seorang Menteri yang selalu berada di dalam Dewan... *[Tepuk]* Menteri yang sungguh prihatin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop itu.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maka dengan itu tadi sempurnalah sudah sesi menjawab oleh pihak-pihak kementerian yang telah berlangsung selama dua hari iaitu 29 Julai dan hari ini, 30 Julai. Saya ingin mengucapkan syabas kerana semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk pihak-pihak kementerian terutama Dato’ Seri Shahidan telah sama-sama menjalankan tanggungjawab dengan penuh tertib dan disiplin.

Akhir sekali, saya sekali lagi ingin menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Menteri-menteri yang berada di Dewan Parlimen ini ke Majlis Berbuka Puasa. Saya ingin menjemput juga semua petugas termasuk pihak media ke majlis berbuka puasa yang akan dilangsungkan sebentar lagi di Dewan Bankuet. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 31 Julai 2013.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.03 malam.]***